



# PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT

*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KETIGA

*Third Parliament*

PENGGAL PARLIMEN KETIGA

*Third Session*

## KANDUNGANNYA

### PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Mengalu-alukan Kedatangan Y.A.B. Tuan Norman Kirk, Perdana Menteri New Zealand [Ruangan 4941]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 4942]

### USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 4974]

Akta Kastam, 1967—

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 22), 1973 [Ruangan 4974]

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 13), 1973 [Ruangan 4975]

## **KANDUNGANNYA—(sambungan)**

### **USUL-USUL—(samb.):**

**Akta Eksais, 1961—**

**Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3), 1973 [Ruangan 4976]**

**Ordinan Eksais, Sarawak (Bab 27)—**

**Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2), 1973 [Ruangan 4977]**

**Ordinan Eksais, Sabah, No. 18 tahun 1959—**

**Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2), 1973 dan (No. 13), 1973  
[Ruangan 4978]**

**Anggaran Pembangunan, 1974 [Ruangan 4978]**

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1974 [Ruangan 4978]**

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

*Penyata Rasmi*

### PENGGAL YANG KETIGA

---

Hari Rabu, 19hb Disember, 1973

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

#### YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N. K.O.M., (Pekan).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S., (Johor Bahru Timur).
- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, Y.M. TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Segamat Utara).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, K.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rambau Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SBRI (Johor Timur).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Mar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungai Patani).
- „ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN, A.M.P. (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).

Yang Berhormat DR. CHEN MAN HIN (Seremban Timur).

- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).  
 „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).  
 „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).  
 „ TUAN EDWIN ANAK TANGKIN, A.B.S. (Batang-Lapur).  
 „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).  
 „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S.  
 (Batu Pahat Dalam).  
 „ TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).  
 „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).  
 „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).  
 „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).  
 „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).  
 „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).  
 „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).  
 „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S. (Bandar Sib).  
 „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).  
 „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).  
 „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).  
 „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).  
 „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).  
 „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).  
 „ TUAN LUHAT WAN (Baram).  
 „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).  
 „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).  
 „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).  
 „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).  
 „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).  
 „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).  
 „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).  
 „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).  
 „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N.  
 (Trengganu Tengah).  
 „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).  
 „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).  
 „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).  
 „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).

Yang Berhormat TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).

- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, S.M.S., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).

YANG TIDAK HADIR :

Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

- „ Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Penerangan, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K., (Samarahan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).

- Yang Berhormat DATUK HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYONG (Labuk-Sugut).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TENGGU ZAID BIN TENGGU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., P.J.K. (Dilantik).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, ENCIK WONG SENG CHOW (Dilantik).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Ng Cheng Kuai.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar Musa bin Alang Ahmad.

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN YANG  
DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN KEDATANGAN  
YANG AMAT BERHORMAT TUAN  
NORMAN KIRK, PERDANA MENTERI  
NEW ZEALAND

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka memberitahu Dewan, ada bersama kita hari ini di tempat V.I.P. seorang Tetamu Khas Negara kita ialah Yang Amat Berhormat Tuan Norman Kirk, Perdana Menteri New Zealand. Maka dengan beberapa sukacita dan dengan hati yang ikhlas kita semua menyambut kedatangan Yang Amat Berhormat itu (*Tepuk*). Kita berharap mudah-mudahan lawatan Yang Amat Berhormat itu akan mempererat lagi persahabatan dan kerjasama di antara kedua-dua negara kita.

Honourable Members, I am happy to inform the House that we have with us today a distinguished visitor, the Right Honourable Mr Norman Kirk, Prime Minister of New Zealand. We welcome with great pleasure this visit. We hope his visit will strengthen further the bonds of friendship already existing between our two countries. (*Tepuk*).

**Tuan Ng Hoe Hun (Larut Selatan):** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri New Zealand, Tuan Norman Kirk, saya, Ahli Parlimen, Parti Bebas hendak bercakap sedikit dan saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) It is not often, Sir, that this Malaysian Parliament receives such a distinguished guest as the Honourable Mr Norman Kirk. On behalf of my colleagues in the Opposition group, we wish to say to you, Sir, "Selamat datang ke negeri kami", and we hope that your stay in Malaysia will be a most refreshing one. Thank you for coming. (*Tepuk*).

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

LAWATAN PERDANA MENTERI KE  
SOVIET RUSSIA

**1. Tuan Haji Shafie bin Haji Abdullah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada, semasa lawatan beliau ke Soviet Russia untuk mengeratkan lagi tali persahabatan di antara kedua-dua buah negara, beliau telah mempelawa Pengerusi Presidium Tertinggi Soviet Tuan N. V. Podgorny dan Pengerusi Majlis Menteri-menteri Tuan A. N. Kosygin melawat Malaysia; jika ya, nyatakan samada kedua-duanya telah menyatakan kesanggupan mereka hendak melawat Malaysia.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, semasa lawatan saya ke Soviet Russia pada tahun lepas, saya telah mempelawa Tuan N. V. Podgorny iaitu Pengerusi Presidium Tertinggi Soviet, dan juga Tuan A. N. Kosygin, Pengerusi Majlis Menteri-menteri, untuk melawat ke Malaysia secara rasmi pada masa dan ketika yang akan ditentukan dan kedua-dua pemimpin itu telah menerima jemputan itu dan menunjukkan penghargaan kepada jemputan itu.

**Tuan T. S. Gabriel:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita meminta bantuan daripada Soviet Russia untuk pembangunan negara kita semasa lawatan beliau ke Russia?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada berunding berkenaan dengan bantuan pembangunan dan juga berkenaan dengan perdagangan, dan satu rancangan besar yang sedang diusahakan oleh pihak Kerajaan Soviet Russia ialah Hydro-electric Scheme di Tembeling di negeri Pahang.

**Tuan Loh Jee Mee:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membincangkan dengan Tuan Podgorny dan Tuan Kosygin tentang cadangan mereka untuk mengadakan satu Asian Collective Security System?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan dahulu mereka ada memberi keterangan kepada saya berkenaan konsep Asian Collective Security itu.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Tuan Yang di-Pertua, semua orang tahu Kerajaan Malaysia adalah anti-komunis dan siapa-siapa yang berfahaman komunis mesti ditangkap dan dimasukkan ke penjara, tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada mempelawa dua orang komunis yang penting sekali itu Tuan Podgorny dan Tuan Kosygin melawat Malaysia. Itu saya tidak erti, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri beri penjelasan?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah diterangkan kerap kali dalam Dewan ini. Kita menentang penganas-penganas komunis yang ada di negara kita, kerana mereka itu menjalankan kekerasan untuk hendak menjatuhkan Kerajaan yang dipilih oleh rakyat yang menjalankan dasar demokrasi. Akan tetapi kita sedia hendak bersahabat dengan semua negara, tidak kira apa juga ideologi ataupun cara pentadbiran mereka.

**Tuan Mustapha bin Hussain:** Soalan tambahan. Dalam perbincangan beliau dengan pemimpin-pemimpin Soviet, adakah Kerajaan Soviet meminta facilities di negara kita untuk kapal-kapal perang Soviet di Indian Ocean?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini tidak berbangkit.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ialah seorang yang tidak tahu apa-apa berkenaan komunism ini, tetapi Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selalu berkata dalam penjara Malaysia banyak orang yang berfahaman komunis ditahan. Oleh itu, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bebaskan mereka yang berfahaman komunis dalam tahanan itu as a goodwill, so as to show goodwill . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu tidak ada kena-mengena. Soalan lain.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Baik.

**Tuan T. S. Gabriel:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bagaimanakah sokongan-sokongan dan pandangan-pandangan Kerajaan Soviet Russia mengenai pengecualian ASEAN yang dicadangkan oleh Kerajaan Malaysia, on our proposal of neutrality of Asia?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan rancangan perkecualian Tenggara Asia seperti saya telah terangkan dahulu kita belumlah meminta pandangan daripada kuasa-kuasa besar, sebab perkara ini belum diputuskan lagi dan kita di Tenggara Asia belum lagi mendapat persetujuan atas perkara ini. Jadi, masalah pandangan daripada Soviet Russia belumlah timbul di atas hal ini.

**Tuan Haji Shafie bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah satu-satu perkara yang besar yang menarik perhatian dan minat pemimpin-pemimpin Soviet terhadap Malaysia, samada hasil-hasil pengeluaran dagangannya ataupun kestabilan pemerintahan Kerajaan Malaysia ataupun keamanan ataupun kebijaksanaan pemimpin-pemimpin Malaysia memainkan peranan di rantau Asia ini sebagai salah satu keluarga ASEAN.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, setahu saya mereka itu ada memandang tinggi kepada kedudukan kita, dasar kita, dasar luar yang berkecuali dan juga kestabilan di negara kita. Maka dengan sebab itulah pihak Soviet Russia suka hendak bersahabat dan bekerjasama dengan kita.

## PEPERANGAN DI TIMUR TENGAH— PENDIRIAN MALAYSIA

**2. Tuan Luhut Wan** minta Menteri Luar Negeri menyatakan pendirian Malaysia mengenai peperangan di Timur Tengah dan samada pendirian ini selaras dengan pengisytiharan Kuala Lumpur mengenai perkecualian ASEAN.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjelaskan pendirian Malaysia berkenaan dengan peperangan di Timur Tengah ini pada 9hb Oktober dan juga pada 28hb Oktober tahun ini dalam Dewan ini, dan saya fikir pendirian kita telah terang dan nyata iaitu kita mempunyai simpati dan sokongan kepada pihak Arab dan untuk hendak mendapat balik wilayah-wilayah mereka itu yang diduduki dengan secara haram oleh pihak Israel, dan kita menyokong usaha-usaha Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan pihak-pihak yang lain untuk menyelesaikan keadaan di Timur Tengah itu.

Begitu juga kita berkehendakkan yang Timur Tengah itu tidak menjadi kawasan pergolakan di antara kuasa-kuasa besar. Jadi,

ini adalah sejajar dengan dasar kita seperti yang disebutkan dalam Pengisytiharan Kuala Lumpur yang dibuat di Malaysia pada tahun 1971 dahulu.

**Tuan Mustapha bin Hussain:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai penganjur konsep berkecuali beritahu kepada Dewan iaitu adakah kelima-lima negara ASEAN ini sebulat suara menyokong negara-negara Arab terhadap pertikaian mereka dengan Israel.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, ini tidak ada kena-mengena dengan soal perkecualian.

### PERAIRAN DI SELAT MELAKA

**3. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin** minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada beliau bercadang untuk mengulangkaji soal kawasan perairan Malaysia/Indonesia dan samada satu perjanjian telah dicapai di antara kedua-dua buah negeri untuk menentukan kawasan-kawasan tangkap ikan masing-masing.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia dan Indonesia telah menandatangani Perjanjian Tentang Penetapan Garis-batas Laut Wilayah kedua-dua negara di Selat Melaka pada 17hb Mac, 1970. Perjanjian tersebut telah disahkan oleh Malaysia pada 16hb November, 1970 dan oleh Indonesia pada 10hb Mac, 1971. Dalam soal perikanan, tiap-tiap negeri hendaklah menangkap ikan di kawasan perairan sendiri dan orang-orang luar tidaklah berhak berbuat demikian.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa perjanjian yang dicapai di antara Malaysia dengan Indonesia tidak boleh memastikan bahawa nelayan-nelayan Malaysia di Selat Melaka boleh pergi menangkap ikan dengan selamat. Misalnya, pada bulan Ogos 22 buah kapal nelayan-nelayan pergi ke Selat Melaka untuk menangkap ikan telah ditangkap oleh pihak-pihak tertentu di Indonesia dan untuk membebaskan mereka, mereka terpaksa bayar untuk sebuah bot \$3,000 dan jumlah semuanya melebihi \$60,000. Jadi, adakah Kementerian berkenaan mengemukakan perkara ini dengan pihak-pihak tertinggi di Indonesia untuk mengatasi perkara ini?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah termasuk dalam soal No. 26 dan saya akan jawab bila tiba masanya.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan. Berkenaan kawasan perairan, bolehkah Perdana Menteri beritahu berapa batu jauhnya dari pantai?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, ini kita telah terangkan dan Ahli-ahli Yang Berhormat patut tahu iaitu kita mengiktiraf perairan 12 batu jauhnya daripada pantai kita.

### DUTA/PESURUHJAYA TINGGI MALAYSIA DI SEBERANG LAUT

**4. Datuk James Wong Kim Min** minta Perdana Menteri menyatakan keritaria bagi jawatan-jawatan Duta-duta, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi, Perwakilan-perwakilan. Atase-atase Perdagangan dan lain-lain, untuk mewakili Malaysia di seberang laut.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, orang-orang yang dianggap sesuai untuk dilantik menjadi Duta-duta Besar dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi adalah daripada mereka yang difikirkan menasabah untuk memegang jawatan-jawatan itu. Lazimnya perlantikan tersebut adalah dibuat dari pegawai-pegawai Bahagian Diplomatik dan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik. Dalam pada itu, orang-orang daripada luar perkhidmatan ini juga kalau mereka itu dianggapkan sesuai, boleh juga dilantik sebagai Duta-duta atau Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi.

### KOSEP PERKECUALIAN ASIA TENGGARA

**5. Tuan Mustapha bin Hussain** minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada benar bahawa Amerika Syarikat menentang Perkecualian Asia Tenggara.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya terangkan di dalam Dewan ini, soal mengujudkan satu Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali sebagaimana yang dibayangkan di dalam Pengisytiharan Kuala Lumpur itu, masih lagi dalam peringkat perancangan dan pengkajian di antara negara-negara anggota ASEAN. Hanya setelah selesai pengajian ini, dan persetujuan mengenai butir-butir penuh cadangan itu telah dicapai di antara anggota-anggota

ASEAN, barulah soal sokongan dari kuasa-kuasa besar, termasuk Amerika Syarikat akan dikemukakan.

### PESTA PEMBAHARUAN

**6. Tuan Hor Cheok Foon** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (1) samada arahan beliau bahawa pesta-pesta kemajuan diadakan di peringkat negeri setiap tahun dan di peringkat daerah tiap-tiap enam bulan itu telah dilaksanakan; jika ya, nyatakan negeri-negeri dan daerah-daerah dalam mana pesta tersebut telah diadakan dan jumlah wang dibelanjakan untuk pesta-pesta itu; dan
- (2) apakah faedah yang didapati dari pesta-pesta itu jika ia sudah diadakan.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua,

- (1) Sebenarnya Kerajaan tidak pernah membuat arahan sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tetapi apa yang Kerajaan telah mengarahkan ialah supaya pesta tersebut iaitu Pesta Pembaharuan diadakan setahun sekali di peringkat-peringkat negeri/daerah dan sekali dalam dua tahun di peringkat kebangsaan. Seperti yang telah diketahui kita telah mengadakan pesta-pesta di tempat-tempat yang tersebut.

1. Negeri Trengganu
2. Negeri Pulau Pinang
3. Negeri Kelantan
4. Negeri Selangor
5. Negeri Sembilan
6. Negeri Pahang
7. Negeri Perlis
8. Negeri Melaka
9. Negeri Kedah, dan
10. Negeri Sarawak.

Jumlah wang yang telah dibelanjakan bagi mengadakan 10 buah pesta itu ialah sebanyak \$397,000.

Bagi menjawab soalan yang kedua, saya ingin menjelaskan bahawa pesta-pesta pembangunan yang telah diadakan itu adalah bertujuan untuk menunjukkan kepada rakyat cara mereka boleh melibatkan diri dalam usaha-usaha pembangunan yang dijalankan

oleh Kerajaan, di samping membolehkan mereka memastikan cara-cara memodenkan kehidupan mereka sehari-hari.

Dari itu faedah-faedah yang diperolehi boleh dilihat dari segi pemodenan yang telah diamalkan oleh rakyat dalam kehidupan mereka di bidang ekonomi, pendidikan, kesihatan dan sebagainya serta juga penglibatan mereka yang kian bertambah dalam projek-projek pembangunan Kerajaan di mana kejayaan pelaksanaan projek-projek tersebut pada keseluruhannya adalah memuaskan.

### KEKURANGAN BERAS

**7. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong** minta Perdana Menteri menyatakan masalah-masalah yang dihadapi di dalam pembahagian beras di Malaysia dan samada L.P.N. boleh bertindak dengan berkesan untuk mengatasi kekurangan beras dan harga-harga beras yang tinggi.

**Timbalan Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Datuk Onn):** Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun menghuraikan masalah seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat semasa saya menjawab soalan-soalan dalam Dewan ini.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan saya berkenaan dengan mengatasi kekurangan beras dan harga-harga beras yang tinggi. Tidak berapa lama dahulu dalam Dewan Rakyat ini Perdana Menteri ada berkata L.P.N. sekarang mengawal 1% sahaja mengenai masalah beras. Saya hendak tahu L.P.N. sekarang mengawal berapa persen masalah beras ini?

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:** Tuan Yang di-Pertua, mengawal atau mengeluarkan?

**Tuan Ng Hoe Hun:** Mengawal atau mengontrol is the same word, Sir.

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:** Tuan Yang di-Pertua, masalah kontrol harga beras tidaklah dijalankan oleh L.P.N. sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri mengetahui iaitu L.P.N. menentukan sama sekali harga-harga padi yang dikeluarkan oleh jelapang-jelapang padi dan petani-petani itu memberi jaminan pada harga yang berpatutan. Dan begitu juga L.P.N. menentukan berkenaan dengan stockpile

beras dalam negara ini dan sebagainya. Tetapi kalau maksud Ahli Yang Berhormat itu mengawal dengan seluruhnya perdagangan dan perusahaan beras itu tidaklah betul sebagaimana yang disangkanya.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan. Kalau begitu, L.P.N. tidak boleh mengawal masalah beras di negara kita. Itu betul atau tidak?

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:** Tuan Yang di-Pertua, itu fahaman Ahli Yang Berhormat.

### PEMBEKALAN BERAS

**8. Tuan Chan Fu King** (*di bawah S.O. 24*) (2) minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) samada benar ada terdapat diskriminasi di dalam pembekalan beras tempatan kepada peniaga-peniaga beras; dan
- (b) sebab mengapa banyak peniaga-peniaga beras tempatan yang tidak dapat pembekalan beras dengan harga yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya tidak faham apa yang dimaksudkan dengan perkataan "diskriminasi" dalam pembekalan beras tempatan itu.
- (b) Kerajaan tidak menetapkan harga beras, tetapi harga-harga Beras disyorkan oleh Kerajaan sebagai berpatutan selaras dengan padi yang dibeli mengikut kadar jenis dan kebersihan di antara \$19 dengan \$23 sepikul. Sebab-sebab harga beras yang disyorkan itu sukar didapati telah saya terangkan dalam Dewan ini pada 26hb November yang lalu.

### KEKURANGAN KERTAS

**9. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan tindakan Kerajaan bagi mengatasi masalah kekurangan kertas di Malaysia, khasnya kertas-kertas bagi perusahaan akhbar-akhbar. Adakah Kerajaan akan memberi bantuan kepada mereka.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Musa Hitam):** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, masalah kekurangan

kertas ini, bukanlah masalah yang dihadapi oleh Malaysia sahaja tetapi adalah merupakan satu masalah dunia. Hal ini jelas sekali apabila dibandingkan penggunaan tahunan kertas dunia yang meningkat pada kadar 5% dengan keupayaan pengeluaran dunia yang cuma 2% hingga 3%.

Kementerian saya telah berusaha dengan giat bagi mencuba mengatasi masalah ini dan beberapa mesyuarat telah diadakan serta perbincangan dengan pihak-pihak yang berkenaan. Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan Malaysia juga telah dihubungi bagi mencari punca-punca dan pembekal-pembekal baru. Hasil dari usaha Kementerian ini, beberapa pembekal-pembekal baru dari negeri-negeri Eropah telah didapati dan perkara ini telah disampaikan ke pengetahuan pihak-pihak berkaitan untuk tindakan mereka selanjutnya.

Pihak Kementerian masih menunggu jawapan dari pihak-pihak tersebut tentang perkembangan perkara ini.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa dengan bertambah mahalnya harga kertas maka akan melibatkan harga buku-buku sekolah akan bertambah mahal juga. Apakah peranan yang dimainkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya keluaran buku di sekolah-sekolah diringankan atau supaya tidak berapa mahal pada masa yang akan datang.

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, soal asal ialah berhubung dengan perusahaan akhbar-akhbar, kertas untuk akhbar. Jadi kertas untuk buku tidak timbul.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah usaha-usaha Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya kertas ini kita dapat perolehi bukan sahaja dari luar negeri, tetapi juga dari dalam negeri, dan adakah Yang Berhormat Menteri ada membuat rancangan untuk mengadakan perusahaan-perusahaan kertas supaya kita dapat mengelakkan daripada berlakunya harga kertas yang bertambah mahal.

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, soal yang berupa sama telahpun ditanya di dalam Dewan ini dalam beberapa lama yang

lepas dan saya telah menjelaskan dengan sejas-jelasnya atas kedudukan soal industri kertas pada keseluruhannya.

### **PERBUATAN MENYOROK BARANG-BARANG PENGGUNA**

**10. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh manakah lima cara untuk menyekat membuat untung berlebihan sebagaimana yang dibayangkan oleh Allahyarham Tun Dr Ismail pada pertengahan bulan Jun, 1973 telah berjaya.

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, kejayaan atau kegagalan lima cara yang telah disyorkan oleh Allahyarham Tun Dr Ismail bergantung kepada beberapa faktor termasuklah fahaman dan kerjasama yang aktif daripada rakyat jelata, selain daripada tindakan-tindakan oleh pihak Kerajaan.

Setakat ini beberapa langkah telah diambil oleh Kementerian saya berhasil daripada kerjasama yang telah diberikan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

- (a) Kementerian saya telah menerima maklumat-maklumat daripada pihak Awam berhubung dengan perbuatan menyorok barang-barang pengguna dan beberapa pekedai telahpun didakwa di Mahkamah. Butir lanjut telahpun saya maklumkan di Dewan ini pada 26hb. November, 1973 ketika menjawab soalan dari Yang Berhormat ahli dari Pulau Pinang Utara.
- (b) Disamping itu seruan supaya jangan membeli barang-barang dengan berlebihan telah juga mendapat sambutan daripada orang ramai sebagai yang telah dialami pada hari perayaan baru-baru ini. Kita telah dapat melihat bahawa pada musim hari raya baru-baru ini, harga barang-barang pengguna utama telah dapat dikekalkan pada paras yang lazimnya.
- (c) Kementerian saya memberi bantuan di mana-mana juga perlu atas peranan Syarikat-syarikat Kerjasama menjalankan tugas sebagai pembahagi barang-barang keperluan di semua peringkat terutama di peringkat tempatan. Ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan untuk memperluaskan bidang pembahagi dalam usahanya mengatasi masalah kenaikan harga.

(d) Usul daripada 2 syor yang lain belumlah dapat diukor setakat ini oleh sebab berkehendakkan penukaran cara berfikir dan fahaman rakyat jelata. Ini akan mengambil masa yang agak panjang.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, dahulu ada dikatakan iaitu ada senjata sulit untuk mengatasi naiknya harga barang-barang ini. Apakah senjata sulit yang akan kita buat terhadap penjual-penjual barang dengan harga mahal?

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, kita mempersoalkan lima cara yang telah disyorkan oleh Allahyarham Tun Dr Ismail. Tak ada dalam lima cara ini yang disebutkan sulit. Walau bagaimanapun, kalau senjata itu sulit, maaflah saya tak dapat memberitahu.

### **PINJAMAN KEPADA SYARIKAT KERJASAMA KEWANGAN TANAH KEBANGSAAN BHD.**

**11. Dr S. Seevaratnam** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (i) jumlah pinjaman yang telah diberi oleh Kerajaan kepada Syarikat Kerjasama Kewangan Tanah Kebangsaan Berhad (NLFC) dan kadar faedah yang dikenakan;
- (ii) jumlah pinjaman yang telah dibayar balik setakat ini dan jumlah faedah yang diterima oleh Kerajaan;
- (iii) samada Kerajaan mempunyai rancangan untuk memberi lagi pinjaman kepada syarikat ini, dan jika ya, berapakah jumlah wang yang terlibat; dan
- (iv) bagaimana Kerajaan bercadang hendak mendapat balik segala pinjaman yang telah diberikan itu.

**Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob):** Tuan Yang di-Pertua,

- (i) jumlah pinjaman yang telah diberi oleh Kerajaan kepada Syarikat Kerjasama Kewangan Tanah Kebangsaan Berhad, ialah \$7.5 juta. Kadar faedah yang dikenakan ialah 6½% setahun.

- (ii) Jumlah pinjaman yang telah dibayar balik setakat ini ialah \$2,488,197.22 yang merupakan \$1,368,607.08 bayaran hutang pokok dan \$1,119,590.14 bayaran faedah. Jumlah ini merupakan bayaran ansuran hutang pokok dan faedah yang sepatutnya dijelaskan.
- (iii) Kerajaan tidak ada apa-apa rancangan untuk memberi pinjaman lagi kepada Syarikat ini.
- (iv) Syarikat adalah diikat oleh Surat Perjanjian Pinjaman untuk membayar balik pinjaman dengan sepenuhnya mengikut syarat-syarat yang terkandung di dalam Surat Perjanjian tersebut. Apabila berlaku sesuatu kemungkinan, Kerajaan boleh mengambil tindakan undang-undang. Pegawai-pegawai Perbendaharaan ada duduk dalam Lembaga Pengarah dan di dalam Jawatankuasa Penasihat Kewangan yang bertanggungjawab di atas pengurusan syarikat ini. Perbendaharaan telah mengambil beberapa langkah melalui Lembaga Pengarah untuk menentukan pembayaran balik pinjaman dilakukan sepenuhnya.

## SEKOLAH KEBANGSAAN—LAYANAN

**12. Tuan Abu Bakar bin Umar** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) mengapa sekolah-sekolah Kebangsaan yang pada amnya mengajar anak-anak bumiputra yang miskin tidak mendapat layanan yang sama sebagaimana sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Inggeris;
- (b) adakah Kerajaan bercadang hendak memberi bantuan kewangan yang sama kepada kedua-dua jenis sekolah ini, dan
- (c) samada beliau bersetuju dengan Jawatankuasa Kajian Keciciran Sekolah yang mengatakan bahawa bantuan-bantuan yang diberikan oleh Kerajaan kepada murid-murid sekolah-sekolah Kebangsaan adalah merupakan bantuan-bantuan kepada pelajar-pelajar yang berada bukan kepada pelajar-pelajar yang miskin, kalau bersetuju, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah tersebut supaya dapat mengelakkan keciciran dari kalangan anak-anak bumiputra.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Adalah tidak benar bahawa Sekolah-sekolah Kebangsaan tidak mendapat layanan yang sama dengan Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan. Pemberian per capita (per capita grant) bagi semua sekolah dan pemberian mata-mata pelajaran (subject grant) bagi sekolah-sekolah menengah adalah sama. Pinjaman buku-buku teks daripada Kementerian Pelajaran adalah dikhususkan untuk Sekolah-sekolah Kebangsaan. Berkenaan dengan perbelanjaan pembangunan, lebih daripada 80% daripada peruntukan itu telah dibelanjakan untuk Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan dalam tahun-tahun 1971 dan 1972. Berkenaan dengan guru-guru pula, Kementerian saya, setakat mana yang boleh, telah memperbanyakkan guru-guru terlatah mengajar di Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan tetapi usaha ini pada masa yang lampau adalah terhad kerana dalam sistem Guru-guru Yang di Persatukan (UTS), guru-guru tidak dapat ditukarkan. Walau bagaimanapun, dengan tertubuhnya Perkhidmatan Pelajaran Kerajaan, lebih banyak pertukaran telah dan akan dilakukan.

- (b) Ini adalah dasar dan amalan Kerajaan.
- (c) Jawatankuasa tersebut tidak ada membuat kenyataan demikian dalam laporannya.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Adullah:** Soalan tambahan. Tidakkah pihak Kementerian ini sedar bahawa di antara sebab-sebab keciciran berlaku di Sekolah Kebangsaan ialah berlakunya perbezaan tentang kelayakan guru-guru misalnya seperti guru-guru di sekolah yang bahasa penghantar Inggeris adalah berkelayakan lebih tinggi dan mereka juga adalah lebih muda. Ini bermakna mereka lebih mendapat latihan yang lebih moden dan ini juga dengan sendirinya memberikan implikasi bahawa persediaan mereka dari segi ilmiah dan ikhtisas adalah lebih baik dari rakan-rakan sejawat mereka yang lebih tua yang selalunya diberi peluang mengajar di Sekolah Kebangsaan. Jika sedar, sudahkah pihak Kementerian ini bertindak mengambil langkah itu untuk mengatasinya?

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, sedar dan Kementerian sedang mengambil langkah dan akan mengambil langkah.

**Tuan Fan Yew Teng:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menimbangkan bagi menjalankan suatu sistem yang mana guru-guru graduate akan dihantar ke sekolah-sekolah menengah di luarbandar dan bukan disimpan sahaja di sekolah-sekolah yang boleh dikatakan "premier" macam A.C.S., Convent, M.B.S. dan lain-lain?

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Maaf, saya tidak faham atas soalan itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuba soal lagi.

**Tuan Fan Yew Teng:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri menimbangkan dengan teliti bagi menjalankan suatu sistem di mana guru-guru graduate iaitu guru-guru yang ada pengalaman dan mempunyai ijazah dari universiti dihantar ke sekolah menengah di luarbandar dan bukan disimpan sahaja di dalam beberapa sekolah menengah yang dikatakan "so called premier school" seperti A.C.S., Convent, M.B.S. dan lain-lain?

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain, tetapi tuduhan Ahli Yang Berhormat itu tidak benar.

**Tuan V. Veerappen:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Menteri yang berkenaan sedar iaitu banyak guru-guru yang ada di Sekolah Kebangsaan pada masa sekarang tidak ada kelayakan ataupun latihan dalam teaching profession oleh kerana mereka dilantik pada masa penjajah dahulu. Kalau sedar, apakah langkah Kerajaan akan ambil untuk menukarkan guru-guru itu dan dilantik guru-guru yang ada berkelayakan ataupun professional training?

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sedar dan Kementerian telah, sedang dan akan mengambil tindakan.

**Tuan V. Veerappen:** Bolehkah Menteri memberitahu Dewan ini apakah langkah yang Kerajaan hendak ambil?

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, kami adakan kursus untuk

guru-guru yang tidak terlatih dan kami akan mengadakan banyak lagi Maktab-maktab Perguruan untuk menambahkan guru-guru yang terlatih.

**Tuan T. S. Gabriel:** Soalan tambahan. Bila kita pandang seorang murid daripada luarbandar dengan seorang murid di bandar bukan serupa outlook, environment is totally different. They may be in the same form. Adakah apa-apa rancangan Kementerian Pelajaran hendak ambil untuk mengatasi masaalah ini? The standard of education is not similar when compared to students from the rural areas, even though they may be in the same Form V—rural school compared to school in town. Adakah apa-apa rancangan Kementerian Pelajaran untuk mengatasi masaalah ini?

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain. Tetapi bagi pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu, Kementerian saya sedang mengambil langkah untuk membaiki keadaan ini dan ini adalah hasrat dan hakikat Kerajaan untuk membaiki keadaan ini.

#### SYARIKAT UNITED MOTOR WORKS SDN. BHD.

#### PEKERJA-PEKERJA

**13. Tuan Chan Fu King** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (i) samada beliau sedar bahawa majikan syarikat United Motor Works, Sdn. Bhd. menghalangkan penubuhan sebuah kesatuan sekerja oleh pekerja-pekerja mereka, jika ya, apakah tindakan yang telah diambil oleh beliau untuk membolehkan pekerja-pekerja itu menubuhkan kesatuan sekerja mereka;
- (ii) bilangan pekerja-pekerja syarikat tersebut yang telah disingkir jawatannya sejak 28hb Ogos, 1973 dan sebab-sebab mereka disingkir; dan
- (iii) keadaan perhubungan sekarang di antara pekerja-pekerja dan majikan syarikat United Motor Works Sdn. Bhd.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Haji Ramli bin Omar):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan

- (i) Saya tidak sedar yang pekerja-pekerja United Motor Works Sdn. Bhd. telah

dihalang menjadi ahli-ahli kesatuan sekerja. Walau bagaimanapun, ada terdapat bangkangan dari Transport Equipment and Allied Industries Employee's Union mengenai apa yang dikatakan penubuhan suatu kesatuan syarikat di United Motor Works Sdn. Bhd. Perkara ini sedang menerima perhatian.

- (ii) 12 pekerja-pekerja dalam syarikat tersebut telah dibuang kerja semenjak bulan Ogos dan 9 dari mereka telah membuat aduan kepada Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat di bawah Seksyen 16A Akta Perhubungan Perusahaan mengenai pembuangan mereka dan Kementerian saya sedang menyiasat sebab-sebab yang adil atau sebaliknya pembuangan tersebut.
- (iii) Di samping kekacauan dalam awal bulan September di mana terdapat beberapa tindakan berpiket di ruangan-ruangan Syarikat di Shah Alam, perhubungan di antara pekerja-pekerja dan syarikat tersebut nampaknya memuaskannya pada umumnya dan tiada terdapat aduan-aduan selanjutnya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat memberitahu Dewan ini mengenai pembuangan 12 orang pekerja, apa sebab pekerja-pekerja itu mengemukakan kepada Kementerian atas pembuangan mereka? Bukankah pekerja-pekerja itu mengatakan bahawa oleh kerana mereka mahu menubuhkan sebuah kesatuan mereka dibuang daripada pihak pekerja?

**Tuan Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjelaskan masaalah yang ada mengenai pembuangan itu sepertimana saya jelaskan dalam jawapan nombor (ii) tadi. Ahli Yang Berhormat itu tentulah tahu mengikut Seksyen 16A jikalau pembuangan itu tidak berasas, Menteri adalah berhak atau Mahkamah Perusahaan, memberi kenyataan untuk mengambil semula pekerja-pekerja itu, kalau ada asas pekerja-pekerja itu, maka pihak Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat tidak akan menyokong untuk mengembalikan pekerja-pekerja itu. Walau bagaimanapun asas pembuangan itu di peringkat ini, saya dapat tahu dalam

kompeni itu boleh jadi ada sedikit-sedikit pertelingkahan yang boleh dibaiki oleh Kementerian saya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menyoal kuasa Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat untuk menghantar perkara itu kepada Mahkamah Perusahaan. Apa yang saya tanya ialah apa sebab yang telah dikemukakan oleh pekerja-pekerja yang dibuang kepada Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. What reasons did the workers give to the Ministry as the reason for their expulsion?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau tidak boleh bercakap dalam Bahasa Kebangsaan tidak usahlah soal.

**Tuan Lim Kit Siang:** Baik. Apa sebab pekerja-pekerja mengemukakan sendiri kepada Kementerian sebab mereka dibuang, bukan sebab yang dikemukakan oleh majikan atau sebab yang didapati oleh Mahkamah, tetapi sebab yang dikatakan oleh pekerja kepada Kementerian?

**Tuan Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat hendak mengetahui sebab-sebabnya bolehlah saya terangkan di luar Dewan ini selepas pertanyaan ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, tidakkah boleh diberitahu di dalam Dewan ini oleh kerana perkara itu ada berkaitan dengan soalan ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya suka menerangkan sungguhpun soalan boleh dibuat, tetapi Menteri dengan sebab-sebab dia sendiri, boleh tidak menjawab sama sekali atau menjawab kemudian, bukan terpaksa beliau memberi jawab dalam Dewan ini.

## BEKALAN AIR

14. **Tuan Ng Hoe Hun** minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan:

- (a) samada kawasan-kawasan tadahan air di Larut dan Matang kekotoran;
- (b) tindakan yang telah diambil untuk mencegah najis-najis manusia daripada mengotori bekalan air; dan

- (c) samada kajian telah dijalankan sejak Hari Merdeka dalam tahun 1957 untuk menentukan kawasan-kawasan yang dianggap sebagai kawasan-kawasan tadahan air.

**Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):** Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu soalan ini patutlah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri kerana bekalan air adalah terletak di bawah jagaan Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun di bawah ini diturunkan jawapan kepada soalan-soalan Ahli Yang Berhormat itu.

- (a) Kawasan tadahan hujan di Larut dan Matang terletak di Kawasan hutan dan bukit yang mana kemungkinan mendapat kekotoran (polluted) adalah sedikit. Kualiti air ini dikawal melalui analisa-analisa yang menunjukkan tidak ada sebab Ahli Yang Berhormat merasa kuatir terhadapnya.
- (b) Kawasan tadahan hujan ini telah di-gezetkan dan orang awam adalah dilarang mencero boh kawasan ini. Oleh sebab kawasan-kawasan ini telah di-gezetkan segala aktiviti-aktiviti di dalamnya sentiasa dikawal untuk menjamin supaya kebersihan air sentiasa dikawal.
- (c) Soalan (c) ini tidak berapa jelas maksudnya dan oleh yang demikian saya akan menganggap bahawa apa yang telah diminta oleh Yang Berhormat ialah samada satu kajian dijalankan untuk menentukan kawasan-kawasan yang mempunyai kemungkinan atau potential menjadi kawasan tadahan air. Pada pendapat Kementerian ini kajian serupa itu belum lagi diperlukan pada masa ini. Ianya hanya dilakukan bila keadaan memerlukan.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri berkata masaalah air ini adalah masaalah State Government. Saya hendak bertanya soal tambahan berkenaan dengan masaalah ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Berkenaan dengan 14 (a), bilakah penyiasatan dibuat dalam tahun ini berkenaan dengan air di Larut dan di Matang?

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, penyiasatan adalah dijalankan dari semasa ke semasa bukan setahun sekali, kerana air ini berjalan tiap-tiap kali. Kita memang menjalankan penyiasatan, adakah ianya boleh diminum atau tidak dari satu masa ke satu masa.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Tuan Yang di-Pertua, kata Yang Berhormat Menteri tadi penyiasatan ada selalu dibuat tetapi penyiasatan dibuat di mana, di air atau dalam catchment area. Adakah Yang Berhormat Menteri tahu orang masuk dalam catchment area itu untuk pergi buang air?

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi catchment area ini adalah sudah di-gezet, jadi sepatutnya orang awam adalah tidak dibenarkan untuk mencero boh di tempat itu, tetapi kalau ada orang yang pergi mencero boh atau mengotorkan di tempat itu adalah menjadi kewajipan Ahli Yang Berhormat itu memberitahu kepada pegawai-pegawai yang berkenaan, kalau betul perkara ini berlaku.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Saya tahu juga, Tuan Yang di-Pertua, tetapi adakah Menteri sedar bahawa ini gazetted area—Maxwell Hill selalu ada orang turun-naik tiap-tiap hari, dan ada pula orang-orang yang tinggal kerana ada rumah di atasnya itu. Bagaimana gazetted area tidak boleh masuk? Sila beri penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuba jelaskan sekali lagi, satu-persatu!

**Tuan Ng Hoe Hun:** Kata Menteri tadi kawasan ini ialah water catchment area. Orang tidak boleh masuk dan ini telah digazetkan siapa masuk boleh ditembak. Water catchment area ini di Maxwell Hill, di situ ada orang duduk, dan anak-anak mereka tentu ada buang air besar. Sila beri penjelasan bagaimana masaalah ini boleh timbul.

**Datuk Haji Abdul Ghani bin Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin Yang Berhormat itu menarik balik perkataannya siapa masuk boleh ditembak. Kita tidak ada cakap siapa masuk boleh ditembak (*Ketawa*) Ini tidak betul. Orang yang ada di Maxwell Hill itu adalah orang yang kita memang sudah benarkan, kerana

tempat itu tidak difikirkan memberi ke-kotoran kepada water catchment area ini. Ini sudah dibenarkan. Tetapi apa yang dimaksudkan ialah di tempat yang langsung kita tidak benarkan orang masuk.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Saya tidak bercakap . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan sahaja, jangan bercerita.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan. Menteri mengatakan tidak ada signboard mengatakan siapa masuk ditembak. Jikalau beliau hendak mengikut saya, saya boleh tunjukkan signboard itu yang mengatakan—Tidak boleh masuk, jika masuk akan ditembak. Saya sendiri nampak ada orang berenang di kolam air itu. Oleh itu apakah tindakannya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat menahan orang berenang di kolam itu?

**Tuan Ng Hoe Hun:** Berbalik kepada soalan saya, adakah penyiasatan dibuat atau tidak. Jangan cakap itu dan ini. Adakah buat penyiasatan di kawasan water catchment area? Ada orang membuat kotor atau tidak?

**Datuk Haji Abdul Ghani bin Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, signboard itu memang ada ditaruh gambar orang pegang senapan, tetapi bukanlah bererti kita boleh tembak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya pun ada tengok gambar itu. (*Ketawa*)

**Datuk Haji Abdul Ghani bin Gilong:** Itu cuma notis sahaja yang menunjukkan kawasan ini ialah restricted area, tidak dibenarkan orang keluar—masuk dengan sesuka hati tanpa kebenaran. Bukanlah kebenaran ditembak. Saya tidak sangka Yang Berhormat itu begitu jahil. (*Ketawa*) Berkenaan dengan orang membuat ke-kotoran dalam catchment area ini, sebagaimana yang saya katakan tadi silalah Yang Berhormat memberitahu kepada pegawai yang berkenaan supaya tindakan boleh diambil. Kalau pegawai itu tidak ambil, Yang Berhormat boleh jumpa saya sendiri. Saya boleh ambil tindakan.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan. Berkenaan dengan pollution air ini, adakah Yang Berhormat Menteri sedar di atas Maxwell Hill ada orang menanam sayur

dan bila tanam syor mesti pakai racun. Bila hari hujan racun itu boleh masuk dalam air dan air itu masuk ke dalam perut saya.

**Datuk Haji Abdul Ghani bin Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, kalau begitu, saya akan jalankan penyiasatan.

#### KERETAPI—LINTASANRATA KERJA (OCCUPATION CROSSING)

**15. Tuan Mustapha bin Hussain** minta Menteri perhubungan menyatakan samada beliau sedar bahawa pintu keretapi di Pelandok Jatoh, Bukit Mertajam di kawasan Seberang Tengah, yang telah dibina hampir-hampir 80 tahun yang lalu telah ditutup dan dengan itu menyusahkan penduduk di situ pergi dan balik dari kampung mereka dan Bandar Bukit Mertajam, dan jika ya, samada beliau akan membuka semula pintu itu.

**Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):** Tuan Yang di-Pertua, Pentadbiran Keretapi, sebelum menutup lintasanrata tersebut telah membuat satu kajian mengenai kedudukan lintasanrata tersebut dan didapati lintasanrata ini perlu ditutup demi menjaga keselamatan orang-orang awam yang melintas di situ. Lintasanrata yang terdapat itu adalah sebuah lintasanrata Kerja (Occupation Crossing) yang pembinaannya adalah pada asalnya dikhaskan untuk kegunaan kakitangan-kakitangan Pentadbiran Keretapi sahaja untuk mengadakan hubungan kepada rumah-rumah mereka, dan telah di *Gazette* dalam tahun 1959 sebagai "Occupation Crossing" dan bukan sebagai Lintasanrata Awam, mengikut Ordinan Keretapi, 1948 Seksyen 38. Jika Lintasanrata Awam (Public Level Crossing) dikehendaki, maka pihak yang Berkuasa Tempatan (Local Authority) hendaklah membuat permohonan kepada Pantadbiran Keretapi Tanah Melayu dan lintasanrata ini hendaklah dibina mengikut Ordinan Keretapi, 1948 Seksyen 36. Oleh kerana ianya tidak diperlukan lagi untuk kegunaan kakitangan-kakitangan keretapi, dan demi untuk menjaga keselamatan orang-orang awam, maka Pentadbiran Keretapi telah mengambil keputusan untuk menutup lintasanrata tersebut. Lebih-lebih lagi ada terdapat juga sekarang ini sebatang jalan raya yang berhampiran dan boleh digunakan oleh orang-orang awam dengan melalui Jalan Megat Harun dan

Jalan Wong Pow Nee. Jalan ini juga boleh dilalui oleh kenderaan-kenderaan. Oleh yang demikian, penutupan lintasanrata tersebut adalah demi kepentingan keselamatan orang-orang awam dan tidak menyusahkan penduduk-penduduk di situ.

**Tuan Mustapha bin Hussain:** Soalan tambahan. Saya tidak mahu bertengkar dengan Yang Berhormat Menteri, tetapi rakyat yang duduk dekat dengan Pelanduk Jatuh susah hendak lalu-lintas. Bolehkah Yang Berhormat Menteri melawat di Pelanduk Jatuh itu bersama-sama dengan saya dan melihat kesusahan rakyat. Saya boleh memberi jaminan pelanduk sahaja jatuh di situ, tetapi Menteri tidak boleh jatuh.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Sebagaimana yang saya katakan tadi, jikalau Local Authority, samada Town Council atau Local Council ada membuat permohonan baharulah kita semak balik dan kalau patut diadakan hendaklah menepati syarat-syarat iaitu mesti mengadakan gate, penjaganya, kalau tidak ada orang akan kena langgar dan mati, siapa hendak bertanggungjawab. Itu yang menjadi soal sekarang.

## KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

**16. Tuan Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan setakat ini bagi mewujudkan suatu masyarakat yang benar-benar berkebudayaan Malaysia dan apakah langkah-langkah yang dapat diambil pada peringkat permulaannya bagi melahirkan suatu Kebudayaan Nasional.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim):** Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil dalam usaha mewujudkan kebudayaan adalah seperti berikut:

- (i) memperbanyakkan bahan-bahan kebudayaan kebangsaan;
- (ii) memperkenalkan serta mempopularkan bahan-bahan yang ada;
- (iii) memberi galakan dalam bidang latihan dan kegiatan kepada peminat-peminat dan peserta-peserta; dan
- (iv) menggalakkan experiment-experiment untuk penyesuaian dan Kemajuan bagi meninggikan lagi mutu.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan giat menjalankan usaha-usaha dalam keempat-empat bidang itu.

Mengenai (i), satu seksi penyelidikan telah ditubuhkan untuk menjalankan usaha-usaha ini secara langsung atau secara mendapatkan pakar-pakar untuk membantunya terutamanya institusi-institusi pelajaran tinggi. Satu jawatankuasa kebangsaan mengenai pengajian kebudayaan telah ditubuhkan.

Mengenai (ii), Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan telah menjalankan berbagai usaha juga secara langsung atau dengan kerjasama berbagai-bagai pihak mengadakan pameran, pertunjukan, pertandingan, pesta dan mengadakan bahan-bahan kebudayaan dalam bentuk penulisan, piring hitam, filem dan sebagainya supaya orang ramai dapat mengenali kebudayaan mereka dan turut serta di dalam kegiatan-kegiatan itu. Bahan-bahan tersebut juga dimasukkan ke dalam alat-alat sebaran am seperti radio, televisyen, suratkhbar, majallah dan sebagainya.

Mengenai (iii), Kerajaan memberi bantuan tenaga dan kewangan serta kemudahan-kemudahan tempat seberapa yang dapat bagi membolehkan badan-badan kebudayaan bergiat. Selain dari itu kita juga mengadakan kursus-kursus, bengkel-bengkel serta seminar-seminar khusus dalam usaha melatih peminat dan peserta kebudayaan.

Mengenai (iv), usaha telah dibuat untuk memaju dan menyesuaikan bahan-bahan kebudayaan kita untuk kegunaan zaman ini. Ini memerlukan daya kreatif orang-orang kita. Kerajaan juga memberi bantuan kepada badan-badan kebudayaan dalam usaha ini di samping menganjurkannya secara langsung.

**Tuan Hashim bin Gera:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mengetahui untuk menyalurkan satu kebudayaan nasional negara ini alat yang penting ialah Filem Negara, mengapakah Film Negara tidak membayangkan kepada rakyat ke seluruhnya akan kebudayaan negara kita ini?

**Tuan Mokhtar bin Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, Film Negara melalui Kementerian Penerangan sedang bekerja rapat dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam usaha-usaha seperti yang saya sebutkan tadi.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam usaha-usaha yang telah dicakapkan oleh Setiausaha Parlimen yang berkenaan saya ingin tahu bagaimana sambutan rakyat dari semua kaum dalam langkah-langkah itu?

**Tuan Mokhtar bin Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sambutan yang telah diberi oleh segala yang terlibat dalam usaha-usaha Kementerian adalah memuaskan.

## NELAYAN-NELAYAN TERANIAYA

**17. Tuan Su Liang Yu** minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan:

- (a) samada beliau telah atau sedang mengambil langkah-langkah untuk menjaga kepentingan nelayan-nelayan yang diinayai dan diperalatkan oleh saudagar ikan yang kaya dan orang-orang tengah (middle-men);
- (b) langkah-langkah yang telah atau sedang diambil untuk mengatasi perselisihan antara nelayan-nelayan pantai (inshore fishermen) dan nelayan-nelayan pukot tarik (trawler fishermen) di negeri ini, dan sejauh manakah langkah-langkah itu berhasil; dan
- (c) apakah tindakan yang beliau sedang ambil untuk melarang penangkapan ikan dengan menggunakan racun, letupan, dan cara-cara haram yang lain kerana mengancam ternakan ikan (fish stocks) di negeri ini, dan jika ya, samada beliau juga boleh menimbang mengadakan satu Pemeliharaan Kaji-hayat Ikan (Biological Conservation of fish) untuk menjaga sumber-sumber protein dan nafkah hidup kepada ramai orang di negeri ini.

**Menteri Pembangunan Ekonomi Desa (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):** Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah ditubuhkan untuk tujuan menolong nelayan-nelayan dengan cara mengadakan projek-projek yang ekonomik di mana nelayan-nelayan dapat menyertainya menerusi pertubuhan-pertubuhan yang didirikannya. Rancangan-rancangan MAJUIKAN itu termasuklah usaha penangkapan ikan di tempat-tempat yang dipilih di mana samada Lembaga itu membuat bot-bot penangkapan

ikan sendiri ataupun menyewa daripada orang lain. MAJUIKAN mengambil pekerja-pekerja dari antara ahli-ahli Pertubuhan Nelayan itu sendiri.

Perselisihan diantara nelayan-nelayan pantai dan nelayan-nelayan pukot tunda berpunca dari beberapa sebab di antaranya ialah pencerobohan kawasan, pemegangan lesen pukot tunda yang tidak patuh dengan syarat-syarat yang ditentukan dan pencerobohan oleh pengusaha-pengusaha pukot tunda yang tidak berlesen.

Kerajaan juga sentiasa menjalankan rondaan untuk mengawal daripada berlaku pergaduhan antara kedua pihak. Penubuhan Persatuan Nelayan adalah juga satu cara yang boleh menyatukan di antara dua golongan nelayan yang tersebut.

Kementerian ini telah melancarkan kempen mencegah penggunaan racun dan letupan untuk menangkap ikan di sungai-sungai, terusan-terusan air mahupun di dalam lautan. Di dalam kempen yang tersebut nelayan-nelayan diberitahu menerusi sibaran am, latihan-latihan tata rakyat dan latihan-latihan nelayan-nelayan yang dianjurkan oleh Bahagian Perikanan akan bahaya dan kesalahan menggunakan racun dan letupan bagi menangkap ikan.

Penggunaan racun dan letupan bagi menangkap ikan itu adalah satu kesalahan di bawah Akta Perikanan, 1963 yang telah dihukum dan didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak lebih dari satu tahun atau kedua-duanya.

Penyelidikan dan pemeliharaan kajihayat ikan serta sesuatu benda hidup yang menjadi makanan ikan adalah tanggungjawab Institiut Penyelidikan Ikan Pulau Pinang yang utama. Kerja-kerja penyelidikan yang dijalankan oleh Institiut Penyelidikan Pulau Pinang itu adalah diselaraskan dengan perlesenan alat-alat penangkapan ikan.

**Tuan V. Veerappen:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana Kerajaan tidak boleh mengawal laut dan menjaga nelayan-nelayan pantai (inshore fishermen) dan nelayan-nelayan yang menggunakan pukot tunda (trawler fishermen), bolehkah Kerajaan menimbang untuk mengadakan satu pengkalan yang jauh sekali untuk trawler fishermen dan di situ mereka boleh turunkan ikan-ikan yang ditangkap supaya tidak mengganggu nelayan-nelayan pantai.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, keadaan yang ada sekarang ini bolehlah dikatakan memuaskan hati, tetapi daripada satu masa ke satu masa Kementerian ini menimbangkan bagaimana hendak mengelakkan supaya jangan berlaku pergaduhan di antara kedua-dua pihak.

### **DOKTOR-DOKTOR—PERKHIDMATAN WAJIB**

**18. Tuan Buja bin Gumbilai** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapa doktor-doktor Kerajaan dikehendaki mengikat kontrak selama dua tahun sahaja untuk berkhidmat dengan Kerajaan sementara jururawat-jururawat di Sabah dikehendaki mengikat kontrak selama empat tahun untuk berkhidmat dengan Kerajaan selepas mereka tamat latihan.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan itu kurang jelas. Pada masa ini doktor-doktor yang telah mendapat biasiswa Kerajaan adalah dikehendaki selepas menamatkan latihan mereka, berkhidmat dengan Kerajaan selama 5 tahun. Pada masa akan datang doktor-doktor yang mendapat biasiswa dikehendaki berkhidmat selama 10 tahun dengan Kerajaan. Di Sabah, Jururawat-jururawat yang diberi latihan atas perbelanjaan Kerajaan adalah dikehendaki berkhidmat dengan Kerajaan selama 4 tahun.

Berkaitan dengan perbezaan yang dinyatakan dalam soalan Yang Berhormat itu, mungkin dimaksudkan oleh beliau ialah perkhidmatan wajib bagi doktor-doktor di bawah Akta Perubatan. Kalau ini yang dimaksudkan, benarlah tiap-tiap doktor itu dikehendaki berkhidmat selama 2 tahun. Syarat ini dikenakan kepada semua doktor-doktor yang didaftarkan dengan Majlis Perubatan Malaysia, samada pemegang biasiswa atau tidak. Keperluan di bawah Akta ini bukanlah satu kontrak sebagaimana yang difahamkan oleh Yang Berhormat itu.

### **BANTUAN PEKEBUN KECIL GETAH**

**19. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada beliau bercadang menaikkan bantuan yang diberikan kepada pekebun-pekebun kecil yang menanam semula getah daripada

\$750 kepada \$1,000 seekar memandang kepada belanja hidup dan pengangkutan yang begitu tinggi sekarang ini.

**Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Datuk Ong Kee Hui):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan mengenai soalan ini telah diberikan oleh rakan saya Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama beberapa kali dalam sidang Parlimen yang telah lepas. Walaupun begitu untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat perkara ini sedang dikaji oleh RISDA. Kajian ini akan memakan sedikit masa dengan sebab beberapa faktor berkaitan haruslah dikaji dengan teliti supaya syor-syor berkaitan dengannya dapat dipertimbangkan dengan saksama oleh pihak Kerajaan.

### **GURU-GURU DARI LUAR—PENGAMBILAN**

**20. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) selama manakah lagi Malaysia akan meneruskan dasar meminjam guru-guru dari luar negeri; dan
- (b) samada Kerajaan sedar bahawa jiwa kemalaysiaan tidak akan dapat ditanam oleh guru-guru bukan rakyat Malaysia.

**Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) pengambilan guru-guru dari luar negeri adalah untuk menampung kekurangan guru-guru khususnya dalam lapangan sains, Ilmu Hisab dan bahasa Inggeris di sekolah-sekolah menengah. Dasar tersebut adalah dikaji dari masa ke semasa mengikut keperluan dan kepentingan negara.
- (b) Oleh kerana guru-guru yang dipinjam ini khususnya untuk mengajar ilmu-ilmu yang tertentu seperti di atas, maka samada mereka dapat atau tidak dapat menanam jiwa kemalaysiaan adalah tidak menjadi soal.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

(Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan Lisan bagi Pertanyaan-pertanyaan No. 21 hingga 30 adalah diberi di bawah ini).

## PETI TALIVISYEN DI SEKOLAH-SEKOLAH KELANTAN

21. **Tuan Haji Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan sekolah-sekolah di Kelantan yang telah dibekalkan dengan peti-peti radio dan talivisyen masing-masingnya dan berikan butir bagi tiap-tiap satu.

**Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob):** 253 buah sekolah di Kelantan telah dibekalkan dengan peti talivisyen. Berkenaan dengan peti radio, Kerajaan tidak mengadakan peruntukan khas untuk membelinya. Walaubagaimanapun, pada tahun 1972 dan 1973, sebuah firma telah menghadiahkan 500 buah peti radio dan 57 buah daripada jumlah ini telah diberikan kepada sekolah-sekolah di Kelantan.

## PETI-PETI TV DIBERI KEPADA NEGERI

22. **Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim** minta Menteri Pelajaran menyatakan perbelanjaan yang terlibat setakat ini untuk membeli peti-peti TV dan radio bagi sekolah-sekolah di seluruh negara dan nyatakan peruntukan untuk tiap-tiap negeri.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Perbelanjaan yang telah dibuat dan yang di-khaskan untuk membeli peti-peti TV ialah \$2,999,000. Negeri-negeri tidak diberikan peruntukan kewangan tetapi diberikan peti-peti Talivisyen. Bilangan peti-peti TV yang telah diberikan kepada Negeri-negeri adalah seperti berikut:

Perlis ... ..	55	Melaka ... ..	129
Kedah ... ..	268	Johor ... ..	355
Pulau Pinang ...	139	Pahang ... ..	220
Perak ... ..	399	Trengganu ...	185
Selangor ... ..	291	Kelantan ... ..	253
Negeri Sembilan	175		

Sebanyak 3,000 peti-peti TV lagi akan diberikan kepada negeri-negeri tidak berapa lama lagi.

Tidak ada perbelanjaan yang dibuat untuk membeli peti-peti Radio.

## QOTA IMPOT—MELONGGARKAN

23. **Tuan Edmund Langgu anak Saga** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian nyatakan apa langkah-langkah yang telah diambil untuk melonggarkan qota impot ke atas makanan binatang di Sarawak bagi mengurangkan harga daging, telur dan lain-lain di negeri itu.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Hussein bin Datuk Onn):** Sekatan impot yang dikenakan terhadap makanan-makanan binatang ke Sarawak bertujuan untuk menjaga kepentingan pengeluaran-pengeluaran tempatan.

Semenjak dari permulaannya, pengeluaran-pengeluaran dari kedua-dua faktori tersebut telah meningkat daripada 2,268 tan sebulan pada tahun 1972 dan keluaran purata 3,520 tan sebulan daripada bulan Mei dan Ogos 1973. Baru-baru ini satu syarikat baru telah ditubuhkan untuk mengeluarkan makanan binatang. Dengan ini jumlah pengeluaran-pengeluaran makanan binatang tempatan di Sarawak berjumlah tiga kesemuanya.

Paras qota dikaji tiap-tiap tiga bulan dengan mengambil kiraan terhadap kebolehan pengeluaran-pengeluaran tempatan memenuhi kehendak-kehendak dalam negeri dan oleh kerana pengimpotan makanan binatang ke Sarawak telah berkurangan dan telah ada bukti yang menunjukkan qota-qota telah tidak digunakan, paras qota sekarang adalah cukup untuk membekalkan kehendak-kehendak di Sarawak.

Memandangkan kepada perbekalan tempatan yang cukup untuk memenuhi permintaan tempatan, Kementerian saya tidak berhajat untuk melonggarkan sekatan impot makanan binatang di Sarawak.

## PERAYAAN ULANGTAHUN KESEPULUH KEMERDEKAAN MALAYSIA

24. **Datuk James Wong Kim Min** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah wang yang telah dibelanjakan dalam sambutan perayaan ulangtahun kesepuluh Kemerdekaan Malaysia dengan memberi angka-angka pecahan mengikut Negeri-negeri.

**Perdana Menteri:** Kerajaan Negeri merayakan hari ulangtahun kesepuluh Kemerdekaan Malaysia mengikut cara dan kemampuan masing-masing. Oleh yang demikian saya tidak dapat memberikan jumlah wang yang dibelanjakan oleh negeri-negeri dalam perkara ini.

Walaupun demikian, bagi perayaan di peringkat Persekutuan saya suka menyatakan jumlah peruntukan bagi perayaan ini ialah sebanyak \$232,025 dan setakat ini jumlah perbelanjaan yang telah dibuat ialah sebanyak \$182,335.45.

### TAN SRI/DATUK—LUCUTKAN GELARAN

**25. Tuan Hashim bin Gera** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan mengambil tindakan melucutkan gelaran-gelaran Tan Sri, Datuk dan lain Bintang Kehormatan yang telah dianugerahkan kepada orang-orang yang bersubahat dengan kominis.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa meneliti perkara ini dan sekiranya ada bukti-bukti yang jelas dan nyata bahawa orang-orang yang diberi gelaran-gelaran Tan Sri, Datuk dan lain-lain Bintang Kehormatan ada bersubahat dengan kominis, maka Kerajaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

### NELAYAN MENANGKAP IKAN DI PERAIRAN MALAYSIA

**26. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian beliau atas surat KPP O.312/33-(27) yang dihantar kepadanya oleh Kementerian Pertanian dan Perikanan berikutan dengan taligeram saya kepada Menteri Pertanian dan Perikanan dalam mana saya merayu kepada Kerajaan untuk campurtangan dan membawa perkara ini ke pihak berkuasa Indonesia untuk melindungi seramai 60 orang nelayan-nelayan Melaka daripada gangguan dan penculikan dan juga nyatakan samada satu perjanjian telah dibuat dengan pihak berkuasa Indonesia untuk membenarkan nelayan-nelayan Melaka menangkap ikan di Selat Melaka tanpa ketakutan atas kehilangan nyawa atau harta benda.

**Menteri Luar Negeri (Tun Haji Abdul Razak):** Kejadian-kejadian yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat di dalam taligeramnya itu adalah kejadian-kejadian dalam mana nelayan-nelayan Malaysia telah menangkap ikan secara haram di perairan Indonesia. Dari itu, apabila mereka ditahan oleh pihak berkuasa Indonesia, mereka dibicarakan mengikut undang-undang yang berkuatkuasa di Indonesia dan dikenakan denda kerana menangkap ikan secara haram itu. Tindakan seperti itu adalah amalan biasa dalam perjalanan undang-undang satu-satu negeri dan Malaysia pun akan mengambil tindakan yang sama terhadap warganegara lain yang ditangkap kerana menangkap ikan secara haram di perairan

kita. Soal gangguan dan penculikan tidak timbul dalam hal itu.

Saya juga ingin menyatakan di sini bahawa di dalam kejadian-kejadian seperti ini, apabila diketahui bahawa adanya nelayan-nelayan Malaysia ditahan oleh pihak berkuasa Indonesia kerana kesalahan seperti di atas, perwakilan kita di sana telah membuat rayuan supaya merendahkan denda dan mencepatkan kebebasan nelayan-nelayan itu dan juga memberi kepada mereka segala pertolongan yang boleh yang dibenarkan di bawah undang-undang di sana.

Dalam soal am mengenai hak menangkap ikan, saya telah terangkan semasa menjawab soalan nombor 3 tadi, bahawa tiap-tiap negeri mempunyai hak menangkap ikan di perairan sendiri dan orang-orang luar tidak berhak menangkap ikan di kawasannya.

### PERNAS

**27. Tuan Lim Pee Hung** minta Perdana Menteri menyatakan bila PERNAS akan menubuhkan rangkaian pembahagi-pembahagi dan peniaga-peniaga runcit supaya menjualkan barang-barang diimpot dari Cina, Eropah Timur dan negara-negara lain, supaya dapat mencegah kenaikan pembelanjaan hidup di Malaysia.

**Perdana Menteri:** PERNAS adalah sebuah Syarikat Awam atau Public Company yang telah didaftarkan di bawah kuatkuasa Akta Syarikat-syarikat 1965. Oleh itu, soalan-soalan mengenai PERNAS cuma akan dijawab di Mesyuarat Tahunannya dan hanya kepada pemegang-pemegang sahamnya sahaja.

### PERNAS—LAPURAN TAHUNAN

**28. Tuan Lim Pee Hung** bertanya kepada Perdana Menteri samada beliau akan menerbitkan laporan tahunan dan akuan PERNAS untuk umum.

**Perdana Menteri:** Jawapan kepada soalan ini adalah serupa dengan jawapan saya kepada soalan No. 27.

### SURUHANJAYA SUFFIAN— PERLAKSANAAN

**29. Tuan Lim Cho Hock** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) mengapa balu-balu kakitangan Kerajaan yang bersara sebelum perlaksanaan Tanggagaji Suffian pada 1970

tidak diberi pencen walaupun suami mereka yang pernah menyumbang kepada Tabung Pencen Balu dan Anak Yatim telah memilih memasuki Skim Suffian selepas persaraan; dan

- (ii) bilakah balu-balu akan diberi hak untuk menerima pencen suami mereka.

**Perdana Menteri:**

- (i) Syarat-syarat perkhidmatan seperti yang disyorkan oleh Suruhanjaya Suffian telah dilaksanakan mulai 1hb Mei, 1969 bagi kakitangan-kakitangan yang dahulunya dalam Bahagian IV dan dalam Kumpulan Perusahaan dan Buruh Kasar, dan mulai 1hb Januari, 1970 bagi kakitangan-kakitangan yang dahulunya dalam Bahagian I, II dan III, dalam perkhidmatan awam. Balu-balu kakitangan yang telah memilih syarat-syarat perkhidmatan Suffian telah, jika layak, diberi pencen keluarga untuk tempoh tidak lebih dari 12½ tahun, tidak kira samada kakitangan-kakitangan tersebut telah mencarum atau tidak kepada Skim Pencen Balu dan Anak Yatim. Kakitangan-kakitangan yang telah bersara dari perkhidmatan awam sebelum tarikh pelaksanaan Suffian tidak diberi opsen untuk memilih syarat-syarat Perkhidmatan Suffian kerana mereka telah bersara. Dari itu, balu-balu mereka tidaklah layak menerima pencen keluarga yang disyorkan oleh Suruhanjaya Suffian.
- (ii) Balu-balu kakitangan yang bersara sebelum pelaksanaan Skim Suffian tidak akan diberi pencen keluarga yang disyorkan oleh Suruhanjaya Suffian.

**UPETI—BAYARAN KEDAH KEPADA SIAM**

**30. Tuan Fan Yew Teng** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (i) jumlah upeti yang dibayar setiap tahun kepada Raja Siam berhubung dengan negeri Kedah seperti yang tercatat di bawah Fasal 11 Perjanjian yang bertarikh 6hb Mei, 1869;
- (ii) mengapa pembayaran upeti ini tidak ditamatkan dan samada beliau akan bertindak untuk menamatkan pembayaran upeti ini; dan

- (iii) samada negeri Pulau Pinang membayar upeti kepada Sultan Kedah, jika ya, berapa banyakkah yang dibayar setiap tahun.

**Tun Haji Abdul Razak:**

- (i) Pembayaran upeti oleh Kedah kepada negeri Siam atau Thai di bawah perjanjian tersebut telah dihentikan dalam tahun 1909.
- (iii) Kerajaan, sebagai waris Kerajaan British, membayar \$10,000 tiap-tiap tahun kepada negeri Kedah sebagai tanggungjawab mengikut Perjanjian tahun 1869 di antara Kerajaan British dengan Sultan Kedah.

**USUL-USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam):** Tuan Yang di-Pertua,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan, 1974 dibacakan kali yang kedua dan Usul hendak merujuk Anggaran Pembangunan, 1974 kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis dipersetujukan.

**Menteri Pembangunan Ekonomi Desa (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan, 1974 dibacakan kali yang kedua dan Usul hendak merujuk Anggaran Pembangunan, 1974 kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis dipersetujukan.

**AKTA KASTAM, 1967**

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 22), 1973

3.40 ptg.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi

kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 22), 1973 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 89 tahun 1973 disahkan.

Tujuan Perintah ini ialah untuk melaksanakan perubahan-perubahan duti impot dan eksport atas beberapa barang yang dinyatakan dalam Perintah tersebut dan yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawannya bagi tahun 1974 pada hari Rabu yang lalu bersamaan 5hb Disember, 1973. Sebab-sebab bagi perubahan-perubahan duti ini telah diberi dalam Ucapan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri Tugas-tugas Khas (Tuan Michael Cheng Wing Sum):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 22), 1973 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 89 tahun 1973 disahkan.

#### **AKTA KASTAM, 1967**

**Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan)  
(No. 13), 1973**

3.42 ptg.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 13), 1973, yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 90 tahun 1973 disahkan.

Tujuan Perintah ini ialah untuk memansuhkan duti impot atas barang-barang seperti yang dinyatakan dalam Perintah tersebut bagi Pulau Pinang. Perubahan-perubahan duti ini adalah sebahagian daripada langkah-langkah cukai yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawannya bagi tahun 1974.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Michael Chen Wing Sum:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 13), 1973, yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 90 tahun 1973 disahkan.

#### **AKTA EKSAIS, 1961**

**Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3), 1973**

3.44 ptg.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 7, Akta Eksais, 1961, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3), 1973 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 91 tahun 1973, disahkan.

Perintah yang ada di hadapan Majlis ini bertujuan untuk memansuhkan duti eksais atas beberapa barang keluaran tempatan yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawannya bagi tahun 1974.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Michael Chen Wing Sum:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 7, Akta Eksais, 1961, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3), 1973 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 91 tahun 1973, disahkan.

### **ORDINAN EKSAIS, SARAWAK (BAB 27)**

**Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2), 1973**

3.45 ptg.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 3, Ordinan Eksais, Bab 27 Sarawak, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2), 1973 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 92 tahun 1973 disahkan.

Tujuan Perintah ini adalah sama dengan Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3), 1973 yang baru sahaja diluluskan oleh Dewan ini melainkan duti itu dikenakan di Sarawak sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Michael Chen Wing Sum:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 3, Ordinan Eksais, Bab 27 Sarawak, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2), 1973 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 92 tahun 1973 disahkan.

### **ORDINAN EKSAIS, SABAH No. 18 TAHUN 1959**

**Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2), 1973  
dan (No. 13), 1973**

3.47 ptg.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 3, Ordinan Eksais Sabah, No. 18 tahun 1959, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2), 1973 yang telah dibentangkan di hadapan Mjlis ini sebagai Kertas Undang-Undang No. 93 tahun 1973 disahkan.

Tujuan Perintah ini adalah sama dengan Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3), 1973 yang baru sahaja diluluskan oleh Dewan ini melainkan duti itu dikenakan di Sabah sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Michael Chen Wing Sum:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 3, Ordinan Eksais Sabah, No. 18 tahun 1959, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2), 1973 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. 93 tahun 1973 disahkan.

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1974**

**Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (18hb Disember, 1973).

**DAN**

**USUL**

### **ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1974**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Usul

yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$1,894,423,905 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1974, dan bagi maksud kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau "(P)" dalam senarai Belanjawan Persekutuan bagi tahun 1974 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 32 tahun 1973, adalah diuntukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan 6 dan 7 senarai tersebut. (18hb Disember, 1973).

*Perbahasan disambung semula.*

3.49 ptg.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengulung perbahasan atas Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 1974, bagi menggantikan Yang Berhormat Menteri Kewangan oleh kerana keuzuran beliau, saya suka menjawab beberapa tuduhan dan juga pandangan-pandangan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat atas perkara-perkara yang terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri. Saya mohon kebenaran menggunakan kedua-dua Bahasa Kebangsaan dan juga bahasa Inggeris di mana mana yang difikirkan perlu.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu, suka-lah saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pendapat serta pandangan yang membina mengenai Belanjawan Tahun 1974. Segala pandangan dan pendapat itu sangatlah berguna sebagai mengingatkan Kerajaan supaya berusaha dengan lebih kuat lagi untuk mencapai cita-cita negara serta memenuhi hasrat rakyat amnya.

Dalam perbahasan yang telah berlangsung semenjak beberapa hari yang lalu, Ahli-ahli Yang Berhormat dari kedua pihak telah menimbulkan beberapa perkara yang sebenarnya telahpun dijawab dalam perbincangan Kajian Semula Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Kedua dan juga semasa soal jawab (question time).

Ahli Yang Berhormat dari Batu telah membangkitkan soal elaun bantuan khas

yang telah dibayar kepada kakitangan Kerajaan yang berpendapatan tidak lebih daripada \$500 sebulan. Beliau berkata elaun yang dibayar kepada pekerja-pekerja tersebut tidak mencukupi untuk menghadapi kenaikan harga barang-barang keperluan sehari-hari. Dalam hal ini saya telah terangkan dahulu iaitu menambahkan kadar elaun sahaja tidak akan mengatasi masalah ini. Langkah-langkah lain seperti menambah peruntukan bagi buku-buku teks, menambah pengeluaran barang-barang makanan diharap dapat membantu usaha untuk mengatasi masalah ini.

Beliau juga menyebut pihak swasta enggan membayar elaun khas ini kepada pekerja-pekerja mereka. Saya telahpun memberitahu wakil-wakil majikan dalam satu perjumpaan khas pada bulan Oktober, 1973, bahawa mereka hendaklah mencontohi langkah Kerajaan dalam membayar elaun bantuan khas ini. Ahli Yang Berhormat itu tentulah ingat saya telahpun menerangkan pendirian Kerajaan atas perkara pembayaran elaun bantuan khas kepada pekerja-pekerja dalam masa soal jawab pada 26hb November lalu. Oleh itu, saya tidaklah berhajat hendak mengulangi lagi kenyataan yang telah saya buat itu.

*(Dengan izin)* I take a dim view of the Honourable Member's remark that the Government "stood by with folded hands until the full impact of inflation hit the country." The Government was always aware of the inflationary trend and had taken appropriate steps to mitigate its undesirable effect on the lives of our people. I have already explained the various measures the Government has taken and what members of the public should do to help themselves in the present situation.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka telah membangkitkan perkara kadar baru pencen yang saya umumkan pada bulan September, 1973 yang katanya tidak mencukupi untuk menghadapi kenaikan harga barang-barang keperluan masa ini. Beliau meminta Kerajaan menimbangkan pembayaran COLA tambahan kepada pesara-pesara yang terlibat itu. Seperti yang telah saya terangkan dulu perkara ini telahpun dikaji dengan teliti dan mendalam oleh Jawatankuasa Khas di bawah ketuaan Tan Sri Syed Zahiruddin. Kadar bayaran elaun yang baru sebenarnya bertujuan menggantikan bayaran COLA yang diterima oleh

pesara-pesara sebelum kadar baru itu dikuatkuasakan. Saya berpendapat elaan tambahan itu adalah berpatutan dan oleh itu bayaran COLA tambahan kepada pesara-pesara yang berkenaan tidaklah timbul lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor telah membangkitkan persaingan yang berlaku di antara peniaga-peniaga Bumiputra dengan badan-badan berkanun seperti PERNAS, UDA dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (SEDCs). Perkara ini telahpun juga dibangkitkan dalam Seminar Ekonomi Bumiputra yang telah diadakan pada bulan April, 1973 yang lalu. Seperti yang dimaklumkan, PERNAS hanya menciburkan diri dalam lapangan perniagaan yang besar-besar yang agak sukar disertai oleh Bumiputra pada masa sekarang. UDA pula memberi peluang kepada peniaga-peniaga Bumiputra dengan mengadakan bangunan dan ruangan perniagaan untuk dibeli ataupun disewa oleh peniaga-peniaga Bumiputra, sementara SEDC pula menyediakan bangunan kedai dan membekalkan barang-barang kepada peniaga runcit khususnya kepada peniaga-peniaga Bumiputra. Jadi bukanlah badan-badan ini bertujuan untuk bersaing bahkan sebenarnya membantu peniaga-peniaga Bumiputra.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam menyebut tentang modal sebanyak \$15 juta yang diperuntukkan kepada Bank Pembangunan itu tidak mencukupi kerana beliau berpendapat Bank Pembangunan hendaklah lebih menitikberatkan usaha-usaha pembangunan dan bukan mencari keuntungan.

Saya sedar mengenai perkara ini dan suka menyatakan bahawa dalam sesuatu usaha seperti urusan bank, kita haruslah menjalankannya secara berperingkat-peringkat memandangkan bahawa kaum Bumiputra agak kurang berpengalaman dalam bidang itu pada masa ini. Pada satu masa kelak kita akan membuka peluang kepada orang-orang Melayu dan bumiputra membeli saham bank ini kerana memanglah tujuan kita supaya mereka bersama-sama memiliki saham bank ini.

Ahli Yang Berhormat dari Larut Utara dan juga Ahli dari Seremban Timur telah mencadangkan supaya Restoran Rakyat ditubuhkan di bandar-bandar lain daripada Kuala Lumpur. Restoran Rakyat yang pertama di Kuala Lumpur bolehlah disifatkan sebagai satu projek percubaan (pilot

project) dan setakat ini sambutan dari orang ramai terhadap Restoran Rakyat di Ibu Kota sangat menggalakkan. Dalam lawatan saya ke beberapa negeri baru-baru ini, saya telahpun menasihatkan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya mereka mengambil langkah menubuhkan Restoran-restoran Rakyat di Ibu Negeri masing-masing. Suka juga saya sebutkan di sini bahawa kejayaan Restoran Rakyat ini ialah kerana pengelola-pengelola dan juga pengurus restoran ini adalah bertugas secara sukarela tanpa mendapat apa-apa pembayaran. Saya sangat terhutang budi kepada mereka yang telah sudi mengorbankan masa dan tenaga mereka itu untuk kepentingan negara. Dengan sebab itu belanja ataupun running cost restoran ini adalah rendah jika dibandingkan dengan restoran-restoran lain. Dengan sebab itu kita dapat menjual barang-barang makanan dengan harga yang agak murah jika dibandingkan dengan restoran-restoran yang lain. Projek ini ialah salah satu usaha Kerajaan untuk meringankan bebanan rakyat terutama sekali mereka dari golongan yang berpendapatan rendah.

Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat menuduh "Ministers are engaged in extravagance which has been on the increase in the past few years" dan meminta supaya lawatan Menteri-menteri ke luar negeri dikurangkan. Saya suka menegaskan di sini bahawa lawatan yang dibuat oleh Menteri-menteri ke luar negeri adalah mustahak dari segi kepentingan negara iaitu untuk menghadhiri persidangan-persidangan penting dan bukanlah untuk tujuan melancung.

Beliau juga membangkitkan soal mengenai satu kes yang bersangkutan dengan "The Essential (General Orders) (Chapter D) Regulations, 1969" yang dikeluarkan pada 28hb Julai, 1969. Perkara ini masih dalam pertimbangan Mahkamah dan oleh yang demikian disifatkan sebagai "sub judge". Saya berharap bagi masa-masa yang akan datang, Ahli Yang Berhormat itu tidak lagi membuang masa Dewan ini dengan membangkitkan perkara-perkara semacam ini.

Ahli Yang Berhormat dari Darvel telah mencadangkan supaya Pasukan Petugas (Task Force) ditubuhkan bagi mengawasi projek-projek pembangunan supaya mereka dapat melaksanakan mengikut jadual, terutama untuk mengawasi aktiviti-aktiviti pembangunan di Sabah. Saya suka menyatakan bahawa sebagai Perdana Menteri, saya

sendiri sentiasa memerhatikan kemajuan pembangunan di seluruh negara termasuk juga Sabah dengan mengadakan mesyuarat Majlis Tindakan Negara (NAC) sekali seminggu. Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran (ICDAU) yang di bawah jajaan saya sendiri diberi tugas mengawasi dan menilai pelaksanaan semua projek dan rancangan di bawah Dasar Ekonomi Baru. Oleh itu, tidaklah perlu ditubuhkan sebuah Pasukan Petugas (Task Force) atau Jawatankuasa untuk menjalankan cadangan-cadangan Ahli Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani membangkitkan soal kekurangan pegawai-pegawai dalam Badan-badan Berkanun dan juga Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri. Saya suka memaklumkan bahawa Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran bersama-sama dengan Perbadanan Kemajuan Negeri sedang menyusun satu rancangan latihan bagi pegawai-pegawai mereka. Rancangan yang sama sedang dijalankan juga oleh badan-badan lain seperti MARA, PERNAS, UDA dan FELDA, yang mana ICDAU bertanggungjawab menyelaraskannya.

Ahli Yang Berhormat itu juga membangkitkan perkara rebut-merebut pegawai antara Badan-badan Berkanun dengan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri. Kerajaan memang sedar atas masalah tersebut dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya telahpun mengeluarkan arahan mencegah perebutan (pinching) di kalangan Badan-badan Berkanun. Suruhanjaya Gaji Harun telah juga memberi perhatian atas masalah ini dan telah membuat perakuan menyamakan tangga gaji pegawai-pegawai Badan-badan Berkanun. Saya percaya dengan adanya tangga gaji yang sama itu perebutan yang semacam ini tidak akan berlaku lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang Selatan pula berkata Kementerian-kementerian tidak mengambil sebarang langkah atas sesuatu perkara yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Parlimen dan mencadangkan supaya pada masa-masa akan datang Kementerian yang berkenaan hendaklah mengambil langkah dan memberitahu tindakannya kepada Parlimen. Nampaknya kenyataan Ahli Yang Berhormat itu terlalu umum dan cadangannya itu tidaklah praktik,

kerana kalau dilaksanakan, mungkin Dewan ini terpaksa bersidang sepanjang masa tiap-tiap tahun. Saya suka menyatakan bahawa Kerajaan sentiasa memberi perhatian yang sewajarnya berkenaan dengan cadangan membina dan manasabah yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat demi kepentingan rakyat, menurut sistem demokrasi berparlimen yang kita amalkan di negara kita ini. Malangnya, kebanyakan pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli pembangkang tidak praktik dan adalah sia-sia belaka.

Ahli Yang Berhormat itu juga menyentuh perkara mewarganegarkan jawatan-jawatan penting yang dipegang oleh pegawai-pegawai "expatriate" dan menggantikan dengan warganegara Malaysia yang mempunyai kelayakan bagi jawatan tersebut. Kita haruslah berhati-hati dalam perkara ini dan menimbangkannya secara objektif supaya pelaksanaan projek-projek pembangunan tidak terganggu pada keseluruhannya. Jika ada pegawai-pegawai Malaysia yang berkelayakan bagi menggantikan tempat pegawai-pegawai ini, kita tentulah tidak teragak-agak akan mengambil tindakan.

Ahli Yang Berhormat dari Kampar cuba memperkecilkan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menentang inflasi dan mengurangkan kenaikan harga barang-barang keperluan. Beliau cuba menunjukkan kebijaksanaannya dengan syor-syor supaya diadakan All Party Parliamentary Standing Committee on Prices dan National Price Commission.

Cadangan beliau ini bukanlah satu cadangan baru tetapi hampir sama seperti yang dibuat oleh rakannya iaitu Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka. Saya telah menerangkan semasa soal jawab beberapa hari yang lalu mengenai penubuhan satu Badan Khas untuk mengawasi kedudukan harga (price situation) dan juga Timbalan Perdana Menteri semasa beliau menggulung perbincangan atas Kajian Semula Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Kedua pada 4hb Disember, 1973. Saya fikir eloklah Ahli Yang Berhormat itu membaca dan memahami keterangan-keterangan yang diberi oleh pihak Kerajaan dalam Dewan ini dengan lebih teliti supaya tidak membuang masa Dewan ini.

Berkenaan dengan pindaan kepada "Price Control Act, 1946", Ahli Yang Berhormat

itu patut tahu bahawa masa yang sesuai untuk membuat hujjah-hujjah adalah semasa Rang Undang-undang yang berkenaan dibentangkan untuk perbahasan kelak.

Berkenaan dengan usaha dan langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan bebanan rakyat menghadapi kenaikan harga, saya fikir adalah lebih baik bagi Ahli Yang Berhormat itu bekerjasama dalam usaha-usaha ini dan menyeru rakyat di kawasannya sendiri supaya bekerjasama dengan Kerajaan demi kepentingan mereka dan rakyat seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan awal tadi, kebanyakan daripada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan ini adalah bersabit dengan inflasi yang dikatakan oleh Menteri Kewangan "our No. 1 economic problem." Setengah-tengah dari Ahli Pembangkang hanya tahu menyalahkan Kerajaan dan tidak sama sekali menghiraukan apa jua langkah yang diambil oleh Kerajaan. They take the line "heads I win, tails you lose", jadi tidak ada satupun yang betul. Whatever the Government does is always either too late or very inadequate or both.

In point of fact, with regard to the present situation, the consumer price index began to accelerate only in the latter part of 1972 after two years of sluggish economic growth. The economy was beginning to pick up at that time and it was therefore essential to allow the economy to get out of the doldrums in order to expand rapidly. To have taken restrictive measures at that stage would have inhibited growth and hampered the boom. It was right therefore that we did not take precipitate any untimely restrictive measures.

Honourable Members will recall that at the end of Tun Tan's winding up speech last year, he stated that his officials had told him that they were rather worried that there was too much money in the country. This could well be the most significant pointer for 1973. The actual facts are that as economic growth accelerated during the year, the pressure on prices also increased, and suitable measures were taken without attempting to put on the brakes suddenly on economic growth and endangering the extraordinary boom we have enjoyed. Honourable

Members, therefore, cannot say that we did not warn them or that we were not aware of the gathering momentum of inflation.

In regard to the criticisms that our anti-inflationary measures were inadequate, I would stress the need for not only proper timing but also the correct degree of restraint in the management of inflation. Too much done too soon could be disastrous. Thus as early as April this year Bank Negara increased interest rates and since then other measures were taken to deal with the problem. For instance, on 8th May, the foreign exchange regulations were liberalised, thus allowing excess funds to be freely repatriated outside the former Sterling Area countries. The most important counter inflationary move, however, was the floating of the Malaysian ringgit on 21st June. Honourable Members will note from the Budget speech and the Economic Report that there have been many other measures undertaken since then to curb inflation.

I must add, however, that although more could be done and should be done in the future if the circumstances so warrant, it is necessary to be prudent and not impulsive in our response to this new situation. After all, this problem has been here for just over one year; so let us not over-react. As I have said before, we also have to learn to live with the problem of inflation which we cannot eradicate altogether. We can only try to curb it, and in any case this should not be regarded as a once and for all exercise. We will have to watch the situation closely and act on a long term basis, as it is and must be a continuing exercise.

Tuan Yang di-Pertua, semasa membentangkan Belanjawan pada 5hb Disember, Menteri Kewangan telah menyatakan kebimbangan atas banyaknya wang dalam edaran. Laporan Ekonomi yang telahpun diberi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat memberikan butir-butir lanjut mengenai perkembangan kewangan dalam negeri dan langkah-langkah mengetatkan dasar kewangan negara hingga hari ini.

Kerajaan telahpun mengambil tindakan dalam bentuk package programme dalam usaha mencegah inflasi dan salah satu langkah yang tegas ialah memperketatkan lagi dasar kewangan—a further tightening of our monetary policy.

The details of this move were announced two days ago. These monetary measures involve basically higher borrowing and lending rates, increases in the statutory reserve ratios for banks and borrowing companies and a direction to commercial banks that the rate of growth of loans and advances to the private sector is kept in line with the availability of goods and services in the economy. The Government itself has stepped in with a third loan of \$200 million for 1973 to mop up further the excessive liquidity in the economy. The interest rate of Post Office Savings Bank deposits will also be increased from 4½% to 5½% with effect from 1st January, 1974. Since export earnings have increased by more than \$2,000 million, it is clear that the excessive liquidity in the economy can be mopped up without affecting *bona fide* liquidity requirements for investment.

As Members are aware, this is not a problem for the Government alone. In fact, as in all our national goals, all Malaysians have a role to play. We all have to participate not only in accelerating economic growth, but also in ensuring the financial stability of our country.

There are four ways which I would urge our people could adopt to curb inflation. They could support the Government's efforts by strengthening the consumer movement. There is much profiteering that can be reduced by joint action on the part of consumers. The import duties and quotas that have been reduced or liberalised should lower prices but unfortunately this has not happened. Consumers could ensure therefore that wholesalers and retailers do in fact reduce prices. I would invite the Opposition to help us in this as proof of their sincerity of purpose rather than merely criticising the Government.

Secondly, I would also urge the trade unions to form co-operatives and to apply pressure on unscrupulous businessmen. This would be a positive and more rewarding method of fighting high prices. Government has already approved the grant of special allowance to relieve the low income group and the private sector is following suit. Increasing wages alone does not solve the problem of inflation; indeed, it would aggravate it further. Any wage increases would then be wiped out or eroded by

further price increases and labour will still lose while the traders will also manage to profit and stay ahead of inflation at the expense of labour. Undue rise in wages means increase in cost of production which could inhibit private investment and economic growth. This would consequently erode the gains we have made in job creating and aggravate unemployment which is still a significant problem facing us today.

Thirdly, our people especially the steady wage-earners should endeavour to increase their savings. While incomes are high, it is natural to spend more. However, while we benefit from the current boom, we must refrain from unnecessary spending and try to increase savings. We would then be better prepared to face a situation later when our commodity prices are not as favourable as they are today.

Lastly, we should also remember that our inflation has been mainly due to persistent inflation abroad and also supply shortages at home. Our domestic supplies have not expanded fast enough to meet increasing consumer demand and expectations. This is best understood when we consider the importance of food in determining price levels. It may not be realised that about 47% of the total consumer goods on which the price index is calculated consist of food and 13% of this constitutes rice, bread and other cereals. Indeed, food price showed the highest price increases this year, and it is clear that the cost of living could be substantially reduced if the prices of food-stuffs, particularly rice can be brought down. Towards this end, we need to produce more rice and other essential foods, such as vegetables, fish, meat, milk and fruits. We are basically still an agricultural country and, I am sure, given the right attitude and approach, we could do much more to increase food supplies and thus help to reduce prices and the cost of living. I have set up a Task Force to look into the matter of growing more food and have instructed the Ministry of Agriculture and Fisheries to implement this policy in real earnest.

Government on its part will continue to scrutinise its expenditure policies and programmes to ensure that low priority projects are excluded. In this regard, I have noted some of the points made by Honourable Members and I assure you that I am

prepared to consider any further suggestions that will reduce uneconomic expenditure. As has been said before, we should aim at quality and not quantity in our expenditure policies and practices. Quality expenditure implies the exclusion of projects that have lesser economic value as these can be postponed. This is exactly what we intend to do and we appreciate the assistance of Honourable Members in identifying these projects from our extensive development programmes.

Tuan Yang di-Pertua, I would like to reiterate that the Government will leave no stone unturned in taking measures to counteract inflation. I have stated the measures we have taken and will continue to review the situation and will take other measures that may be considered necessary. But the crux of the matter is we must lower the price of foodstuffs and this can only be done if we grow more food and provide more food. In this, each one of us can play his or her part.

With regard to the proposed land speculation tax, I gladly note that this has found wide support in this House. However, some Members have expressed doubts about the extent of its effectiveness in view of what they regard as a relatively high exemption limit in terms of the amount of value of the transaction and the holdings period of two years. We should realise that this is a new tax altogether in which the Inland Revenue Department has no past administrative experience and the administration of such a tax is by no means a simple matter. If anything, it may prove to be even more difficult than the administration of income tax which you know is so complex. Although we have made this tax as simple as possible in order to ensure that it can be collected without too much difficulty, Honourable Members will note that the Bill which has now been drafted is quite a long one extending to 70—over pages. It is one thing to devise a tax, but it is another to collect it.

If at this initial period of its operation, the exemption limits are reduced either in terms of the amount or value of the consideration or the holding period or both, the Inland Revenue Department will be handling a far greater number of cases. Given the present constraints in the administrative capacity of the Department and in view of

the fact that this is a new tax for the Department to administer, it is desirable to proceed cautiously at this stage. It is well for us to remember also the possible danger that such a move may hit those whom the tax is not designed to include. The Government will of course review the position in the light of experience gained in the operation of this tax with a view to making it more effective from time to time.

One Honourable Member criticised the removal of import and excise duties on certain specific items as being too limited. I should point out that these measures were designed to help relieve the problem of high prices for food and building materials which affect the lower income groups the most. There is no purpose in extending this exercise to non-essential items, which are mainly consumed by those who can well afford to pay for them. In any case, the total revenue loss borne by the Government in this exercise is about \$8 million per annum. Also we must ensure that this exercise will benefit the consumers and it is no good giving exemption of taxes which will only benefit shopkeepers and middlemen.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya ingin menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Larut Utara mengenai Bank Negara. Pada fikiran saya ada terdapat sedikit salah faham Ahli Yang Berhormat terhadap hal ini khususnya mengenai peranan Bank Negara sebagai salah satu alat yang menjalankan dasar Kerajaan. Sayugia diingat bahawa Bank Negara hanya boleh mengemukakan kepada Menteri Kewangan garis-garis dasar yang dikehendaki mengenai perjalanan bank perdagangan (commercial banks) dan lain-lain institusi kewangan, di samping mempunyai tugas-tugas mengawasi perjalanan bank-bank dan institusi-institusi tersebut. Tetapi masalah-masalah dasar yang bersangkutan dengan perjalanan adalah diputuskan oleh Perbendaharaan dan dengan itu Bank Negara tidak ada kuasa membantu mana-mana pihak.

Pada hemat saya, Bank Negara telah menjalankan peranan dan tugasnya dengan memuaskan dalam usaha mencapai hasrat dan cita-cita Kerajaan berhubung dengan dasar Ekonomi Baru. Kalaupun ada pegawai-pegawai Bumiputra dari Bank Negara yang telah keluar ialah disebabkan

mereka mendapat pekerjaan yang lebih baik dan gaji yang lebih lumayan dan bukanlah kerana kegagalan Bank Negara menjalankan tugas dan tanggungjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyetujui semua perkara-perkara penting yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan mengenai Belanjawan Tahun 1974 ini. Dan saya sekali lagi mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan kepada Belanjawan Tahun 1974 ini (*Tepuk*).

4.20 ptg.

**Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof):** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ahli dari Dungun di dalam ucapannya telah menyatakan iaitu Jabatan Peguam Negara cuma menyediakan Undang-undang baru sahaja dalam Bahasa Kebangsaan. Undang-undang yang sedia ada sebelum Akta Bahasa Kebangsaan diluluskan pada tahun 1967 katanya, tinggal begitu sahaja, tidak diterjemahkan.

Saya menyatakan di sini bahawa anggapannya itu adalah tidak berapa benar oleh kerana Bahagian Terjemahan Undang-undang di Jabatan saya telahpun menterjemahkan berbagai Undang-undang termasuk Perlembagaan Malaysia, Undang-undang Seksaan atau Penal Code, Undang-undang Kanun-kanun Acara Jenayah atau Criminal Procedure Code dan lain-lain Undang-undang yang dibaharui dan disemak (*revised laws*). Jabatan saya tidak dapat menjalankan terjemahan Undang-undang yang lama yang masih lagi dalam Bahasa Inggeris yang dipakai di negara kita oleh kerana kekurangan pegawai-pegawai perundangan dan penterjemah-penterjemah yang mahir dan cekap pada masa sekarang ini. Dalam tahun ini sahaja sungguhpun Jabatan saya ada banyak jawatan yang kosong dalam Jabatan saya, dalam tahun ini sahaja seramai 12 orang pegawai perundangan di Jabatan saya telah meletakkan jawatan untuk bekerja sendiri atau dengan swasta. Sememangnya menjadi hasrat dan tujuan Kerajaan untuk menterjemahkan semua Undang-undang dalam negeri ini ke dalam Bahasa Kebangsaan. Tetapi oleh sebab kerja-kerja menterjemah ini adalah tugas yang rumit dan sukar serta mengambil masa dan juga dengan sebab kekurangan pegawai-pegawai perundangan, hasrat dan tujuan Kerajaan tidak dapat dilaksanakan

pada masa ini. Apakala kekosongan jawatan-jawatan dalam Jabatan Peguam Negara dapat diisi, maka kerja-kerja menterjemah Undang-undang yang ada ke dalam Bahasa Kebangsaan akan dijalankan dengan lebih pesat lagi.

Berkenaan dengan seruannya meminta Peguam Negara begini bunyinya:

“Memasukkan sedikit demi sedikit Undang-undang Islam ke dalam Undang-undang negara kita,” oleh sebab katanya “Undang-undang Islam bukanlah untuk orang-orang Islam sahaja tetapi diutuskan kepada semua rakyat Malaysia semuanya dengan tak mengira agama dan kaum.”

maka saya menyatakan cadangannya itu adalah sangat sukar bagi saya sebagai Peguam Negara hendak melaksanakannya oleh kerana Yang Berhormat itu telah menyetujui perkara dasar yang berkehendakkan satu kajian yang mendalam dan sempurna supaya satu ketetapan yang tepat dapat dibuat oleh Kerajaan dan mengarahkan saya berbuat demikian, tetapi bukan dengan cara memasukkan Undang-undang Islam sedikit demi sedikit oleh Peguam Negara sendiri semasa saya atau pegawai saya menggubal mana-mana Undang-undang. Cadangannya berkehendakkan Kerajaan menggunakan Undang-undang Islam dalam Undang-undang Pesaka Islam atau Faraid bagi orang-orang bukan Islam adalah sukar juga hendak dijalankan oleh kerana Kerajaan tiada keterangan yang orang-orang bukan Islam di negeri ini berkehendakkan Undang-undang seperti itu bagi nikah-kahwin dan cerai mereka dan juga untuk membahagi pesaka dan lain-lain hendak dijalankan di negeri ini. Perlembagaan kita ada menyatakan iaitu orang-orang bukan Islam boleh mengamalkan agama dan adat resamnya masing-masing dengan aman dan damai dan bebas dan juga Perlembagaan ada menyatakan Undang-undang Islam yang diluluskan oleh Raja-raja Negeri-negeri adalah tertakluk di bawahnya bagi orang-orang yang beragama Islam sahaja.

Walau bagaimanapun, saya sebagai Peguam Negara dan Kerajaan juga bila mengadakan Undang-undang baru atau meminda Undang-undang yang ada, dengan seberapa yang boleh dan dengan memikirkan keadaan yang ada di negara kita, mengelakkan peruntukan (*provision*) yang ditegah atau bercanggah

dengan Undang-undang Islam. Tetapi kalau ada perkara-perkara yang ditegah atau bercanggah dengan undang-undang Islam ada juga dalam undang-undang itu, manamana Ahli Yang Berhormat bolehlah membawa bangkangannya dalam Parlimen ini. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat itu supaya menggunakan unsur-unsur Islam dalam Undang-undang kita pada masa yang akan datang adalah diterima oleh sebab ini adalah juga hasrat Kerajaan. Kerajaan telah cuba seberapa yang boleh mengelakkan membuat Undang-undang yang bercanggah atau berlawanan dengan Undang-undang Islam. Barang diingati iaitu bila kita mengadakan satu Undang-undang yang gunanya meliputi semua penduduk di negeri ini, hendaklah kita timbang dengan sehalus-halusnya yang Undang-undang itu tidak menyalahi Perlembagaan dan juga yang lebih penting lagi diterima oleh semua penduduk dan kaum yang berbilang agama di negeri kita demi kepentingan keamanan negara dan keselamatan negara ini pada masa yang akan datang.

4.22 ptg.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian saya dan saya ingin memberi beberapa ulasan berkenaan dengan teguran-teguran Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

#### FELDA

Tuan Yang di-Pertua, sejak saya mula-mula lagi memegang jawatan Menteri Kemajuan Tanah dan Tugas-tugas Khas, saya telah membuat lawatan ke beberapa rancangan-rancangan kemajuan tanah FELDA di semua negeri. Lawatan-lawatan ini sungguh berkesan dan saya tahu dan sedar tentang perkembangan-perkembangan, kemajuan-kemajuan dan juga masalah-masalah yang didapati di rancangan-rancangan kemajuan tanah. Dengan itu saya telah mengambil beberapa langkah, mengadakan beberapa peraturan baru untuk dilaksanakan oleh pihak FELDA. Sungguhpun diakui terdapat beberapa masalah di rancangan-rancangan kemajuan tanah FELDA tetapi keadaan yang sebenarnya adalah tidak begitu merunsingkan, tidak

begitu membimbangkan dan dengan itu tidaklah perlu diadakan satu suruhanjaya menyiasat seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Johor Tenggara itu.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada masa ini FELDA mempunyai 140 buah rancangan dan telah menempatkan hampir 30,000 keluarga peserta-peserta yang meliputi tidak kurang daripada 160,000 orang penduduk, kecil besar, tua dan muda. Peserta-peserta FELDA datang dari berbagai daerah, mempunyai berbagai ragam, berlainan latar belakang dan apabila mereka ditempatkan di satu-satu kawasan tentulah didapati beberapa masalah di peringkat permulaan. Ini dari sudut sosiologi pun tidak dapat dinafikan bahawa satu tempoh penyesuaian (period of adjustment) tidak dapat tidak tentu muncul.

Di samping itu pula adalah diakui bahawa kebanyakan daripada pegawai-pegawai FELDA, terutama sekali pengurus-pengurus rancangan terdiri daripada golongan muda. Mereka memang cekap bekerja, dinamis, mempunyai kelulusan dan kelayakan tetapi oleh kerana mereka muda serta kurang sedikit pengalaman, maka kadang-kala tentulah timbul perselisihan faham dan sebagainya di setengah-setengah rancangan. Dalam keadaan yang sedemikian, saya ingin merayu kepada ahli-ahli politik supaya mereka janganlah campurtangan secara langsung di dalam urusan pentadbiran hari-hari di rancangan-rancangan FELDA. Ini boleh merumitkan lagi keadaan dan tidak mendatangkan faedah kepada manamana pihak. Dalam pada itu, saya suka memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa golongan pegawai-pegawai FELDA terutama sekali pegawai-pegawai di rancangan adalah satu golongan pekerja yang paling tekun, dedikasi dan jujur dalam memikul tanggungjawab mereka yang berat. Pengorbanan mereka untuk sanggup memimpin peserta-peserta yang begitu ramai dan kesanggupan mereka untuk tinggal di kawasan-kawasan yang terpencil dengan keadaan-keadaan yang sukar adalah satu bukti atas semangat perjuangan mereka bagi membela peserta-peserta itu sendiri.

Hampir kesemua problem-problem yang dihadapi oleh FELDA pada hari ini merupakan problem kemanusiaan atau masalah-masalah dari segi pembangunan

rohaniah. Kajian-kajian sosiologi oleh FELDA dan Kementerian sedang berjalan dan beberapa perubahan sedikit demi sedikit sedang dibuat pada masa ini. Dalam pada itu FELDA sedang mempergiatkan latihan dan perhatian telah diutamakan ke dalam bidang pembangunan peneroka. Hal ini telah diberi perhatian utama oleh FELDA baru-baru ini, dan bagi memperhebatkan lagi tindakan-tindakan atau langkah-langkah untuk membangunkan satu masyarakat petani moden, progressif dan mempunyai perpaduan yang erat serta bersopan santun, berakhlak, tindakan-tindakan telah diambil untuk memperbanyakkan lagi bilangan pegawai-pegawai pembangunan peneroka di bidang agama. Selain daripada itu, saya telah mengarahkan FELDA untuk melantik pembantu-pembantu agama di tiap-tiap rancangan FELDA itu sendiri. Pegawai-pegawai ini akan bertanggungjawab bagi menubuhkan kelas-kelas agama di samping mendidik anak-anak peneroka dan memimpin peneroka-peneroka dalam urusan-urusan adat dan ajaran-ajaran agama bagi mengekalkan perpaduan meninggikan nilai akhlak dan sopan-santun dan sebagainya di kalangan masyarakat rancangan itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Johor Tenggara juga telah menimbulkan rasa kecewanya dengan satu dasar FELDA mengambil peserta-pesertanya sebagai buruh katanya "buruh makan gaji dengan FELDA" bagi mengelakkan peserta-peserta daripada berhutang dengannya. Ini sebenarnya adalah tidak benar sama sekali.

Saya percaya Ahli Yang Berhormat itu menimbulkan perkara ini daripada apa yang beliau ketahui berkenaan dengan sistem yang dicadangkan dalam pembukaan rancangan FELDA Kemahang di Kelantan. Bagi rancangan Kemahang, dengan persetujuan dan kehendak Kerajaan Negeri sendiri, FELDA akan hanya menyerahkan tanah mereka setelah FELDA dapat mengutip kembali semua perbelanjaan pembangunan bagi rancangan itu. Sebelum daripada itu, peserta-peserta tidak sama sekali dianggap sebagai buruh makan gaji seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu. Mereka adalah sama seperti peserta-peserta di rancangan-rancangan lain juga. Hak-hak peserta juga adalah dijamin seperti di rancangan-rancangan FELDA yang lain. Apa yang berlainan di sini adalah

mereka itu tidak terikat kepada hutang-hutang perseorangan seperti yang dikenakan bagi rancangan-rancangan lain. Malah ini adalah satu rancangan atau satu sistem yang peserta-peserta boleh memiliki tanah mereka lebih cepat dari biasa. Dan sekiranya didapati sistem ini lebih berkesan dan menguntungkan, maka sistem ini akan diperluaskan ke Negeri-negeri lain jika dipersetujui oleh pihak yang berkuasa Negeri itu.

Berkenaan dengan masalah umur yang timbul daripada pembekuan pengambilan peserta-peserta, saya fikir ini tidaklah menjadi satu masalah. Umur pemohon-pemohon yang dijadikan perhitungan adalah umur semasa seseorang peserta itu membuat permohonannya. Dengan itu seseorang pemohon yang sudah berumur 37 tahun sekarang misalnya boleh juga dibawa masuk ke rancangan FELDA asalkan semasa ia memohon dahulu umurnya kurang daripada 35 tahun dengan syarat ia telah berjaya di dalam temuduga.

Berkenaan dengan pengambilan orang-orang daripada daerah Kota Tinggi untuk dimasukkan ke rancangan-rancangan FELDA di Negeri Pahang, ini tidak dapat dielakkan oleh FELDA. Sungguhpun FELDA dengan seberapa yang boleh cuba menempatkan peserta-peserta di rancangan-rancangan dalam negerinya sendiri tetapi hal demikian tidak dapat dielakkan, untuk makluman Yang Berhormat Ahli dari Johor Tenggara, daripada 5,800 keluarga peserta di rancangan-rancangan kemajuan tanah Johor, maka 5,504 keluarga atau peserta adalah terdiri daripada rakyat Negeri Johor sendiri. Ini bersamaan dengan 94.7%. Keadaan yang sebenarnya adalah semua rancangan-rancangan di Negeri Johor telah penuh dan pemohon-pemohon yang ingin memasuki rancangan-rancangan FELDA dengan segeranya perlulah berpindah ke negeri-negeri lain. Sungguhpun demikian, beberapa buah rancangan sedang dibuka di kawasan Johor Tenggara dan apabila tempatnya disediakan, orang-orang tempatan yang berkelayakan akan mendapat keutamaan memasuki rancangan-rancangan itu.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

#### *Pentadbiran Tanah*

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menimbulkan masalah kelambatan dalam

urusan permohonan tanah. Saya sedar atas masalah-masalah ini dan akan mencuba untuk mengatasinya dengan seberapa daya yang boleh. Kementerian saya telah mengambil langkah-langkah serta mencari jalan bagi melicinkan lagi susunan pentadbiran tanah di tiap-tiap Negeri. Kursus-kursus pentadbiran tanah sedang diadakan dengan lebih kerap lagi di peringkat Persekutuan dan Negeri-negeri bagi melatih pegawai-pegawai tanah dengan tujuan supaya mereka akan menjadi pegawai-pegawai yang lebih cekap, mahir dan akan dapat mengatasi problem-problem dan kelambatan-kelambatan yang terdapat dalam pentadbiran tanah. Di samping itu juga Jabatan Pentadbiran Tanah Persekutuan telah menubuhkan pasukan petugas (task force) untuk membantu pegawai-pegawai tanah di Negeri-negeri selain daripada tugas mereka menyelesaikan masalah-masalah pemberian milik tanah bagi kampung-kampung baru.

Kerajaan-kerajaan Negeri telahpun diminta kerjasama supaya mengekalkan pegawai-pegawai di Pejabat-pejabat Tanah dengan tidak menukarkan mereka dengan terlalu kerap ke Jabatan-jabatan lain. Selain daripada itu bilangan pegawai-pegawai tanah sedang ditambah di peringkat daerah bagi menyesuaikan dengan keadaan serta keperluan tenaga pekerja yang sebenarnya.

Berkenaan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Sandakan supaya Kerajaan mengambil langkah-langkah untuk membolehkan golongan pendapatan rendah memiliki tanah di kawasan-kawasan bandar dan luar bandar ini sedang ditelitikan oleh Kementerian saya. Namun demikian masalah yang timbul sekarang ialah tanah-tanah di dalam kawasan bandar besar, kebanyakannya telahpun dimiliki oleh orang-orang perseorangan ataupun syarikat-syarikat perniagaan dan sebagainya. Sekiranya kita ingin mengambil balik tanah ini untuk dibahagikan kepada orang-orang yang tidak bertanah yang berpendapatan rendah, maka sudah tentu ini akan melibatkan perbelanjaan yang besar kepada Kerajaan oleh kerana harga tanah dalam kawasan bandar seperti Yang Berhormat sedia maklum adalah tinggi dan Kerajaan terpaksa membayar ganti rugi kepada tuan-tuan tanah berdasarkan kepada harga pasaran. Maka untuk melaksanakan cadangan Yang Berhormat itu Kerajaan mungkin terpaksa mengeluarkan per-

belanjaan yang amat besar—mungkin beratus-ratus juta ringgit dan tanda tanya yang timbul daripada cadangan Yang Berhormat itu adakah samada cadangan ini praktik dan bijak untuk dilaksanakan.

Namun demikian adalah tidak adil bagi kita menuduh Kerajaan tidak mengambil apa-apa langkah untuk menghadapi masalah ini. Pihak-pihak yang berkenaan telahpun membina beribu-ribu unit rumah pangsa dan rumah-rumah murah untuk diberikan kepada pekerja-pekerja yang pendapatan rendah sejak beberapa tahun yang lalu lagi. Ini akan dapat sedikit sebanyaknya membantu dan menolong orang-orang yang berpendapatan rendah.

Bagi memenuhi keperluan-keperluan penduduk-penduduk di kawasan luar bandar Kerajaan telahpun menubuhkan beberapa agensi pembangunan tanah seperti FELDA, FELCRA, RISDA serta agensi-agensi pembangunan tanah yang ditubuhkan oleh setengah-setengah Kerajaan negeri untuk memenuhi keperluan rakyat yang tidak bertanah. Dengan ini dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Kampar yang Kerajaan tidak mementingkan langsung nasib orang-orang yang tidak bertanah di negara ini adalah tidak berasas sama sekali.

Berkenaan dengan tindakan yang tidak adil dan berlainan terhadap bumiputra dan bukan bumiputra yang menceroboh tanah secara haram yang disentuhkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit, ini telah saya siasat dan telah didapati dakwaan ini kurang tepat. Tindakan-tindakan sentiasa diambil terhadap semua penceroboh-penceroboh tanah haram tidak dikirakan bangsa atau kedudukan ekonomi mereka. Ini terus dapat disemak oleh Yang Berhormat itu daripada kes-kes seumpama ini yang telah dibawa kepada mahkamah sejak beberapa tahun yang lepas.

Mengenai cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara dan Kampar supaya Kerajaan menyekat pemilikan tanah oleh orang-orang asing, saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa dasar yang penting seumpama ini perlu diselidiki dengan mendalam sebelum sesuatu keputusan itu diambil oleh Kerajaan, ini memandangkan beberapa implikasi yang melibatkan pembangunan ekonomi negara kepada keseluruhannya mitalnya dari segi pelaburan, langkah-langkah untuk membawa masuk

modal luar ke negeri ini, soal memperbanyakkan indasteri-indasteri dan sebagainya. Perkara ini tidaklah perlu saya ulas dengan panjang lebar kerana jawapan kepada soalan yang seumpama ini telahpun diberi dalam Dewan ini pada 6hb Disember yang lalu.

Ahli Yang Berhormat dari Kampar telah juga menjadikan satu modal besar bahawa Pejabat-pejabat Tanah tidak menyimpan rekod-rekod tuan-tuan tanah di Pejabat Tanah masing-masing. Sebenarnya semua Pejabat tanah ada menyimpan rekod yang lengkap atas geran-geran tanah di mana nama tuan-tuan tanah telah dicatit dengan jelasnya dalam buku daftar tanah itu. Ini adalah rekod yang paling penting sekali dalam urusan pentadbiran tanah di peringkat daerah.

Ahli Yang Berhormat itu juga tidak puashati ialah oleh kerana Pejabat-pejabat Tanah tidak mempunyai senarai yang berasingan yang menunjukkan semua tuan-tuan tanah yang terdapat di tiap-tiap daerah itu terdiri daripada Warganegara dan bukan Warganegara. Maklumat-maklumat ini sungguhpun mungkin berguna, tetapi untuk menyediakannya tenaga yang cukup dan cekap akan melibatkan waktu yang panjang dan memerlukan kakitangan yang mahir, ini adalah rumit sekali; sedangkan tenaga-tenaga yang ada sekarang lebih diperlukan untuk urusan-urusan tanah yang lebih penting yang sedang di hadapi oleh negara sekarang. Walau bagaimanapun persoalan ini sememangnya ada dalam perhatian saya. Bagi membolehkan kita mengumpul senarai tuan-tuan tanah lengkap yang menunjukkan semua tanah-tanah yang dimiliki oleh mereka serta jenis-jenis orangnya warganegara ataupun tidak warganegara kita memerlukan penggunaan sistem komputer di peringkat Persekutuan. Dengan mengadakan rekod-rekod di kawasan-kawasan daerah sahaja ini pun tidak lengkap kerana seseorang itu mungkin juga memiliki tanah di daerah-daerah atau Negeri-negeri lain.

Dalam soal pemilihan orang yang akan diberi tanah di bawah rancangan-rancangan Kerajaan ada terdapat peraturan-peraturan di mana senarai orang-orang yang telah dipilih akan diumumkan kepadanya masyarakat tempatan. Tempohnya ada ditetapkan untuk mengemukakan bantahan-bantahan terhadap calon-calon yang telah

berjaya sekiranya mereka didapati sudah mempunyai tanah. Selain daripada itu pegawai-pegawai di Pejabat Tanah ataupun Penghulu-penghulu akan dapat memastikan selanjutnya samada kenyataan-kenyataan yang diberi oleh pemohon-pemohon itu berkenaan dengan pemilihan tanah mereka adalah benar ataupun sebaliknya di dalam borang permohonan mereka.

Akhir sekali dalam soal Pentadbiran tanah ini, saya ingin menyentuh cadangan Ahli Yang Berhormat Telok Anson supaya Kerajaan membuka rancangan-rancangan tanah untuk berbilang bangsa berbilang kaum. Ini adalah satu cadangan yang agak nakal oleh kerana seperti Yang Berhormat sepatutnya sedia maklum semua rancangan-rancangan kemajuan tanah Kerajaan seperti FELDA, FELCRA dan sebagainya adalah terbuka kepada semua kaum untuk turut serta. Hanya terdapat beberapa buah sahaja rancangan-rancangan Kerajaan itu yang kebetulannya bertempat dalam kawasan rizab Melayu. Sebab-sebab yang sebenarnya mengapa sebilangan besar daripada peserta-peserta rancangan FELDA mithalnya adalah dipenuhi oleh orang-orang Melayu ini adalah disebabkan rancangan-rancangan ini tidak menarik kepada kaum-kaum yang lain terutamanya kaum Cina oleh kerana mereka lebih ingin mengusahakan tanah-tanah secara bersendirian. Dengan itu kita tidaklah dapat menyalahkan pihak Kerajaan dalam perkara ini.

#### *Tabung Haji*

Ahli-ahli Yang Berhormat Seberang Utara dan Baling telah mencadangkan supaya di masa hadapan kapal-kapal haji yang akan belayar dari Pulau Pinang hendaklah berlabuh dan mengambil penumpang di Dermaga Dalam Butterworth dan tidak di Pulau Pinang bagi menyenangkan penumpang-penumpang. Ini adalah satu cadangan yang baik dan perkara ini sedang dikaji dengan mendalam oleh pihak Lembaga Pelabuhan Pulau Pinang. Masaalah-masaalah yang timbul ialah kerana kemudahan-kemudahan penumpang hanya terdapat di Pulau Pinang pada masa ini. Walau bagaimanapun Lembaga Pelabuhan tersebut akan membuat keputusan sebelum musim haji tahun hadapan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor membangkitkan perkara pemilihan

syarikat-syarikat penerbangan membawa Jemaah Haji. Berkenaan dengan pemilihan syarikat-syarikat pengangkutan untuk membawa Jemaah Haji adalah benar bahawa pendapat-pendapat yang berlainan telah disuarakan oleh pihak yang berkuasa Tabung Haji atas pemilihan syarikat pengangkutan untuk membawa Jemaah Haji pada tahun ini. Pendapat-pendapat yang berlainan ini sememangnya tidak dapat dielakkan bagi menimbangkan satu-satu syarikat yang paling sesuai bagi tugas ini demi kepentingan Jemaah Haji sendiri. Walau bagaimanapun berhubung dengan keputusan yang telah diambil adalah dipersetujui oleh ke semua ahli-ahli Lembaga Perbadanan Perusahaan Pengangkutan Lembaga Urusan dan Tabung Haji iaitu syarikat tunjangan Tabung Haji yang bertanggungjawab di dalam urusan tersebut.

Walaupun bagaimanapun masalah yang timbul ini saya percaya tidak akan berulang lagi kerana insya Allah pada tahun hadapan, pihak MAS akan mengambil alih peranan menerbangkan bakal-bakal haji ke tanah suci. Saya yakin syarikat penerbangan kita sendiri tentu akan memberi perkhidmatan yang lebih memuaskan tetapi walaupun bagaimanapun masalah kelambatan tidak dapat saya memberi jaminan 100% kerana bagi penerbangan-penerbangan biasa juga kadang-kadang terdapat kelewatan dari semasa ke semasa oleh sebab-sebab yang tertentu.

Dalam perkara ini sukacita saya memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Lembaga Urusan dan Tabung Haji sedang memperkemas dan menyusun pentadbirannya. Seorang pegawai Kanan daripada Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik akan ditempatkan dalam Tabung Haji untuk menyandang jawatan Timbalan Pengarah Besar mulai daripada 1hb Januari, 1974 ini. Insya Allah dengan langkah-langkah yang sedang diambil ini, saya berharap semua urusan terutama sekali urusan pengangkutan jemaah haji akan dapat berjalan dengan lebih licin dan memuaskan.

Saya ingin mengambil kesempatan Dewan ini menyatakan meskipun pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji telah berusaha sedaya yang boleh untuk mengelakkan sebarang kesulitan orang ramai terutamanya bakal-bakal haji namun demikian saya merasa dukacita kerana di sana-sini terdapat

juga beberapa keadaan dan kejadian yang menyusahkan orang ramai. Di sini saya ingin juga menyatakan penghargaan dan terima kasih kepada Kedutaan Besar Saudi yang telah memberikan kerjasama yang baik bagi kelancaran urusan jemaah haji yang berkenaan dengannya. Kerjasama yang sedemikian adalah menggambarkan betapa hubungan antara dua negara ini tetap terjalin dengan penuh persaudaraan.

4.45 ptg.

**Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):** Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjawab dalam bahasa Melayu dan minta izin hendak bercakap dalam bahasa Inggeris mana-mana pertanyaan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas apa juga yang telah dibawa oleh Yang Berhormat yang mencadangkan perkara-perkara yang membina dan juga menerangkan dan menjelaskan kepada pihak Yang Berhormat yang tersasul dan salah faham supaya mereka faham bahawa Kementerian Perhubungan ini sangat luas. Lapan pejabat di bawahnya iaitu udara, laut, ikut rel, ikut darat. Oleh sebab itu benarkan saya hendak mengulas ucapan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Dato Kramat yang membuat ucapan dalam bahasa Inggeris.

Saya quote ucapannya.

“The industrial and communications sector continues to get a large share of the cake to maintain the level of industrial development achieved so far and to provide better communications and transport facilities. It receives an allocation of \$561 million which is 42% higher than in 1973”.

Ini diambil extract daripada ucapan Menteri Kewangan. Kemudian beliau memberi komen di sini dalam bahasa Inggeris, “I will not agree that our communications systems has improved. This is only an illusion.” Beliau mengatakan tidak bersetuju dengan adanya improvement dalam hal communication, dan ini cuma angan-angan sahaja. Ini menunjukkan Yang Berhormat ini barangkali samada dia bercakap itu dia bermimpi atau bercakap dalam mimpi, kerana perkataan communication termasuk perhubungan udara, perhubungan talipon kepada seluruh dunia, dari satellite,

perhubungan perkapalan, perhubungan dengan keretapi sampai ke Bangkok, perhubungan kenderaan darat dan pelabuhan-pelabuhan yang telah kita bina seperti containerisation port yang baharu-baharu ini telah dibuka oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Adakah Yang Berhormat itu trying to challenge the facts that he used the telephone?

Sekarang ini kita berasa bangga, perhubungan dari Malaysia ini ke 51 buah negara luar, boleh berhubung terus kerana kita punyai satellite, kita ada Seacom dan kita akan baiki lagi local automatic exchange dan lain-lain. Kita tidak mengakui yang kita sudah perfect. Ini satu contoh yang communication not only is improving, sudah diakui oleh Bank Dunia dan kita juga ada meminjam wang dari Bank Dunia untuk projek-projek talikom yang dikatakan perhubungan in the international telecoms field of Malaysia, Malaysia is being graded as excellent.

Perhubungan MAS, beliau sendiri yang mencerca MAS dengan beberapa puluh pertanyaan di sini, tetapi sekarang ini MAS hanya baharu setahun lebih perhubungannya. Kita boleh terbang terus daripada Kuala Lumpur ke Kuching. Yang Berhormat dari pihak Pembangkang tersenyum sahaja di sini. Dia minta lagi tambah. Cukuplah buat sementara ini. Dan boleh terbang terus ke Kota Kinabalu. Kalau ini semua tidak ada improvement, saya tidak tahulah. Begitulah halnya dengan pihak-pihak Pembangkang yang membuat kecaman yang melulu. Saya tidak hendak membuang masa Rumah ini, tetapi katanya: "We have a Minister for Communications who is unable to communicate nor can he be communicated." Barangkali pada waktu talipon beliau rosak, tidak boleh bercakap dengan saya dan saya tidak boleh bercakap dengan dia. Ada waktunya macam itu. Tetapi kalau adalah macam itu, janganlah marah, dia boleh pinjam talipon orang lain, talipon mana exchange yang dekat, katakan berapa nombor taliponnya dan talipon itu telah rosak. Flying squad, boleh datang dan membetulkan. Dia boleh communicate dengan Menteri Perhubungan dan Menteri Perhubungan boleh communicate dengan dia.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Takut dia sindir-sindir sahaja!

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Inilah yang saya katakan tadi.

**Datuk James Wong Kim Min:** Untuk keterangan.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** I give way now.

**Datuk James Wong Kim Min:** Dari Limbang, jikalau saya hendak talipon dengan Yang Berhormat Menteri Perhubungan, bagaimana, adakah susah? Talipon itu belum bagus. Bila boleh siap?

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Soal bila siap, saya akan beri report kerana exchange ini kadang-kadang dua tahun selekas-lekasnya. Saya akan cuba lekaskan. Hari itupun saya telah jemput Yang Berhormat bila kita buka exchange di Sibul dan sedang diusahakan. Saya akan cuba seberapa lekas, tetapi perkara ini tidak boleh dibuat dengan sekelip mata.

Dan lagi berkenaan dengan tuduhan-tuduhan yang lain lagi yang kononnya saya yang menyebabkan sesak-sesak dan yang lain-lain lagi. Beliau mesti faham di dalam Kuala Lumpur ini ada tiga authorities: City Hall satu authority, kadang-kadang State pun masuk juga, kadang-kadang Federal—3 sekali ada. Sebagai Menteri Perhubungan, saya mencuba to coordinate, hendak diselaraskan dan menolong serta menasihati apa yang baik boleh hendak melaksanakan kenderaan-kenderaan dalam bandar ini dan dengan sebab itu saya sudah beberapa kali menjawabnya, kita ada pakar-pakar international yang sedang menyiasat atas perkara ini dan tidak berapa lama lagi akan memberikan recommendationnya. I am the cause—the Minister for Communication has completely bungled public transportation. Public transport bukan kuasa saya dalam City of Kuala Lumpur ini, saya menolong. Inilah yang saya katakan, kalau hendak menuduh tanyalah dahulu kawasannya, jurisdictionnya, saya cuma hanya menolong sahaja.

Begitu juga derailment, chaotic condition begitu begini. Di mana dalam dunia, dalam negeri yang ada keretapi tidak ada derailment, the question of how often, how many. Ini saya akan terangkan lebih panjang lagi oleh kerana itu benarkan saya ulas. Saya menafikan segala-gala tuduhan daripada Yang Berhormat dari Datuk Kramat yang

mengatakan saya lebih baik berhenti, kalau saya tidak berhenti mana boleh ada modernisation dalam keretapi, transport dan sebagainya.

Saya suka menerangkan kepada Yang Berhormat itu, saya sudah 10 tahun menjadi Menteri Perhubungan, dengan desakan Kementerian sayalah pada waktu itu sampai sekarang pun diselisation is completed now within the last 7 or 8 years. Ini kalau tidak ada modernisation apa dia? Saya tidak tahu. Dan saya tiap-tiap tahun dalam 10 tahun itu meridesakkan peruntukan hendak membeli gerabak yang baru, hendak membeli rel keretapi, tetapi malangnya World Bank baru beri pinjaman sebanyak \$94 juta. Maka itulah yang saya katakan, tuduhan yang melulu dan tidak boleh kita layankan. Saya ingat kalau ia hendak bercakap biarlah dia gunakan fikiran sedikit dan kalau hendak meminta tolong cakaplah baik-baik, janganlah main membabi-butia menuduh dengan sebarangan dengan tidak ada alasan yang saya ini ada kuasa atau tidak ada kuasa. Kalau kuasa tidak ada macam mana saya hendak buat, buat jalan.

Jalan ini mahu dilebarkan, mahu dibanyakkan lagi di Kuala Lumpur sedang kita rundingkan. Itu bukan kuasa Menteri Perhubungan, tetapi kita coordinate. Saya banyak berterima kasih atas cadangan-cadangan yang baik, tambahkan bas, tambahkan kenderaan lain-lain lagi, saya sudah buat semua sekali saya sudah satukan satu coordinating committee 3 buah bas yang ada di dalam Bandaraya Kuala Lumpur ini telahpun bersetuju bekerjasama dengan Kementerian saya dan dengan sebab itu keadaan adalah lebih baik hari ini dan juga keadaan basnya juga.

*(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, may I say this in English because a lot of technicalities are involved in the derailments and the delays of the trains, and I want the members of the public, especially the English Press, because they have been commenting on this in their editorials, to understand the whole picture about derailments and delay of the passenger trains.

Derailments on the Railway are not a new phenomenon. Even in the best of years and in the best of conditions, derailments take place. One factor which can cause a reduction or an increase in the number of derailments is the reduction or increase in the

traffic just in the same way as any increase in the number of vehicles and pedestrians on the road is bound to increase the number of road accidents.

The number of derailments on the Malayan Railway has increased in absolute terms over the years but this is because the Railway has been hauling an ever increasing volume of traffic as reflected in wagon mileage, tonnage or ton-mileage handled. Therefore, comparing the number of derailments occurring in any one year with another without taking into account the volume of works or productivity factor, does not give a true picture of operating efficiency; on the contrary, it will give a distorted picture—that is what has happened now.

For instance, in 1947, the Railway hauled 41 million freight wagon miles. In 1972, the freight wagon mileage was 107 million or  $2\frac{1}{2}$  time the volume in 1947. In 1947, one derailment took place after every 367,000 miles. To put it in another way, in 1947, there were 2 derailments for every million wagon miles. Taking statistics at 10 yearly intervals, we find that in 1950, the wagon mileage before one derailment took place 317,000 miles; or the number of derailments per million wagon miles was 3.1. In 1960, i.e. 10 years after, the wagon mileage before one derailment took place 367,000 miles; this meant that the number of derailments per million wagon mile was 2.7. In 1970, 10 years after, the wagon mileage before one derailment took place was 405,000—this was the lowest—and the number of derailments per million wagon mile was 2.4. In 1972, last year, and the number of derailments per million wagon mile was 2.7. When you compare 1960 and 1972 figures, you will see that it is the same on the average, i.e. 2.7. This is where, as I have said, if you count the number of frequencies, the tonnage and the amount of money and revenue, you will find that there is no exaggeration about these figures. We have got all the statistics and we never hide them.

As regards derailment figures for 1972, the major ones on the main line were 79 and the minor ones were 138. In 1973, for the first eleven months, there were 116 major derailments and the minor ones were 212.

Although the figures do not show variations which should cause considerable concern, derailments are undesirable if they

can be avoided or reduced. The Ministry, has, therefore, taken steps to establish a permanent enquiry unit within the Railways to analyse cause of derailments and accidents with a view to effecting remedial measures.

Certain developmental projects undertaken under the Second Malaysia Plan, such as the purchase of new wagons to replace the old stock, relaying and/or upgrading of the track, etc., to provide greater safety and improve operating efficiency, can only be spread over a period of time because of capital and manpower limitations. The impact of these measures cannot, therefore, be realised overnight.

Again, in analysing the derailment figures, one should take into consideration that only about one-third are derailments of a major nature, the remaining two-thirds involve derailments of a minor nature occurring in marshalling yards, sheds and depots which do not affect the main line operation staff. Now, we have a new training school which gives good training for the operational staff, so that we can provide for more safety awareness amongst all the staff.

Now, coming to why the trains do not leave on time or arrive on time, I would like to say that in a single line system on which the Malayan Railway operates, the punctuality of the trains depends entirely on ideal conditions existing throughout the year over the system. An occurrence even temporarily interrupting services at one point adversely affects the punctuality of trains for a length between 150 to 200 miles. This interruption can briefly be stated to be the restrictions on the speeds of trains imposed by the conditions of the track caused by a number of factors. Owing to the present exercise of improving and relaying tracks, a number of portions have had to be pulled over sections or the system. At the same time a number of railway bridges are being strengthened and this naturally make it essential for speeds of trains to be reduced when passing over these bridges. For example, during the week ending 16th December, 1973, five bridges were being strengthened. Punctuality is also further affected by the Public Works Department building overhead bridges over the railway tracks. Occasionally the Department of Drainage and Irrigation carries out works in the immediate vicinity of railway

tracks, building canals under railway lines and the Malayan Railway has to construct culverts for this purpose.

Now, finally, on the aspect of restriction on speed, heavy rain at certain locations along the railway tracks has caused "flash" floods and earth slips, or better known as landslides, and this is what happened at Sungei Besi recently. It must be explained that flooding of railway tracks cause potholes and make it extremely dangerous for the passage of trains.

It is also important to bear in mind that with the increasing tempo of development in our country, the tonnage of traffic with the Malayan Railway has increased quite considerably during the past two decades. The traffic mileage during the past two decades with the corresponding revenue ton miles during this period will clearly indicate the extent of the increase of traffic undertaken by the Malayan Railway. Traffic miles in 1953 were 3.5 million; in 1963, 4 million; and in 1972, 7.2 million. Revenue ton miles were, in 1953, 222,963,377 and in 1972, 718,000,000 ton miles. This will clearly indicate to the House that the increased volume of traffic is conveyed over very much longer distances. This increased operation is being made without any major modernization of the operating system except for the substitution of steam locomotives by diesel locomotives. The problems of operating a single line railway with the many restrictions mentioned earlier and with the increased traffic do tend to cause delays to trains from time to time. So, I hope the Honourable Members, particularly the Honourable Member for Dato Kramat, understand the operation of trains. We do not want to run fast and then capsize and cause of number of casualties as it would be worse for everybody concerned especially those passengers.

Berbalik kepada soal pijat-pijat, saya suka hendak menerangkan, kerana banyak orang-ramai juga yang salah faham, tempat tidur Kelas II ini, tilamnya ada cover, tidak ada kena-mengena dengan bed sheet, tetapi nampaknya orang-ramai dan setengah-setengah penulis saya mendapat tahu cushion cover in disamakan dengan bed sheet. Bed sheet ini ditukarkan tiap-tiap hari, manakala cushion cover ini dua minggu sekali ditukar. Saya sudah perintahkan

supaya lebih lekas lagi ditukarkan lagi baik supaya yang dalam pun bersih dan yang luar pun bersih, tetapi tidak kotor kerana disalut lagi dengan bed sheet di luar. Saya tidak hendak perkara ini disalahfahamkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak payah hendak menjawab banyak-banyak lagi. Berkenaan dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Bagan mengenai kapal haji yang patut diadakan di seberang Butterworth. Saya memang mendapat pengakuan daripada pegawai saya yang sedang menyelidik perkara ini dan walau macammanapun hendaklah mendapat persetujuan daripada sebuah Jawatankuasa bakal-bakal haji ini dengan Tabung Haji, kerana mereka yang menjaga kebajikan dan hendak menyenangkan orang-orang yang hendak pergi menunaikan Fardu Haji, bukan orang yang hendak menghantar. Yang menjadi soal pokok ialah orang yang hendak menghantar beribu-ribu hendak menaiki feri ini. Itu pun kami sediakan seberapa daya yang boleh. Saya harap pada tahun depan kita akan perbaiki samada di Pulau Pinang atau di Butterworth, tetapi hendaklah dengan persetujuan Jawatankuasa Bakal-bakal Haji dan Tabung Haji.

Berkenaan dengan teguran Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, saya telah mengambil ingatan. Tentang teguran Ahli Yang Berhormat dari Tumpat yang membuat cadangan-cadangan hendak mengadakan Economic Flight ke Kota Bharu, saya telah berhubung dengan pihak MAS. Soalnya mesti ada lighting dan kita memang mengadakan lighting di airstrip yang ada di Kota Bharu itu, tetapi belum sempurna lagi. Jika sekiranya cukup kapalterbang kerana Economic Flight ini hanya boleh diadakan di sebelah malam, to fully utilise the air craft.

Berkenaan dengan tangga itu, kita akan baik pada masa hadapan; di mana-mana pun ada juga memakai tangga tolak ini, tetapi kalau banyak lagi kapalterbang jenis Boeing 737 yang akan turun lagi di Kota Bharu ini, kita akan mengadakan tangga yang lebih moden lagi.

Teguran Ahli Yang Berhormat dari Larut Utara, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas menggunakan pakar-pakar daripada luar negeri ini. Kita memang ada melatih pegawai kita sebagai under-study kerana tujuan kita apabila pakar-pakar ini sudah habis tempoh mereka dan pegawai-

pegawai kita akan dapat mengambil alih. Ini menjadi satu dasar Kerajaan kita.

Teguran yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat membangkitkan soal kenaikan pangkat kakitangan dalam Perkhidmatan Keretapi ini, ada kakitangan yang sudah enam bulan acting tidak dinaikkan pangkat dan lain-lain. Yang sebenarnya kenaikan pangkat ini ialah kuatkuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi dan kita tahu ada 12 orang pegawai-pegawai yang sudah memangku selama enam bulan dan Perkhidmatan Keretapi telahpun menghantar nama-nama mereka dengan pegawai-pegawai lain yang layak kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi supaya dapat ditimbang atas promotion ataupun kenaikan pangkat. Beliau juga ada bercakap berkenaan dengan tidak ada keseimbangan dalam kenaikan pangkat dalam Pejabat Pos ataupun bagi pihak lingkungan atau category posmen. Saya suka menerangkan di sini seseorang pegawai yang dipilih untuk kenaikan pangkat semata-mata berdasarkan kepada merit iaitu kecekapan, kelulusan, pengalaman dan pkeribadian. Kekanan ataupun seniority dalam perkhidmatan hanya akan diambil perhatian sekiranya terdapat dua atau tiga pegawai yang mempunyai kebolehan yang sama. Oleh kerana sejumlah besar daripada calon-calon yang layak yang terdiri daripada bumiputra, sebagai contohnya dalam tahun 1973 ada terdapat seramai 70% bilangan pegawai-pegawai posmen dari bumiputra yang layak bertanding dan posmen bukan bumiputra hanya 30%, maka sudah tentulah jumlah bumiputra yang berjaya lebih ramai daripada yang bukan bumiputra. Ini bukan pilih kasih.

Saya sudah terangkan tadi berkenaan dengan kesesakan bandaraya ini. Kita harap akan menerima repot daripada pakar-pakar dan kita akan mengadakan koordinasi dan barangkali ada special unit yang mana diselaraskan ketiga-tiga authorities, iaitu Federal, State, dan City Hall kerana daripada 1hb Februari, 1974 nanti Kuala Lumpur akan menjadi Ibu Kota dan menjadi Federal Territory dan barangkali kita dapat jalankan lebih sesuai lagi dengan serentak, dan saya harap keadaan-keadaan kesesakan itu akan dapat diperbaiki lagi.

Perkara yang lain-lain, saya mengambil ingatan dan apa juga cadangan-cadangan

yang baik saya akan cuba untuk melaksanakan seberapa boleh dari segi kewangan, tetapi saya cuma hendak menjawab satu perkara sahaja iaitu berkenaan dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Ipoh dan Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang berkenaan dengan talipon. Ini pun saya hendak menggunakan bahasa Inggeris sedikit kerana ini teknikal supaya mereka yang bertanya dalam bahasa Inggeris boleh faham.

The development of commercial activities in the country has led to a rapid increase of telephone trunk traffic. Because of this increase in trunk traffic calls to Kuala Lumpur from Ipoh do suffer from delays. To cope with this trunk positions in the Ipoh Exchange have been increased from 39 to 51, i.e. 12 more positions have been added during the last 12 months. The average answering time is about 50 seconds but during peak period of traffic this answering time can be as long as 4 to 5 minutes. When you are waiting for five minutes it seems half an hour—that is sometimes the trouble. Action has also been taken to install a new Ipoh Trunk Exchange, which is expected to be completed by October next year. In addition to this, additional 12 more operating positions will be installed and the number of trunk circuits will also be increased. It is therefore, expected that there will be a major improvement for trunk traffic in Perak towards the end of 1974.

Saya harap Ahli Yang Berhormat dari Ipoh tidaklah menuduh saya duduk dalam pejabat air-conditioned sahaja. Saya pergi periksa exchange di Ipoh itu bangunannya baharu siap dua tahun, hendak pasang alat-alat memakan masa setahun, jadi tiga tahun. Kalau saya tidak jelaskan tentulah beliau tidak faham. Sebelum saya pergi ke Ipoh, saya akan menulis surat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, dan saya harap mereka boleh lapangkan masanya pergi bersama saya kepada exchange dan saya akan tunjukkan kepada mereka berapa susahnya even to try all these lines take three to four months. Bukan hendak pasang, hendak cuba sebelum diberi kegunaannya kepada orang-ramai.

In connection with the call by Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang from Hong Kong to Tapah, which was connected to Kota Kinabalu, this could be due to mishearing by the operator receiving the

order of the call from the Honourable Member in Hong Kong when he booked the call over the telephone. The word "Tapah" may be misheard as "Sabah" and therefore it is not due to the lack of knowledge of geography by the local operators. The local operators take instruction from the international operators in Hong Kong, i.e. at the point where they book the call.

Berhubung dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Miri-Subis berkenaan rancangan pembesaran Lapanganterbang Antarabangsa Subang, kemudahan-kemudahan kantin telah diberi keutamaan di dalam peringkat pertama pembesaran tersebut supaya setanding dengan kantin-kantin ataupun restoran-restoran lapanganterbang di dalam negara-negara yang lain juga.

Setakat inilah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan teguran-teguran yang lain-lain tidak payah saya menjawabnya cuma diambil ingatan sahaja. Kita akan cuba perbaiki daripada segala segi dan sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih.

5.13 *ptg.*

**Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Datuk Ong Kee Hui):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberikan jawapan kepada teguran-teguran yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh Kementerian saya pada masa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 1974.

Mengenai peruntukan tambahan untuk perumahan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jitra-Padang Terap dan Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam, rakan sejawat saya Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama telah menjawab dalam perbahasan Kajian Semula Setengah Penggal Rancangan Malaysia Kedua. Beliau telah memberikan gambaran yang penuh tentang butir-butir kewangan dan physical mengenai kemajuan perumahan.

Berkenaan dengan perkara banjir di dalam wilayah Persekutuan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu, pembasmian banjir merupakan sebahagian daripada sekim yang comprehensive yang melibatkan jabatan-jabatan dan Kementerian-kementerian lain. Satu laporan yang comprehensive telahpun disediakan dan kerja-kerja persediaan sedang berjalan.

Berkenaan dengan Bandaraya pula sekim pembasmian banjir yang kecil akan terus dilaksanakan pada masa-masa yang diperlukan untuk mengurangkan penderitaan mangsa-mangsa banjir. Pihak Bandaraya akan bekerja rapat dengan jabatan-jabatan dan Kementerian-kementerian yang bertanggungjawab mengenai sekim-sekim pembasmian banjir yang besar dan adalah diharap di dalam tahun-tahun yang akan datang banjir akan merupakan satu kejadian yang jarang berlaku.

Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Baram iaitu peruntukan sebanyak \$3 juta telah dimasukkan ke dalam Anggaran Pembangunan, 1974 untuk pelaksanaan rancangan-ancangan rumah-rumah awam di Negeri Sarawak.

Berkenaan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Darvel mengenai penjualan rumah-rumah pangsa kepada rakyat, saya ingin memaklumkan kepada Dewan ini iaitu pada ketika ini Kerajaan sedang membuat pindaan terakhir kepada Kanun Tanah Negara supaya rumah-rumah pangsa dapat dijual.

Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun cukai spekulasi tanah mungkin akan menseimbangkan nilai tanah yang mana dengan tidak secara langsung akan menseimbangkan pula harga rumah-rumah. Satu daripada cara-cara untuk mengatasi perkara mengseimbangkan harga-harga rumah ialah dengan cara menambah bekalan rumah dan inilah yang akan cuba dibuat di dalam Kajian Semula Setengah Penggal di dalam masa dua tahun yang akhir Rancangan Malaysia Kedua.

Saya ingin merujuk Ahli-ahli Yang Berhormat kepada jawapan yang telah diberi oleh rakan sejawat saya Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama semasa mengulung perbincangan tentang Kajian Semula Setengah Penggal Rancangan Malaysia Kedua.

Sekarang saya akan menyentuh pula perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timur yang telah menyatakan rasa sangsi tentang kemungkinan cukai spekulasi tanah yang dicadangkan itu akan dapat mengakibatkan turunnya harga rumah. Agak terlalu awal untuk kita mengangap cukai spekulasi tanah yang di-

cadangkan itu tidak akan dapat memberi hasil yang diinginkan dan saya sendiri percaya dan yakin dia akan dapat meseimbangkan kedua-dua harga tanah dan rumah.

Mengenai banyaknya bilangan orang-orang yang membuat spekulasi menambah rumah-rumah swasta dan rumah-rumah pangsa dengan harapan memindah rumah-rumah itu dengan mendapat keuntungan. Bahagian Perumahan telah mengeluarkan satu surat pekeling kepada semua pemaju-pemaju perumahan supaya menghadkan sebuah rumah kepada seorang penempah yang sebenarnya dan menghalang seseorang daripada menempah beberapa buah rumah. Saya sedar bahawa pemaju-pemaju perumahan sedang berusaha sesungguhnya untuk memenuhi kehendak surat pekeling itu walaupun sukar untuk mereka menghalang orang-orang yang membuat spekulasi yang tidak bertanggungjawab daripada menambah lebih daripada sebuah rumah sahaja.

Berkenaan dengan perhatian Ahli Yang Berhormat tentang keadaan perumahan yang tidak mencukupi dan kenyataan-kenyataan serta angka-angka yang diberinya itu, saya hanya dapat menunjukkan beliau kepada jawapan yang telah dibuat oleh rakan sejawat saya, Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, ketika mengulung perbincangan Kajian Semula Setengah Penggal Rancangan Malaysia Kedua yang boleh didapati di dalam Penyata Rasmi untuk rujukan.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan permohonan untuk mengadakan tanah kepada golongan yang berpendapatan rendah, permohonan itu sepatutnya dibuat kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang bertanggungjawab terhadap tanah dan pembahagian tanah.

Tentang perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit, saya merasa hairan mendapati bahawa borang-borang permohonan telah dijual dengan harga \$200 sekeping bagi 50 yunit rumah-rumah yang dibina di Jalan Jelempong. Saya tidak sedar tentang keadaan ini sama sekali, akan tetapi saya akan mengambil perhatian dan akan menyelidiki perkara yang telah berlaku itu.

Merujuk kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat

dari Seberang Utara, Kerajaan telah membina banyak rumah-rumah daripada kayu berharga kira-kira \$4 ribu seunit mengikut pelan yang standard. Kebanyakan daripada rumah-rumah ini dibina di kawasan luar bandar dan separa bandar. Saya bersetuju supaya rumah-rumah seperti ini patut dibina terutama di kawasan-kawasan separa bandar.

Berkaitan dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Kinta mengenai pandangan yang kurang elok tentang Penjara Pudu itu, saya ingin memaklumkan kepadanya bahawa Penjara itu akan dipindah ke Kajang dan seluruh kawasan di Jalan Pudu itu sekarang ini tertakluk kepada usaha-usaha pembaharuan bandar. Ini tentu sekali akan mencantikan lagi bandar Kuala Lumpur.

Mengenai perhatian yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Peraturan-peraturan (Perlu) Pembersihan Setinggalan, 1969 menguntukkan supaya setinggalan-setinggalan dibayar secukupnya di mana undang-undang ini telah berkuatkuasa di mana pihak swasta memerlukan supaya setinggalan-setinggalan dipindahkan, mereka bolehlah merayu kepada Pengusaha Tempatan untuk menguatkuasakan pindahan dengan syarat mereka membayar pampasan mengikut formula yang telah ditetapkan di dalam undang-undang. Implikasi-implikasi spekulasi tanah terhadap setinggalan akan diselidiki dengan lebih mendalam lagi supaya setinggalan-setinggalan tidak akan terlibat dengan teruknya. Seperti Ahli Yang Berhormat maklum, Kementerian hanya akan dapat menguatkuasakan kuasa-kuasa ini kuasa di dalam Wilayah Persekutuan dan terpulanglah kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menguatkuasakan kuasa-kuasa ini di negeri-negeri masing-masing.

Berkenaan dengan teguran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh, saya ingin memaklumkan bahawa Kuala Lumpur mempunyai beberapa taman dan kawasan lapang dan apabila ia menjadi Wilayah Persekutuan adalah dicadangkan untuk menambahkan lagi kawasan-kawasan lapang dan taman-taman. Ahli Yang Berhormat tentu sedar bahawa kemajuan telah meluas sehingga dari Lembah Kelang ke Petaling Jaya, Shah Alam, Port Kelang, Kajang, Cheras, Ulu Kelang dan seterusnya. Tidaklah betul jika dikatakan bahawa kemajuan hanya tertumpu di Kuala Lumpur.

Mengenai cadangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Seberang Tengah, saya rasa tidak ada apa-apa salah dengan nama Kuala Lumpur itu, ia bercadang nama Kuala Lumpur ditukarkan. Tetapi pada fikiran saya tidak perlulah kita tukarkan nama yang bersejarah itu. Biarlah ada satu nama yang betul-betul Malaysian dan kita harus bangga dengan nama itu. Sungguhpun Kuala Lumpur sekarang adalah satu bandar Metropolitan dan termasyhur antarabangsa, elok juga kita mengetahui tentang sejarah lama dan asal yang lain.

Menyentuh teguran daripada Ahli Yang Berhormat dari Alor Setar bahawa orang-orang membuat spekulasi tanah secara kecil-kecilan yang telah menempah beberapa buah rumah di ladang-ladang perumahan dan kemudahan menjualnya untuk mendapat keuntungan yang besar, saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya untuk tidak menggalakkan penempahan berganda-ganda di ladang-ladang perumahan setelah mengeluarkan satu surat pekeliling kepada semua pemaju-pemaju perumahan yang berlesen iaitu seseorang yang berhajat membeli rumah hanya dibenar untuk menempah sebuah rumah sahaja dan tidak menggalakkan pemindahan tempahan dibuat. Ini hanya dibenarkan oleh pihak pengurusan pemaju-pemaju perumahan yang berlesen dengan sebab-sebab yang baik dan menasabah. Adalah disedari bahawa langkah-langkah seperti ini apabila dilaksanakan oleh pemaju-pemaju perumahan yang berlesen tidak akan menggalakkan seseorang daripada membuat penempahan berganda-ganda atas nama kawan-kawan dan saudara-mara mereka. Akan tetapi jika pindahan tidak dibenarkan secara bebas kecuali atas penyemakan dan persetujuan pihak pengurusan, besar kemungkinan bahawa cara penempahan berganda-ganda ini akan dapat dikawal.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

5.30 ptg.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam):** Tuan Yang di-Pertua, saya akan bercakap dalam Bahasa Kebangsaan dan mohon izin bercakap dalam Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyampaikan cadangan-cadangan dan kritik-kritik yang membina.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Patani telah merayu bahawa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, MARA dan lain-lain agensi yang terlibat dalam latihan supaya melatih lebih ramai pekerja-pekerja bumiputra yang mahir untuk mengisi kekosongan-kekosongan di sektor swasta.

Sebenarnya menambahkan bilangan pelatih-pelatih bagi menjalani kursus-kursus ketukangan yang diperlukan oleh sektor swasta adalah menjadi matlamat utama kepada Perkhidmatan Latihan, Jabatan Tenaga dalam Kementerian saya. Walaupun latihan ini terbuka kepada semua calon-calon yang layak, Kementerian saya telah juga memberi perhatian kepada Dasar Ekonomi Baru bagi menambahkan pelatih-pelatih bumiputra. Untuk mencapai tujuan ini, selain daripada Instituit Latihan Perindustrian, Kuala Lumpur yang telah ditubuhkan pada tahun 1964, Kementerian saya telah juga mendirikan sebuah Instituit Latihan Perindustrian lagi di Prai yang telah siap pada 31hb Mac tahun ini. Selain dari itu langkah-langkah sedang pun diambil bagi menyediakan kemudahan latihan yang sama di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Rancangan juga sedang dibuat bagi mendirikan sebuah instituit lagi di Sabah untuk tujuan yang sama.

*(Dengan izin)* The Honourable Member for Pulau Pinang Utara and the Honourable Member for Bandar Melaka touched on the subject of unemployment situation, particularly among the estate workers, and urged that some positive steps be taken to remedy the situation.

Sir, the twin objectives of the 2nd Malaysia Plan are to restructure the Malaysian Society and to eradicate poverty among all Malaysians, irrespective of race. The generation of employment during the first three years has been faster than planned and unemployment rate has declined from 7.5% of the labour force in 1970 to 7.3% in 1973. During the remaining Plan period it is projected that 252,000 jobs will be created and unemployment rate is expected to further reduce to 7% in 1975.

All Malaysians including those of Indian origin will have a fair share in the fruits of the New Economic Policy. My Ministry is aware there is a higher rate of unemployment amongst Indians. As I have stated earlier during the current session of this House, appropriate measures will be taken to reduce unemployment among Malaysian Indians within the context of the New Economic Policy. I can assure the Honourable Members that the future for Malaysian Indians is as bright as for other races in this country.

The Honourable Member for Bandar Melaka also suggested that a Special Fund be created to assist the unemployed. The economic development has been stepped up and it is not desirable at this stage of our country's development to set up a special fund for the unemployed. The Government is pursuing a more positive approach and that is the creation of more employment opportunities under the Second Malaysia Plan and the industrialisation programme. We would not like a negative approach.

The same Honourable Member also suggested that measures be taken to check the migration of people from rural areas to urban areas so as to minimise the social problem in the urban areas.

Sir, the rapid growth in industrial development in the urban areas has attracted some rural people to migrate to urban areas. This development is not unexpected as it is only natural for people to seek better means of livelihood.

In its economic expansion programme, the Government is taking positive steps to slow down the urban drift to some extent by opening up new opportunities in rural areas and outlying towns by encouraging investors to move to rural areas through the permissions of tax incentives, such as "Locational Incentive" which is designed to encourage the dispersal of industries away from existing industrial concentration in the urban areas and thus bring about a faster rate of development in the rural areas.

The Honourable Member for Parit stated that the terms and conditions of employment of some Bumiputra workers in some factories in Perak are not satisfactory. Sir, I am aware that such a situation exists not only in Perak but also elsewhere. My Ministry is doing all

it can to inspect places of employment and look into the terms and conditions under which the employees work. The Honourable Member would be helping us if he would write and inform me of specific cases so that such cases could be investigated.

As regards the question of Perak Hydro-Electric Company, I can assure him that the matter is receiving my personal attention and that there is close consultation between my Ministry and the Ministry of Works and Power. We shall do everything possible to see how best the workers concerned are not adversely affected.

The Honourable Member for Kampar has mentioned about the payment of special relief allowance of \$12 per worker per month made by employers on Chinese gravel pump mines in Perak and even suggested that this allowance should be trebled or quadrupled. It is easier said than done. I think one must take into consideration the situation under which these employers have agreed and offered to pay this allowance. The Honourable Member himself may be well aware that workers on gravel pump mines are normally provided with free food (and lodging) and further the cost of supplying such free food has also increased because of the current inflation. In the circumstances the offer of these employers to pay a special relief allowance of \$12 p.m. in addition to supply of free food cannot be regarded as unreasonable.

With regard to the question of payment of special relief allowance to workers employed in hotels, restaurants and cinemas, I would like to inform the Honourable Member for Kampar that this matter is now being looked into by my Ministry. Sir, while on the subject of payment of a special relief allowance to workers to help tie over the hardships caused to them especially those in the lower income group by rising prices of essential goods, I would like to add that realising the difficulties these workers face and the fact that a number of workers in the country are not members of trade unions, I have directed State Directors of Labour to meet employers, especially those of the larger establishments and firms, to prevail upon them to pay special relief allowances to their workers using the rates given to Government employees as a guideline.

The Honourable Member for Bukit Bintang has suggested for provisions to be introduced in the law for automatic recognition of trade unions of workmen by employers once it has been established that a reasonable number of workmen in an establishment are members of a union. As I have said in this House before, and I repeat, the existing provisions of the Industrial Relations Act are adequate to meet a situation of this nature.

The Honourable Member for Port Dickson referred to the subject of land ownership by estate owners. The Task Force appointed by the Prime Minister to deal with amenities on estates and mines is looking into the question of house-ownership for the workers concerned. This is also confirmed in the mid-term report on the Second Malaysia Plan. Under the scheme land would be given for the workers to build their own houses. Their employers would provide them with land for cultivation/grazing as laid down in the labour laws.

As for land for estate workers, for them to use as a main source of livelihood, they are entitled like other citizens, to apply for land in the various schemes available.

*5.37 ptg.*

**Menteri Pembangunan Ekonomi Desa (Tuan Abdul Ghafar in Baba):** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah membangkitkan soal kawasan padi di Kelantan telah ditenggelami air. Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu adalah bertanggungjawab bagi penyelenggaraan kemudahan-kemudahan perbekalan air dan pembangunan pertanian bagi kawasan Rancangan Pengairan Kemubu itu. Kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu itu meliputi kawasan seluas berjumlah lebih kurang 1,113 ekar. Kira-kira 80,000 ekar daripadanya ialah kawasan tanaman padi dan 30,000 ekar yang lain adalah kawasan tanah tinggi yang tidak dapat diairkan untuk tanaman padi. Pihak Lembaga itu dengan bantuan Jabatan Parit dan Taliair sentiasa mengkaji dan berusaha untuk memperbaiki lagi perbekalan air di kawasan tersebut. Kebanyakan penanam-penanam telah mencapai hasil sebanyak 600 gantang setahun dan ada peladang-peladang yang telah berjaya menghasilkan sebanyak 1,000 gantang seekar pada setahun.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun telah mencadangkan supaya usaha-usaha dibuat bagi mengadakan jentera-jentera ringan untuk digunakan oleh peladang-peladang bagi mengubah semaian petak-petak sawah dan bagi menuai padi. Jentera-jentera seperti itu sangat-sangat diperlukan di dalam kawasan-kawasan tanaman padi yang luas seperti di MADA, di KADA, di kawasan Tanaman Padi di Krian, Sungai Manek, Kuala Selangor dan Sabak Bernam oleh kerana masalah kekurangan tenaga buruh dalam masa yang bersangkutan. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan dan Perbadanan-perbadanan yang berkenaan tidak pula berdiam diri di dalam hal ini kerana Kerajaan juga ingin hendak menjalankan permodenan di dalam perusahaan pertanian.

Jentera-jentera pertanian yang berat seumpama pembajak roda empat mempunyai kegunaan yang terbatas dan hanya dapat digunakan pada satu ketika sahaja di dalam perusahaan penanaman. Kementerian ini berharap syarikat-syarikat ini dapat mencipta jentera-jentera yang sesuai untuk digunakan oleh peladang-peladang dan petani-petani di Malaysia termasuk jentera-jentera membajak, menanam dan menuai. Seeluk-eluknya jika satu jentera itu dapat digunakan bagi ketiga-tiga proses pertanian ini dengan cara memasang percantuman alat mengikut ketika-ketika yang diperlukan.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah mencadangkan supaya lebih banyak lagi usaha dijalankan bagi memproses bahan-bahan makanan tempatan untuk menggantikan impot buah-buahan dan makanan lain di dalam tin dari luar negeri. Bahagian Kaji-teknik Makanan Kementerian Pertanian dan Perikanan telah menjalankan berbagai-bagai kajian untuk memilih bahan-bahan pertanian dan menjalankan proses-proses memperingkat mutu, pembungkusan dan pengetinan buah-buahan. Hasil kajian yang telah selesai ialah memproses buah makisar untuk dijadikan manisan. Membuat jem daripada buah rambutan dan betik dan membuat kicap cili yang dicampur dengan betik dan juga mengetin pelbagai buah-buahan berpotong (fruit cocktail). Jabatan itu mempunyai kilang-kilang pengeluaran bagi menjalankan perniagaan sendiri. Oleh hal yang demikian itu hasil-hasil penyelidikan diedarkan kepada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan Lembaga

Pertubuhan Peladang, Perbadanan Pemasaran Perusahaan Makanan dan lain-lain Perbadanan Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor telah membangkitkan masaalah pemasaran hasil-hasil pertanian dan aktiviti projek-projek yang dijalankan oleh MAJU-TERNAK dan MAJUIKAN untuk membantu penghidupan penduduk-penduduk desa ataupun di luarbandar. Langkah-langkah telah diatitkan oleh FAMA yang bertujuan untuk memperbaiki sistem pemasaran hasil-hasil pertanian di negara ini supaya semua hasil-hasil pengeluaran petani-petani dapat pasaran yang memuaskan dan keuntungan yang berpatutan untuk menggalakkan mereka menambah lagi usaha pengeluarannya.

Penyertaan FAMA dalam perniagaan menjual beli hasil-hasil pertanian akan menjamin pasaran untuk hasil-hasil pengeluaran pertanian di luarbandar dan dengan demikian akan menggalak mereka menanam dengan secara besar-besaran dan menambahkan hasil pengeluaran mereka. Kegiatan FAMA untuk mengadakan saluran pasaran tambahan kepada petani-petani ini membolehkan petani menjualkan hasil mereka dengan harga yang lebih baik. Selain daripada itu, FAMA juga menyediakan pengangkutan hasil-hasil pertanian dan memberi pertolongan kepada petani-petani bagi mendapatkan saluran-saluran pasaran yang lebih baik untuk hasil mereka. FAMA juga memberi nasihat kepada petani-petani mengenai cara-cara untuk menyediakan hasil mereka untuk pasaran bagi mendapatkan keuntungan yang sebanyak mungkin.

Dalam bidang pemasaran kelapa FAMA sedang melaksanakan Pusat-pusat memproses kelapa di Sabak Bernam, Hilir Perak dan Batu Pahat. Penubuhan Pusat-pusat demikian akan ditambah dalam tahun hadapan dan tahun 1975 di kawasan yang diperlukan. Untuk melaksanakan projek-projeknya FAMA telahpun menubuhkan pejabat di semua negeri kecuali Sabah. Selain daripada pejabat Negeri, FAMA juga telah dan akan menubuhkan pejabat di daerah-daerah yang difikirkan perlu. Dengan tertubuhnya pejabat yang demikian itu maka dapatlah FAMA berdamping dengan lebih rapat dan erat lagi dengan petani-petani dan peladang-peladang. Cadangan sahabat saya mengenai penubuhan pasaran lelong di peringkat daerah itu akan dipertimbangkan.

Mengenai masalah penternakan pula usaha yang dijalankan oleh MAJU-TERNAK ketika ini adalah untuk membuka ladang-ladang ternakan bagi pengeluaran daging dan susu secara besar-besaran. Usaha ini adalah difikirkan perlu oleh kerana tiada didapati modal-modal persendirian yang sanggup menjalankan perusahaan ternakan dengan cara besar-besaran. Setakat ini MAJUTERNAK telah memperolehi sebanyak tujuh kawasan dari Kerajaan Negeri yang berjumlah 30,000 ekar. Kawasan-kawasan ini sedang dibersihkan dengan berperingkat-peringkat dan ditanam dengan rumput ragut seluas 8,076 ekar sedang dibersihkan, dan kawasan seluas 3,600 ekar telah ditanam dengan rumput. Jumlah lembu yang telah dimasukkan di dalam kawasan-kawasan yang telah ditanam dengan rumput itu ialah 2,000 ekor kebanyakannya dari baka jenis yang dibawa dari Australia.

Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang Utara telah mencadangkan supaya tindakan diambil untuk melarang eksept ikan dan udang sebagai langkah untuk menyekat kenaikan harga dagangan-dagangan itu, oleh kerana kenaikan harga-harga barang-barang yang lain. Usaha yang dijalankan oleh Kerajaan sekarang akan bertujuan untuk meninggikan taraf hidup penangkap-penangkap ikan. Eksept ikan dan udang yang berlaku sekarang adalah bagi jenis ikan-ikan dan udang-udang yang sangat baik dan tinggi harganya. Eksept itu telah memberi hasil yang baik kepada nelayan dan pihak-pihak yang berkenaan di samping memberi pertukaran wang luar kepada negeri. Eksept ikan dan udang itu tiada pula mengurangkan ikan dan udang dipasaran tempatan.

Dalam usaha mempelbagaikan pertanian, penyelidikan yang dijalankan oleh MARDI bukan sahaja untuk mengeluarkan baka-baka benih yang baik yang mengeluarkan hasil yang tinggi, tetapi juga mencari baka-baka benih tanaman-tanaman untuk menggantikan hasil-hasil pertanian yang diimport dari luar negeri seumpama jagung, kacang soya, sayuran-sayuran, buah-buahan dan juga rumput ragut bagi ternakan. Hasil-hasil permulaan yang diperolehi adalah menggalakkan dan benih-benih baka telah diedarkan kepada Pejabat-pejabat Pertanian Negeri dan Pertubuhan-pertubuhan Peladang

untuk membanyakkannya supaya peladang-peladang dapat menanam tanaman-tanaman itu.

*5.45 ptg.*

**Menteri Pertahanan (Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan dan syor-syor mereka atas perkara-perkara berkaitan dengan Kementerian saya dan mengambil kesempatan bagi menjawab ataupun mengulas pandangan-pandangan, teguran-teguran dan syor-syor yang telah dibuat oleh mereka itu.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah membangkitkan perkara seorang pegawai yang menemuduga bakal pelatih Tentera Laut Di Raja Malaysia menyatakan bahawa semasa berlatih di luar negeri mereka akan terpaksa makan daging babi dan minum minuman keras. Ini telah mengakibatkan kata Ahli Yang Berhormat itu bakal anggota tentera laut yang beragama Islam menarik diri daripada menghadiri kursus-kursus di luar negeri. Atas perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, inginlah saya menerangkan bahawa sejak Angkatan Tentera kita ditubuhkan, anggota-anggota tentera telah dihantar ke luar negeri untuk menghadiri kursus-kursus dan anggota-anggota tentera yang terlibat itu tidak pernah menghadapi apa-apa kesulitan dalam persoalan makanan kerana di tempat-tempat mereka berlatih, hidangan-hidangan yang sesuai bagi pelatih-pelatih yang beragama Islam bukan sahaja daripada Malaysia bahkan juga daripada negara-negara Islam lain adalah juga disediakan. Juga tidak ada anggota-anggota tentera yang dipaksa minum minuman keras di pusat-pusat latihan di luar negeri itu. Oleh hal yang demikian, inginlah saya menegaskan bahawa persoalan pelatih-pelatih kita terpaksa makan daging babi atau minum minuman keras semasa berlatih di luar negeri tidaklah timbul. Dalam pada itu, saya akan menerima kasih jika Ahli Yang Berhormat dari Tumpat dapat memberi nama dua orang pelatih yang terlibat itu dan juga tarikh mereka ditemuduga untuk membolehkan saya menjalankan penyiasatan yang lebih lanjut atas perkara itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor pula telah membangkitkan perkara anggota-anggota Askar Wataniah yang tercedera ketika menjalankan tugas-tugas yang tidak diberi layanan sewajarnya. Atas perkara ini inginlah saya menegaskan bahawa anggota-anggota Pasukan Tentera Wataniah yang dikerah untuk berkhidmat sepenuh masa atau semasa menjalankan Latihan Tahunan (Annual Camping) jika meninggal dunia atau tercedera semasa menjalankan tugas adalah diberi layanan yang sama seperti rakan-rakan sejawat mereka dalam pasukan-pasukan tentera tetap (regular force). Segala bayaran-bayaran pencen dan saguhati yang dibayar kepada anggota-anggota tentera tetap adalah juga diberikan kepada mereka. Oleh hal yang demikian, saya berharap Ahli Yang Berhormat tersebut akan dapat memberikan kepada saya maklumat yang selanjut, seperti nama dan alamat perajurit yang terlibat itu, supaya dapat saya membuat kajian yang lebih dalam mengenai kes itu.

Ahli Yang Berhormat yang sama juga telah mencadangkan supaya Angkatan Tentera kita membeli jenis roket kecil yang digunakan oleh pasukan-pasukan Tentera Arab terhadap tank-tank Israel semasa perang di Asia Barat baru-baru ini. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat itu, inginlah saya menyatakan bahawa pasukan-pasukan tentera kita sudahpun dilengkapi dengan senjata-senjata yang mencukupi yang mana adalah difikirkan sesuai bagi keperluan kita pada masa sekarang hingga kepada menghadapi serangan-serangan daripada kereta kebal atau tank. Oleh hal yang demikian, Kementerian saya tidak merancang, buat masa ini, untuk membeli jenis roket kecil tersebut itu. Walau bagaimanapun, perkara ini adalah sentiasa dikaji dan jika bekalan roket sebagaimana yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat itu perlu, Kementerian saya tidak akan teragak-agak untuk membelinya.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara telahpun menyentuh juga mengenai Projek Pengkalan Tentera Laut di Lumut. Beliau menyatakan bahawa ada pendapat yang menyatakan bahawa Lumut tidak sesuai untuk projek tentera laut oleh kerana di kawasan itu terdapat gelombang yang besar dan kuat. Oleh sebab itu beliau kuatir projek itu nanti akan menghadapi kegagalan

dan anggota-anggota tentera laut kita akan mengalami kesusahan dan selanjutnya mencadangkan supaya pengkajian semula dibuat sekarang juga.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan membina sebuah Pengkalan Tentera Laut di negara kita telahpun dikaji dengan pesatnya sejak tahun 1969 lagi dan sebuah Firma Perunding telah diundang pada tahun itu untuk menjalankan kajian kemungkinan bagi membina sebuah Pengkalan Laut di Semenanjung Malaysia. Dalam perakuan Syarikat Perunding tersebut, Semenanjung Lumut iaitu di kawasan Barat bandar Lumut telah dipilih sebagai kawasan yang paling sesuai untuk pembinaan pengkalan laut itu. Kawasan ini dipilih atas sebab-sebab terpenting yang di antaranya adalah seperti berikut:

- (i) bahawa kawasan pelabuhan dicadangkan bertempat di Tebing Sungai Dinding yang sememangnya terlindung oleh Pulau Pangkor yang bertentangan dengan muara ataupun Kuala Sungai Dinding.
- (ii) Sungai Dinding adalah cukup dalam untuk dilalui oleh semua kapal TLDM samada yang ada sekarang atau yang dirancang untuk masa hadapan.
- (iii) bahawa kawasan yang dicadangkan itu akan dapat dipisahkan dari pembangunan awam oleh bukit-bukit dan ini akan memberi keselamatan yang sewajarnya kepada orang ramai dan juga pengkalan yang dicadangkan itu.

Sayugia dimaklumkan juga bahawa kajian pihak perundingan yang saya telah nyatakan di atas tadi adalah dibuat setelah beberapa kajian teknikal seperti kajian gelombang ataupun "wave observation", kajian datar laut ataupun "hydrographic survey" dan juga kajian-kajian lain di daerah perairan laut itu telah dijalankan.

Ahli Yang Berhormat juga telah mengesyorkan supaya Kerajaan menimbang soal bayaran gantirugi kepada penduduk-penduduk yang terlibat dalam projek Pengkalan Tentera Laut itu. Soal gantirugi ataupun compensation sebenarnya adalah diuruskan oleh Kerajaan Negeri Perak sendiri. Dan pengambilan harta-harta dan rumah-rumah penduduk yang terlibat dalam projek itu adalah dibuat mengikut Akta Pengambilan

Tanah 1960. Penduduk-penduduk berkenaan telahpun diberikan nilai (valuation) pampasan yang patut mereka perolehi. Jika penduduk-penduduk berkenaan itu tidak berpuashati dengan nilai pampasan yang telah diberikan, mereka bolehlah merayu kepada mahkamah. Dan rayuan mereka saya percaya akan ditimbang semula oleh mahkamah-mahkamah yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Baling telah membangkitkan perkara kesulitan yang dihadapi oleh bekas-bekas anggota pasukan keselamatan. Beliau telah menyatakan bahawa mereka bukan sahaja menghadapi kesusahan dalam mendapat pekerjaan tetapi juga tidak mempunyai tempat-tempat kediaman dan terpaksa di rumah saudara-mara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, seperti yang telah saya terangkan dahulu, di Kementerian saya dan juga saya percaya di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, cawangan-cawangan yang khas telah ditubuhkan untuk mengkaji masalah-masalah yang dihadapi oleh bekas-bekas pasukan keselamatan. Beberapa rancangan latihan yang akan menyediakan anggota-anggota bekas-bekas perajurit daripada Angkatan Bersenjata bagi membolehkan mereka meneruskan kehidupan di bidang lapangan awam sedang dijalankan oleh Kementerian saya. Jenis latihan kursus yang diberikan itu adalah seperti berikut:

- (i) Kursus Vokesyenal dan Teknikal di Pusat Latihan Perindustrian;
- (ii) Kursus Pertanian dan Ternakan di Institute Latihan Pertanian, Serdang;
- (iii) Kursus perniagaan di bawah anjuran MARA;
- (iv) Kursus dalam pengurusan bagi pegawai-pegawai.

Tempoh latihan Peralihan sebagaimana yang saya telah nyatakan baru-baru ini boleh dilanjutkan sehingga ke 18 bulan mengikut keperluan jenis-jenis latihan yang diikuti. Rancangan-rancangan ini adalah disediakan untuk membolehkan bekas-bekas Anggota Tentera mendapatkan pekerjaan di bidang swasta yang membolehkan mereka mendapat pendapatan mencukupi untuk keperluan mereka sehari-hari termasuk tempat kediaman.

Selain daripada kursus-kursus yang saya sebutkan tadi bagi mereka yang memiliki tanah tidak kurang dari lima ekar, latihan

yang sempurna dalam bidang pertanian adalah juga diberikan. Jika mereka tidak memiliki tanah sendiri tetapi berminat menciburkan diri dalam lapangan pertanian, mereka adalah dibenarkan menyertai di dalam Rancangan Tanah Khas yang dianjurkan bersama oleh Kementerian saya dengan FELDA untuk bakal-bakal bekas perajurit yang akan dibuka di Sungai Koyan Raub, Pahang. Selain daripada Rancangan Tanah Khas itu, pihak FELDA juga telah memperuntukan 20% dari tempat-tempat di dalam rancangan untuk bekas-bekas anggota Angkatan Tentera. Tempat-tempat kediaman adalah juga disediakan bagi mereka yang menjadi peneroka di dalam rancangan-rancangan tanah yang berkenaan.

Pegawai di Kementerian saya juga sentiasa menasihatkan bekas-bekas perajurit untuk menggunakan wang ganjaran mereka untuk membeli tanah, rumah dan sebagainya yang boleh menentukan bahawa kehidupan mereka di masa hadapan akan lebih terjamin.

Mengenai perkara kegiatan pengganaspengganaspengganas komunis, sukalah saya juga menegaskan bahawa Kementerian saya sentiasa mencari jalan untuk menghapuskan aktiviti-aktiviti pengganaspengganas iu. Sokongan Ahli Yang Berhormat dari Baling kepada Kerajaan atas perkara ini adalah sangat-sangat disanjung tinggi dan Kerajaan akan dengan segala dayausaha cuba mengatasi masalah ini supaya kemajuan negara kita tidak akan dihalangi oleh anasir-anasir jahat ini. Bantuan orang-orang awam kepada pasukan-pasukan tentera dalam hal ini adalah sangat-sangat diperlukan dan kerjasama orang-orang awam dalam memberi maklumat-maklumat mengenai kegiatan anasir-anasir komunis ini akan memudahkan lagi kegiatan pasukan-pasukan keselamatan untuk memburu dan menghapuskan pengganaspengganas itu.

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Tengah telah menyatakan bahawa kapal-terbang jenis F5E dan F5B yang kita telah "order" itu tidak mencukupi untuk mempertahankan negara dari serangan-serangan udara. Missile-missile jenis SAM patutlah juga kata Ahli Yang Berhormat itu diperolehi.

Tuan Yang di-Pertua, Sistem Pertahanan Udara yang kita ada sekarang ini di bawah Rancangan Pertahanan Lima Negara dan

kekuatan Tentera Udara kita sendiri rasa saya buat masa ini adalah memuaskan. Kapal terbang-kapal terbang yang disebutkan yang akan dibeli itu adalah untuk memperkuat lagi Pertahanan Udara kita dan juga memberi latihan yang perlu kepada Tentera Udara Di Raja Malaysia dalam memandu dan menyelenggara pesawat jenis supersonik. Memandang kepada ancaman terhadap negara yang ada sekarang, adalah difikirkan bahawa peluru-peluru berpandu ataupun "SAM missile" itu tidaklah perlu. Jika keadaan ancaman terhadap negara berubah sebaliknya, Kementerian saya akan mengkaji semula keputusan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Tengah telah juga membangkitkan perkara kemungkinan Rancangan Pertahanan Lima Negara akan tamat pada tahun 1973 dan keperluan kerajaan merancang satu lagi Pakatan Pertahanan yang baru di kalangan negara-negara ASEAN telah dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Ahli Yang Berhormat itu bahawa Pakatan Pertahanan Lima Negara akan tamat pada tahun 1975 tidaklah benar. Tidak ada pengumuman yang dibuat bahawa pakatan itu akan tamat pada tahun 1975.

Juga inginlah saya menegaskan bahawa memanglah menjadi cita-cita Kerajaan kita untuk mengujudkan kawasan aman, bebas dan berkecuali di rantau ini dan demi untuk mencapai tujuan itu, Kerajaan kita berpendapat bahawa Pakatan Pertahanan Lima Negara dikurangkan berperingkat-peringkat, apabila peruntukan pengecualian itu diselenggarakan. Adalah dirasakan bahawa apabila tercapai pengecualian yang sepenuhnya Peraturan Pertahanan Lima Negara itu akan berakhir. Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan sebuah Pakatan yang seumpama itu dengan negara-negara ASEAN pada masa ini tetapi perhubungan yang erat dengan negara-negara ASEAN dalam bidang-bidang lain seperti ekonomi, sosial dan sebagainya akan dititikberatkan kerana Kerajaan percaya melalui jalan ini keamanan dan kestabilan di dalam negara kita dan juga di rantau ini akan dapat dijamin.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sangat hairan yang terlitasnya di dalam hati Ahli Yang Berhormat dari Seremban Barat, perasaan syak wasangka bahawa adanya

timbangan yang dikatakan tidak adil di dalam Angkatan Tentera, dan sanggup pula menyebut di dalam Dewan ini bahawa kononnya kaum India tidak mendapat pertimbangan yang sewajarnya. Kementerian saya tidak pernah membezakan anggota-anggota Angkatan Tentera dari apa kaum juga asalkan mereka terdiri dari warga-negara yang taat setia kepada negara kita. Saya suka tegaskan bahawa pengambilan dan kenaikan pangkat tetap berdasarkan kepada kelayakan dan bukan kepada perkauman.

Buktinya sebagai Ahli Yang Berhormat itu termaklum dan ternyata iaitu atas kelayakanlah yang beberapa jawatan tertinggi di dalam Angkatan Tentera seperti jawatan Ketua Turus Tentera Laut, jawatan Brigadier-General dan beberapa lagi pegawai kanan Angkatan Tentera dipegang oleh orang-orang yang bukan Melayu kerana kelayakan mereka, kerana kesetiaan mereka kepada negara dan bukan kerana bangsa atau kulit mereka.

6.03 ptg.

**Menteri Tugas-tugas Khas (Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj bin Tengku Ismail):** Tuan Yang di-Pertua, saya akan bercakap dalam Bahasa Kebangsaan dan mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris mana-mana yang perlu.

Saya bangun hanya menyentuh soal banjir sahaja, kerana sesuaiilah saya rasa pada masa ini negara kita dilanda banjir. Oleh sebab ada Ahli-ahli Yang Berhormat itu bercakap tentang banjir, maka baiklah saya menjawabnya.

Saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih di atas teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap itu. Sukacita saya mengatakan bahawa Kerajaan adalah sentiasa menitikberatkan di atas soal banjir yang dihadapi oleh negara kita. Kerajaan sentiasa sedar di atas merbahayanya akibat banjir ini yang mana kita telah lihat iaitu kerugian harta-benda dan kehilangan nyawa adalah sentiasa berlaku apabila negara kita dilanda banjir, terutama kaum-kaum pertanian dan peladang-peladang sentiasa mendapat kerugian. Maka sebab itulah Kerajaan sentiasa menitikberatkan di atas kerugian-kerugian

yang berlaku di desa dan di luar bandar yang mana orang-orang ini mengalami susah apabila mendapat kerugian di atas tanaman-tanaman mereka. Kerajaan sentiasa memberikan apa-apa pertolongan dan berwaspada untuk mengurangkan kerugian kepada rakyat dan Kerajaan telahpun mengambil beberapa tindakan yang luas, baik jangka pendek atau jangka panjang yang begitu realistik untuk mendapatkan hasil. Soal ini boleh dibereskan dalam masa semalam sahaja. Kerajaan sedang mengkaji tindakan realistik dan konkrit supaya soal ini boleh diambil dengan secara sistematik dan sense of urgency dan arahan yang tertentu supaya kebaikan maxima tercapai dan dinikmati oleh rakyat di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan banjir yang besar yang berlaku di negara kita, khususnya di Kuala Lumpur pada tahun 1971, Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri telah menubuhkan satu Suruhanjaya Kawalan Banjir yang diberikan tugas untuk mengkaji dengan sedalam-dalamnya dan sejelas-jelasnya dalam negara kita ini dan membuat beberapa syor tindakan yang segera dan cadangan-cadangan jangka pendek dan panjang dalam soal banjir ini. Jabatan Parit dan Taliair telah juga ditambah tugasnya yang baharu untuk mengurangkan kesulitan banjir dan diselenggarakan oleh Jabatan ini untuk berpanjangan. Sebagai tindakan sementara ataupun segera untuk mengurangkan kerosakan banjir, Kerajaan sentiasa memperbaiki machinery untuk memberi amaran-amaran iaitu weather broadcasting dan di atas kedatangan banjir supaya orang-orang yang akan terlibat boleh dipindahkan sebelum banjir melanda tempat-tempat mereka itu. Begitu juga perpindahan-perpindahan dan pertolongan kepada orang-orang yang akan terlibat banjir diberi bantuan, makanan dan barang-barang yang lain untuk keperluan mereka.

Saya juga sukacita menyatakan iaitu cara segera atau jangka pendek tindakan-tindakan seperti cloud seeding telahpun dibuat kajian dan kita berharap cloud seeding ini mendapat kejayaan supaya kita boleh menggunakan cloud seeding ini supaya dapat mengurangkan kerosakan dan mengurangkan kedatangan hujan pada masa yang akan datang, pada tempat-tempat yang sentiasa dilanda banjir yang mana-mana telah diketahui pada tahun-tahun yang lepas. Sukacita saya mengatakan, dari segi

chemical reaction, pada hemat saya, sebagai-mana yang saya telah diberi tahu adalah boleh dijalankan tetapi adakah prektikal, masih pada masa sekarang ini berkehendakkan kajian yang panjang untuk memberikan maklumat yang sebenar untuk dijalankan supaya kita mengurangkan daripada dilanda banjir pada masa yang akan datang. Semua tindakan ini adalah diselaraskan dan diarahkan oleh Jabatan Perdana Menteri.

Selain daripada itu, kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri. Saya suka juga mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan Negeri yang dipengerusikan oleh Menteri-menteri Besar iaitu tindakan untuk menyiapkan dan berwaspada di atas kedatangan banjir. Ini adalah memuaskan dengan adanya persiapan dan pengalaman-pengalaman pada tahun-tahun yang lepas boleh dikatakan segala tempat atau negeri-negeri yang selalu dilanda banjir khususnya negeri-negeri seperti Pahang, Trengganu, Kelantan, Johor dan Perak, Kerajaan Negeri sentiasa menggunakan pengalaman-pengalaman yang diketahui pada tahun-tahun yang lepas untuk menjaga dan menyiapkan perkara-perkara bersabit dengan kesulitan dari banjir ini. Selain dari pihak Kerajaan, badan-badan sukarela seperti St. John. Ambulance, Palang Merah, Badan-badan Belia dan juga pihak-pihak tentera dan polis telah memainkan peranan yang besar untuk memberikan pertolongan dan kerjasama bagi mengurangkan kesusahan dan kerumitan kepada rakyat yang selalu mendapat kesulitan masa berpindah dan juga kehilangan harta-benda mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi tindakan yang telahpun diambil oleh Kerajaan dari segi menolong kesulitan banjir ini adalah memindahkan cara berkekalan orang-orang yang telah sentiasa dilandai banjir, tempat-tempat di tepi sungai (riverine areas) yang selalu dilandai banjir ditukarkan ke tempat yang boleh dikatakan tinggi dan mereka ini adalah diberikan beberapa encouragement, diberikan pertolongan-pertolongan supaya mereka itu dikekalkan di tempat yang mereka boleh membuat satu-satu kehidupan yang baharu.

Tuan Yang di-Pertua, cara long term measures Kerajaan telahpun membuatkan satu kajian supaya basin-basin di sungai seperti di Negeri-negeri Kelantan, Trengganu, Pahang, Johor dan juga Perak akan mengadakan satu kajian supaya keadaan ini, cara

berpanjangan dapat kita mengataskan dan boleh memperbaiki kesulitan-kesulitan yang segera dengan tambahan oleh mereka itu yang tinggal di kawasan-kawasan basin yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita juga saya menyatakan dengan adanya bangunan Temenggore Hydro-Electric Project yang sedang dijalankan sekarang ini mungkin banjir di negeri Perak boleh diatasi. Kita harap dengan habisnya pelaksanaan projek Temenggore Hydro-Electric ini pada tahun 1978 boleh dikatakan sekitar Kuala Kangsar yang sentiasa dilanda banjir akan dapat diatasi dengan seberapa boleh. Boleh dikatakan Perak River basin ini tiap-tiap tahun mengalami banjir dan juga seperti di West Johore Agricultural Development Project, dengan adanya satu cadangan untuk menahan atau mengurangkan masalah banjir ini Kerajaan mengadakan satu drainage facilities for agricultural development. Major studies are also either being carried out or are being planned for several river basins, which include Sungai Pahang, Sungai Trengganu and the Sungai Kelantan basins. Major flood problems exist in these basins and the objective of these studies is to determine feasible measures, both engineering and non-engineering, to be taken to alleviate the problems.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1971 Bandaraya Kuala Lumpur telah dilanda banjir, dan Suruhanjaya Kawalan Banjir telahpun ditubuhkan dan telah memberi perhatian untuk mengatasi kesulitan banjir di Bandaraya ini. Suruhanjaya ini telahpun mengemukakan satu laporan yang teliti kepada Kerajaan dan Kerajaan telahpun menerima laporan ini. Perjalanan di atas cadangan-cadangan ini telahpun dimulai dengan apa yang telah saya katakan ini adalah bukti dengan terangnya iaitu Kerajaan telahpun mengambil tindakan yang sewajar dan serious, that no effort has been spared untuk mengatasi kesulitan banjir dalam negara kita. Sukacita saya memberi jaminan kepada Majlis yang mulia ini iaitu Kerajaan sentiasa menggunakan apa daya-usaha dan kebolehnya di dalam kuasanya untuk mengurangkan masalah banjir.

6.14 ptg.

**Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sukacita saya me-

ngucapkan terima kasih kepada Ahi-ahli Yang Berhormat yang telah memberi ulasan-ulasan dan pandangan-pandangan mereka terhadap perkara-perkara di bawah jajaan Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun telah membangkitkan soal kuasa tenaga di Pantai Timur dan juga kemungkinan mengadakan projek Hydro di kawasan itu. Seperti yang telah diumumkan dalam suratkhbar baru-baru ini Lembaga Letrik Negara telah menentukan 25 tempat di seluruh negara ini di mana projek Hydro mungkin diadakan. Di antara tempat-tempat itu ialah Pergau, Nengiri, Lebir di Kelantan dan satu lagi di Sungai Trengganu, di negeri Trengganu. Keempat-empat projek ini sedang disiasat dan dirancangan. Kemungkinan semua projek Hydro dapat dijalankan di tempat-tempat itu adalah tertakluk kepada perakuan kajian-kajian yang telah dijalankan itu. Ini ialah selain daripada projek Hydro di Tembeling Pahang, di mana Jurutera Perunding telahpun dilantik untuk menjalankan satu kajian.

Memandang kepada apa yang saya telah sebutkan tadi, bekalan tenaga di Pantai Timur adalah cukup untuk menemui semua keperluan di kawasan itu. Kementerian saya bersama-sama dengan Lembaga Letrik Negara sedang bekerjasama dengan rapi dengan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya menentukan kuasa tenaga dapat dibekalkan dalam masa yang dikehendaki kepada semua kawasan-kawasan perdagangan baru yang sedang dibuka oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Sementara itu Setesen Junaletrik Diesel ke Kota Bahru, Kuala Trengganu dan Kuantan juga sedang dibesarkan dan bekalan pukut melalui "National Grid" adalah dijangka sampai ke Kuantan pada akhir tahun 1974 dan selepas itu disambung kepada Tanjung Gelang pada 1975.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kluang Utara, Muar Dalam dan Tumpat telah memberi ucapan atas soal bekalan letrik luarbandar dan merayu bahawa rancangan itu diperluaskan lagi dan kampung-kampung di kawasan mereka diberi bekalan. Terlebih dahulu saya ingin

menerangkan bahawa rancangan bekalan letrik luarbandar yang memakan belanja sebanyak lebih kurang \$70 juta dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua ialah satu rancangan yang besar dan pada pendapat saya memandang begitu banyak kerja melaksanakan projek-projek tersebut maka tidaklah perlu diperluaskan lagi. Dalam masa 5 tahun ini Kerajaan bertujuan memberi bekalan kepada lebih kurang 70,000 keluarga di luarbandar di dalam negara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara telah menyebutkan bahawa bagi tahun 1974 Kerajaan Persekutuan akan memberi satu peruntukan sebanyak \$5.4 juta dan Kerajaan-kerajaan Negeri \$11.7 juta bagi rancangan bekalan letrik luarbandar. Ini saya menerangkan tidaklah benar. Ini ialah oleh kerana mengikut dasar yang sedang dijalankan oleh Kementerian saya, semua perbelanjaan projek bekalan letrik luarbandar adalah dibahagikan samarata di antara 3 pihak yaitu Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri dan Lembaga Letrik Negara di Semenanjung Malaysia dan SESCO di Sarawak dan Lembaga Letrik Sabah di Sabah. Ini bermakna dari jumlah \$16.2 juta projek-projek yang akan dijalankan dalam tahun 1974, Kerajaan-kerajaan Negeri hanya akan memberi peruntukan sebanyak \$5.4 juta sahaja dan bukan \$11.7 juta seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Seratok, Sarawak telah meminta bahawa Kerajaan memperbaiki ataupun mengadakan lagi lebih banyak "feeder roads" di Sarawak. Seperti yang telah saya terangkan beberapa kali dahulu di dalam Dewan ini perkara ini adalah di bawah tadbiran Kerajaan Negeri dan oleh yang demikian semua permintaan bagi jalan-jalan kecil itu patutlah disampaikan kepada Kerajaan Negeri Sarawak. Saya percaya permohonan tersebut dapat dipertimbangkan dengan sewajarnya mengikut keutamaan-keutamaan yang disusun oleh Kerajaan Negeri.

Kepada Ahli Yang Berhormat dari Sandakan yang telah membangkitkan soal kekurangan batu untuk pembinaan jalan-jalan raya ataupun lain-lain bangunan di Sabah, sukacita saya maktumkan bahawa satu kajian terhadap kawasan-kawasan yang sesuai untuk ditubuhkan kuari-kuari J.K.R.

telahpun dijalankan pada awal tahun ini. Berdasarkan kepada kajian itu, tindakan sedang diambil untuk mengadakan 3 buah kuari bergerak ataupun "mobile crushers" di Sabah pada tahun 1974. Dengan langkah ini adalah dijangka bahawa masalah kekurangan batu di negeri itu tidak akan menjadi begitu rumit. Sementara itu penyiasatan sedang dijalankan untuk mendapatkan kawasan-kawasan yang mempunyai batu yang mencukupi untuk membolehkan kuari besar ditubuhkan.

Ahli Yang Berhormat dari Darvel, Sabah telah meminta bahawa Kerajaan membina Station Janaletrik seperti di Port Dickson, Johor Bahru dan Melaka di Negeri Sabah khasnya di kawasan Ahli Yang Berhormat itu. Pembinaan Janaletrik yang besar akan memakan belanja yang banyak dan oleh demikian adalah tanggungjawab Kerajaan dan khasnya Kementerian saya untuk menentukan bahawa sebelum satu station janaletrik besar dibina mesti adanya keperluan atau kebolehan menggunakan semua kuasa yang akan dikeluarkan daripada station itu. Mengikut maklumat-maklumat yang telah diterima oleh saya, kawasan Yang Berhormat itu tidak memerlukan satu station janaletrik yang sebesar itu. Walau bagaimanapun untuk makluman Yang Berhormat itu jika keadaan di sana memerlukan, tindakan akan diambil oleh Kementerian saya bersama-sama dengan Lembaga Letrik Sabah membina sebuah station janaletrik besar untuk menemui semua kehendak-kehendak di kawasan itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah bantuan Bank Pembangunan Asia, kita telahpun menjalankan satu kajian untuk menentukan kemungkinan mengadakan sebuah Stesyen Hydro di Sungai Padas Beaufort untuk menampung keperluan tenaga di sebahagian besar kawasan di Sabah. Jika kajian itu menunjukkan bahawa projek ini adalah feasible adalah dijangka bahawa peringkat pertama projek ini akan memakan belanja sebanyak \$100,000,000. Jumlah perbelanjaan projek ini apabila siap pada semua peringkatnya adalah dijangka lebih kurang \$270,000,000. Tarikh pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada hasil kajian yang sedang dijalankan itu.

Ahli Yang Berhormat itu juga meminta bahawa Jalan Semporna/Tawau dibaiki lagi. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum jalanraya ini adalah di antara

jalan-jalan yang sedang dikaji oleh sebuah Syarikat Perunding Jurutera. Laporan Perunding itu adalah dijangka siap dua minggu lagi dan perakuan daripada perunding itu akan menentukan setakat mana jalan itu patut diperbaiki, diperluaskan (realign) sebelum diaspal.

Kepada Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Kuala Selangor sukacita saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih terhadap pandangan-pandangan beliau mengenai pembinaan jalanraya di negara ini. Walau bagaimanapun tindakan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memang sentiasa diambil perhatian oleh Kementerian saya. Sukacita saya menerangkan di sini bahawa kerja-kerja memperluaskan jalanraya Kuala Lumpur/Petaling Jaya adalah bertujuan untuk menemui keperluan jalanraya di jalan itu hingga ke tahun 1980an. Adalah pendapat Kementerian saya bahawa selepas kerja-kerja memperbaiki itu dijalankan, jalan ini tidak boleh dibesarkan lagi dan satu jalan baru perlu dibina untuk menemui semua tambahan tambahan lalulintas pada tahun 1980an. Sukacita saya menyatakan di sini juga bahawa untuk semua jalanraya baru yang sedang atau yang akan dibina, iaitu termasuk Kuala Lumpur/Seremban, Kuala Lumpur/Karak dan Ipoh/Changkat Jering, peruntukan telah diberi untuk mengadakan resab jalan yang mencukupi untuk pembesaran jalan-jalan tersebut di masa hadapan.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Tuaran, Sabah bahawa dua buah jambatan dibina di Peruli dan Lebuaya, sukacita saya menyatakan di sini bahawa perkara ini sedang dikaji oleh Jurutera Perunding yang telah dilantik bagi mengkaji proper range crossing dan jalan pantai barat. Walau bagaimanapun permintaan Ahli Yang Berhormat itu telah diambil perhatian dan Kementerian saya akan cuba untuk membina jambatan itu dengan seberapa cepat yang boleh.

Akhir sekali sukacita saya mengucapkan terima kasih atas kerjasama yang telah diberikan oleh semua Kerajaan Negeri dan rakyat jelata sekalian ketika melaksanakan semua projek-projek kita baik projek-projek yang dijalankan oleh Lembaga Letrik Negara mahupun projek-projek yang dijalankan oleh Jabatan Kerja Raya. Saya harap

kerjasama ini dapat diteruskan supaya peraksanaan semua projek-projek kita demi kemajuan dan kemewahan rakyat jelata terus dicapai.

Dengan jalan ini dapatlah Kementerian saya memainkan peranan yang penting dalam daya usaha kita to deliver the goods to the people mengikut Dasar Ekonomi Baru kita yang bersama-sama kita telah membentuknya.

6.42 ptg.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan-pertanyaan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan Belanjawan 1974 saya terlebih dahulu suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas pandangan-pandangan atau teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang mana ada di dalam perhatian Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menjawab di atas kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka pada 11hb November tahun ini.

Pertamanya, saya ingin menyentuh terhadap kenyataan Ahli Yang Berhormat yang menyatakan bahawa “. . . . despite the large amount of money we are spending on health, the people should have confidence in the integrity and quality of the health service if the public outlay is not to go down the drain.” Tuan Yang di-Pertua, bagi saya ini adalah satu kenyataan bidaah sahaja yang menunjukkan bahawa Ahli Yang Berhormat itu memberikan pendapatnya dari pandangan yang cetek sahaja yang bertujuan semata-mata untuk digunakan sebagai “cheap publicity” untuk menarik perhatian orang ramai terhadap Parti Politiknya yang sudah tidak laku lagi. Saya merasa sangat takjub mengapa Ahli Yang Berhormat masih lagi menyuarakan pendapatnya dengan pandangan yang cetek walhal di awal persidangan Parlimen kita dahulu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyatakan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini hendaklah menyuarakan pendapatnya dari sudut sebenarnya atau keseluruhannya dan tidak dari sudut kecil atau pada satu ketika sahaja. Kalau Ahli Yang Berhormat benar-benar celek matanya, beliau sudah tentu dapat meneliti

dari anggaran perbelanjaan yang telah ditentukan oleh Kerajaan kepada Kementerian Kesihatan yang telah bertambah dari setahun ke setahun, di mana kalau diambil angka-angka peruntukan yang telah disediakan untuk Kementerian Kesihatan pada tahun 1958, jumlah peruntukan ini telah bertambah dari \$71,723,689 pada tahun 1958 kepada \$202,824,191 pada tahun 1971. Butir-butir peruntukan dan perbelanjaan Kementerian Kesihatan dari tahun-tahun 1967 hingga 1973 adalah seperti berikut:

				<i>Perbelanjaan</i>	
1967	...	...	...	135,376,823	
1968	...	...	...	144,421,697	
1969	...	...	...	139,233,325	
1970	...	...	...	154,816,415	
1971	...	...	...	199,710,652	
1972	...	...	...	233,773,333	
1973	...	...	...	258,000,000	

Saya percaya tentu Ahli Yang Berhormat tidak buta melihatkan bahawa walaupun beberapa buah kelinik-klinik persendirian telah ujud seperti candawan di tiap-tiap tempat, namun bilangan pesakit-pesakit yang datang meminta rawatan di hospital-hospital Kerajaan tetap bertambah dengan pesatnya. Buktinya adalah seperti berikut:

		1972	1973
		Sebenar	Anggaran
1. Bilangan Pesakit-pesakit masuk	... ..	551,888	573,963
2. Bilangan Jabatan Pesakit Luar	... ..	61	61
3. Jumlah Kehadiran di Hospital (Jabatan Pesakit Luar)		6,990,153	7,528,395
4. Bilangan Dispensari tidak bergerak	... ..	280	285
5. Jumlah kehadiran di Dispensari tidak bergerak	... ..	3,536,719	3,800,000
6. Bilangan Dispensari Bergerak	... ..	240	240
7. Jumlah kehadiran di Dispensari bergerak	... ..	1,086,357	1,150,000

Tuan Yang di-Pertua, ini ialah satu bukti yang menunjukkan lawatan-lawatan pesakit-pesakit kepada hospital-hospital telah bertambah tiap-tiap tahun.

Berikut pula saya ingin berikan perangkawan bilangan doktor-doktor yang

berkhidmat dengan Kerajaan semenjak tahun 1966-1973:

<i>Bil.</i>		<i>Tarikh</i>	<i>Jumlah Pegawai</i>	
1.	...	1-1-1966	...	520
2.	...	1-1-1967	...	529
3.	...	1-1-1968	...	610
4.	...	1-1-1969	...	641
5.	...	1-1-1970	...	683
6.	...	1-1-1971	...	699
7.	...	1-1-1972	...	926
8.	...	1-1-1973	...	1,234

Di antaranya 156 doktor-doktor ini ialah doktor-doktor kepakaran dan juga bilangan doktor pergigian ialah sejumlah 193 orang.

Dengan adanya perangkaan-perangkaan yang di atas jelaslah menunjukkan bahawa orang ramai tetap mempercayai dan mengakui kemudahan-kemudahan perubatan yang disediakan oleh Kerajaan dan tiap-tiap sen yang disediakan oleh Kerajaan itu adalah dihargai oleh mereka. Sekiranya orang ramai tidak mempercayai lagi perkhidmatan-perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan sudah tentu Kementerian Kesihatan tidak akan diberi Kerajaan peruntukan yang besar bagi tujuan ini dan tidak perlu untuk Kerajaan membina Hospital dan Klinik. Saya rasa tentu Ahli Yang Berhormat bersetuju bahawa tidak ada sebuah Hospital atau Klinik yang menjadi "Rumah Hantu". Saya percaya Ahli Yang Berhormat juga sedar bahawa pesakit-pesakit yang datang ke hospital itu bukan sahaja dari golongan bawah tetapi di peringkat atasan dan mereka datang bukanlah kerana perkhidmatan yang diberikan percuma tetapi mereka sedar bahawa mutu rawatan yang diberikan di hospital Kerajaan adalah bermutu jika tidak baik dari rawatan-rawatan yang disediakan oleh kelinik-klinik persendirian, dari kemudahan-kemudahan dan mutu rawatan.

Saya merasa hairan, Tuan Yang di-Pertua, mengapa Ahli Yang Berhormat sengaja menutup matanya untuk menafikan kejayaan Kerajaan di dalam menyediakan perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan perubatan kepada orang ramai, walhal kejayaan yang telah tercapai oleh Kementerian Kesihatan ini telah diakui oleh semua pelawat-pelawat asing dan Badan-badan Antarabangsa, khususnya Pertubuhan Kesihatan Sedunia yang telah memuji kejayaan

Kementerian Kesihatan di dalam usahanya memberikan rawatan yang comprehensive kepada orang ramai khususnya terhadap perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar. Kalau Ahli Yang Berhormat benar-benar mengikut perkembangan yang berlaku di negara ini, khususnya mengenai Kementerian Kesihatan, melalui alat-alat sebaran am, tentu Ahli Yang Berhormat itu sedar bahawa Pertubuhan Kesihatan Sedunia pada tahun ini telah mengadakan berbagai-bagai Seminar atau kursus, samada yang berbentuk Antarabangsa atau Kebangsaan di Negara kita ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di bawah ini saya periturunkan di antara Seminar-seminar/Kursus yang dianjurkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia yang diadakan dalam tahun ini ialah:

- (1) Inter-Regional Seminar on Chloroquine Resistance Palciparum.
- (2) Special Course in Malaysia Epidemiology for Senior Professional Staff.
- (3) Workshop on Medical Education
- (4) Workshop on Project System Analysis.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya suka juga menyatakan kepada Ahli-ahli di Dewan ini mengenai kes-kes tindakan tata-tertib yang telah diambil oleh Kementerian saya terhadap kakitangan-kakitangan untuk tahun 1972 adalah seperti berikut:

(1) Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas	... ..	20
(2) Kumpulan Kerja dan Separa Ikhtisas	... ..	2
(3) Kumpulan Perkeranian dan Teknik	... ..	30
(4) Kumpulan Kakitangan Rendah dan Buruh Kasar	... ..	225

Dalam tahun 1973, setakat ini seramai 30 orang kakitangan-kakitangan di dalam Kumpulan Pengurusan dan Iktisas telah di-ambil tindakan tatatertib ke atasnya.

Saya tidak merasa sangsi terhadap kejujuran kakitangan-kakitangan di Kementerian saya dan tidak terlintas difikiran saya bahawa kakitangan-kakitangan Kementerian saya akan cuba melakukan perbuatan seperti Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka itu yang cuba mengaburi rakyat di negara ini dengan tujuan semata-mata untuk "cheap publicity".

Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Ahli Yang Berhormat jangkaan kehidupan penduduk-penduduk di Semenanjung Malaysia telah meningkat naik di antara tahun 1957 dan 1970. Dalam tahun 1957 jangkaan kehidupan bagi kaum lelaki dan kaum wanita ialah 56 dan 58 tahun dan jangkaan kehidupan ini telah meningkat naik dalam tahun 1970 kepada 62 dan 66 tahun. Jangkaan kehidupan ini adalah sangat menggalakkan jika dibandingkan dengan Negara-negara Asean yang lain seperti Singapura di mana purata jangkaan kehidupan penduduknya ialah 62 tahun, bagi Negeri Thailand di antara 54-56 tahun dan bagi Indonesia jangkaan kehidupan penduduknya ialah 47 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya beritahu Ahli Yang Berhormat bahawa Malaysia adalah salah satu daripada Negara-negara yang memberikan perkhidmatan perubatan yang boleh dikatakan percuma. Khasnya kepada pesakit-pesakit di dalam Wad Kelas 3 yang mana pesakit-pesakit itu hanyalah dikenakan bayaran namaan sahaja sebanyak \$1. Jika dibandingkan, negara-negara Sosialis pun tidak ada yang memberikan perkhidmatan seumpama ini. Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan kematian-kematian di Hospital Besar, Melaka yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, suka saya memberitahu Ahli Yang Berhormat, bahawa saya telah tidak disesatkan ataupun memberikan gambaran yang salah kepada orang awam. Yang sebenarnya, Ahli Yang Berhormat tersebut, bukan sahaja memberi gambaran yang salah, bahkan cuba dengan sedaya upaya melahirkan perasaan cemas, pengeliruan dan kacau bilau dengan memutar belitkan kenyataan. Angka kematian setiap bulan dari bulan Januari 1973 hingga bulan Julai tahun ini di Hospital Besar Melaka dan angka kematian yang berasingan bagi jangka masa dari 21hb Julai tahun ini hingga 20hb Ogos tahun ini adalah seperti berikut:

Januari	... ..	76
Februari	... ..	65
Mac	... ..	73
April	... ..	65
Mei	... ..	76
Jun	... ..	76
Julai	... ..	72
21-7-73—20-8-73	... ..	107

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Daripada angka-angka kematian dari bulan Januari hingga bulan Julai, Ahli Yang Berhormat akan dapati bahawa jumlah angka kematian itu tidaklah jauh berbeza daripada bulan Januari hingga bulan Julai. Mulai daripada 21-7-73 hingga 20-8-73, jumlah kematian di Hospital Besar Melaka ialah 107 orang dan bukan yang 110 orang sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Bandar Melaka. Angka ini adalah jumlah bilangan kematian-kematian bagi tempoh yang tersebut itu dan kematian-kematian itu adalah daripada berbagai-bagai sebab dan bukannya disebabkan oleh satu sebab yang tertentu sebagaimana yang dituduh oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** What interruption is this?

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham Menteri kata saya memberi gambaran yang salah. Saya mahu. . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Dia tidak beri jalan, tidak boleh!

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, saya mahu dia beri angka itu lebih terang.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Menteri tidak beri jalan!

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Berhubung dengan kenyataan saya, tentang 12 kematian dalam tempoh yang berkenaan itu adalah merujuk kepada kematian-kematian yang dikatakan disebabkan oleh kerosakan dandang (autoclave) di Hospital itu. Jawatankuasa Penyiasat yang telah dilantik oleh saya akan mengemukakan laporannya tidak lama lagi dan sebagai Menteri Kesihatan, saya akan bertindak mengikut apa yang saya fikirkan wajar dan patut setelah mengkaji laporan itu. Adalah sangat tidak wajar bagi Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka untuk membuat sindiran di dalam Dewan ini bahawa penyiasatan-penyiasatan yang dijalankan oleh Jawatankuasa Penyiasat itu akan terpengaruh.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menasihatkan Ahli Yang Berhormat itu supaya menyelidiki sesuatu perkara itu dengan penuh teliti terlebih dahulu sebelum membuat sebarang tuduhan di bawah Kementerian saya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** No interruption is allowed unless on two counts—on a point of order or to elucidate your earlier speech which has been misunderstood, provided the speaker gives way. The speaker is not giving way. So do please resume your seat, Honourable Member.

**Tuan Lim Kit Siang:** I want to ask the Minister whether he will give way because I wish to elucidate. . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Please resume your seat. No argument with the Chair!

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di-Pertua, adalah tuduhan di mana beri peluang kepada seseorang Menteri yang bertanggungjawab peluang menjawab. Apa tuduhan itu?

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Carry on, please.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan-pertanyaan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Tumpat yang telah membangkitkan perkara kadar kematian bayi yang tinggi di Kelantan khususnya di Tanah Merah, seperti kita semua maklum sebelum merdeka bolehlah dikatakan perkhidmatan kesihatan luarbandar tidak ada langsung. Akan tetapi selepas merdeka sehingga masa sekarang Kerajaan telah mendirikan 51 buah Pusat Kesihatan Besar, 26 buah Pusat Kesihatan Kecil dan 1,107 Klinik Bidan di kawasan luarbandar. Akibatnya kadar kematian bayi (infant mortality rate) telah jatuh 50 peratus. Daripada 75.5 kematian bayi-bayi tiap-tiap 1,000 anak yang dilahirkan pada tahun 1967 kepada 38.5 kematian bayi pada tahun 1971. Kejatuhan ini ialah lebih baik lagi di kawasan luarbandar jika dibandingkan dengan kawasan bandar. Pada tahun 1957 kadar kematian bayi di luar bandar adalah kira-kira 18 tahun kebelakang kadar kematian di bandar. Akan tetapi pada masa sekarang kadar kematian ini cuma 12 tahun

kebelakang sahaja. Sungguhpun demikian, Kementerian saya sedar masih ada lagi masaalah kesihatan di luarbandar terutama sekali di Negeri Kelantan dan Trengganu.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah menyebutkan kedudukan di Kelantan khususnya di jajahan Tanah Merah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Tumpat kadar kematian bayi bukanlah semata-mata mencerminkan kedudukan kesihatan sahaja akan tetapi mencerminkan juga kedudukan sosial ekonomi sesuatu tempat. Faktor-faktor yang menyebabkan kadar kematian tinggi selain daripada kekurangan kemudahan perubatan dan kesihatan, termasuk jugalah keadaan jalan dan perhubungan, taraf ekonomi, taraf pelajaran dan pengetahuan penduduk dan juga kepercayaan atau pantang larang penduduk-penduduk terhadap perubatan dan kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka sebutkan di sini Kementerian saya sangatlah memandang berat kepada keperluan memberi kemudahan-kemudahan perubatan dan kesihatan di kawasan luarbandar terutama sekali di Pantai Timur. Oleh itu Kementerian saya pada masa sekarang sedang merancang supaya keutamaan diberi dalam perkembangan kempen-kempen dan aktibiti-aktibiti kita ke Pantai Timur. Keutamaan ini akan terus diberi pada masa rancangan kemudahan-kemudahan perubatan dan kesihatan bagi Rancangan Malaysia Kedua ini dan Rancangan Malaysia Ketiga kelak.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Baram, Sarawak membangkitkan mengenai Hospital Marudi. Di sini saya suka menerangkan bahawa pada masa dahulu Hospital-hospital Daerah tidak dilengkapi dengan alat-alat perubatan yang cukup untuk digunakan pada waktu-waktu kecemasan, pembedahan, dan juga untuk pembedahan perbidanan dan sakit puan. Tetapi buat masa ini semua hospital daerah telah dilengkapi dengan alat-alat kemudahan bagi tujuan-tujuan tersebut di atas dan adalah tidak dapat lagi Ahli Yang Berhormat tersebut menyatakan hanya alat-alat perubatan yang buruk sahaja dihantar ke Hospital itu.

Mengenai Klinik Bersalin di Marudi saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Klinik tersebut adalah

di bawah bidang kuasa Majlis Tempatan. Walau bagaimanapun di dalam rancangan meluaskan Hospital Marudi 5 buah katil telah diuntukkan bagi yunit bersalin. Di samping itu 20 buah katil tambahan lagi juga dirancangkan di dalam jangka meluaskan Hospital tersebut.

Pelan-pelan meluaskan Hospital tersebut telahpun disediakan dan kerja-kerja pembinaan akan digunakan tidak berapa lama lagi. Tentang Klinik Terapung yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu memang benar injin bagi Klinik itu telah rosak, walau bagaimanapun telah dihantar untuk diperbaiki. Sungguhpun Klinik Terapung tersebut tidak dapat digunakan lagi tetapi perkhidmatan perubatan masih lagi diteruskan dengan cara menyewa sampan-sampan. Mengenai Hospital-hospital di Sirian dan Bario pula suka saya memaklumkan bahawa di Bario sebuah Pusat Kesihatan Kecil sedang di dalam pembinaan dan dijangka akan siap pada akhir bulan Januari atau awal bulan Februari tahun yang akan datang. Peruntukan bagi memindahkan sebuah Hospital di Sirian telahpun diluluskan. Pelan bagi Hospital itu telah disediakan dan kerja-kerja pembinaan dijangka akan dimulakan di dalam 3 atau 4 bulan lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Darvel menyatakan, saya suka menerangkan bahawa buat masa ini kemudahan perubatan yang ada di kawasan Darvel adalah terdiri daripada sebuah Hospital mempunyai 50 buah katil yang telah dibina dalam Rancangan Malaysia Yang Pertama. Sebuah Pusat Kesihatan Besar dan 2 buah Village Group sub-Centre selain daripada itu ada kakitangan-kakitangan bagi rancangan-rancangan mengawal tibi dan malaria. Juga ada kakitangan-kakitangan bahagian Merinyu Kesihatan bagi kebersihan kawasan keadaan sekeliling. Kakitangan-kakitangan Hospital adalah terdiri daripada Pegawai-pegawai berikut:

- 1 orang Pegawai Perubatan,
- 1 orang Ketua Jururawat,
- 1 orang Pembantu Hospital Kanan,
- 3 orang Jururawat,
- 5 orang Pembantu Hospital,
- 8 orang Pembantu Jururawat dan Attendan-attendan dan Pembantu-pembantu.

Manakala Pusat Kesihatan Besar adalah dikendalikan oleh 2 orang Jururawat Kesihatan luarbandar dan mereka diawasi oleh seorang Ketua Jururawat Kesihatan daripada Daerah Tuaran dan juga oleh seorang Pegawai Perubatan, di Semporna. Sementara dua buah Village Group sub-Centre masing-masing adalah dikendalikan oleh seorang Jururawat Kesihatan luarbandar. Kedudukan kakitangan Hospital Semporna di kawasan Tuaran adalah sama jika dibandingkan dengan Hospital-hospital di daerah-daerah lain di Sabah.

Di bawah Rancangan Malaysia Kedua 4 buah lagi Village Group sub-Centre akan dibina dan apabila siap kelak Pusat-pusat itu akan dikendalikan oleh seorang Jururawat Kesihatan luarbandar.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya kemudahan-kemudahan perubatan dan kesihatan di daerah Semporna adalah memuaskan dan sama tarafnya jika dibandingkan dengan kemudahan-kemudahan yang ada di Hospital-hospital lain di kawasan-kawasan sebelah Barat di Negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bruas mencadangkan satu Commission of Enquiry terhadap kematian seorang Penolong Jururawat Hospital di daerah Lumut. Saya rasa tidak ada perlunya. Sejauh mana yang saya ketahui kematian Penolong Jururawat itu adalah kerana sebab-sebab biasa. Jika kerana ketuanya garang (arrogance) boleh menyebabkan kematian seseorang itu, maka sudah tentu ramai lagi yang mati sehingga sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tuaran, Sabah meminta supaya Kementerian Kesihatan memindahkan sebuah Hospital di kawasan itu. Perkara ini ialah sedang diambil perhatian oleh saya sendiri. Jikalau perlu Hospital ini didirikan di kawasan ini, maka Kementerian Kesihatan akan mengambil tindakan supaya sebuah Hospital boleh dilancarkan pada Rancangan Malaysia Ketiga pada masa yang akan datang.

Kepada lain-lain Ahli Yang Berhormat yang telah disebutkan berkaitan dengan perkhidmatan Kementerian Kesihatan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan Kementerian saya akan menjalankan tugas dengan lanjut

dan tegasnya supaya Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan ini akan bertambah mutu pada masa yang akan datang.

*6.58 ptg.*

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris):** Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan berhubung dengan Kementerian ini.

Ahli Yang Berhormat dari Baram, Sarawak dalam ucapannya pada 10hb Disember, 1973 telah membangkitkan perkara pergaduhan yang mengakibatkan sekeluarga mengandungi lima orang telah dibunuh mati pada 21-10-73 di Long Sobeng dalam Bahagian IV, Sarawak. Beliau memusykilkan kelambatan tindakan Polis sebab tidak sampai ke tempat kejadian itu sehingga 3 hari kemudian pada 24-10-73.

Yang sebenarnya pihak Polis Miri mula-mula mendapat khabar mengenai perkara ini pada 22-10-73, jam 11.10 pagi melalui semboyan daripada Pusat Kawalan, Kem Tinjar. Mereka dengan serta-merta cuba menghubungi Polis Marudi kerana terpaksa meminta sebuah motor-sangkut laju (speedboat) dihantar ke Kuala Baram untuk mengambil sepasukan anggota Polis yang ditugaskan menyiasat kejadian bunuh itu yang akan berlepas dari Miri. Oleh kerana kesukaran perjalanan dan perhubungan, pasukan penyiasatan Polis itu hanya sampai ke tempat kejadian di Long Sobeng pada 24-10-73 jam 4.30 petang.

Kesimpulan pendapat dari penyiasatan itu menentukan pembunuhan telah berlaku di antara jam 2.00 dan 3.00 pagi pada 22-10-73 di Long Sobeng. Seterusnya, orang yang disyaki sebagai pembunuh itu ditangkap di Rumah UKING pada keesokan harinya 25-10-73.

Patut saya menerangkan, perjalanan dari Miri melalui Kuala Baram dan Marudi ke tempat kejadian pembunuhan itu di Long Sobeng hanya boleh diperbuat ikut sungai dengan motobot. Jauhnya dari Miri ke Marudi melalui Kuala Baram ialah lebih kurang 80 batu dan menghilir ke Long Sobeng lagi 150 batu dari Marudi. Kenderaan dengan helikopter hanya dapat diperolehi

dari Bahagian V. kawasan RASCOM. Helikopter tiada di Bahagian IV, Sarawak. Kalau diperolehi di Bahagian RASCOM sekalipun, tidak dapat pula hendak turun di mana-mana dalam kawasan Bahagian IV kerana tiada landasan (landing pad).

Dari penjelasan yang telah diberi, nyata-nya Polis telah bertindak apabila sahaja mendapat lapuran tetapi oleh sebab kesukaran perjalanan telah mengambil sedikit masa sahaja untuk menyiasat dan menangkap orang yang disyaki melakukan pembunuhan itu.

Yang Berhormat Ahli dari Dato Kramat dalam ucapannya pada 12-12-73 telah menyentuh tentang perkara permohonan kewarganegaraan di bawah Borang "G" dan bertanya samada kerja memproses permohonan-permohonan tersebut sengaja dilambatkan dan samada satu arahan telah dikeluarkan untuk berbuat demikian. Saya suka menjawab pertanyaan itu dan menyatakan bahawa tidak ada arahan dikeluarkan untuk melambat-lambatkan kerja memproses permohonan-permohonan di bawah Borang "G". Yang Berhormat Menteri telahpun menerangkan kedudukan perkara ini di Dewan ini pada 27-11-73 sebagai menjawab pertanyaan mulut oleh Yang Berhormat Tuan Tai Kuan Yang Ahli dari Kulim/Bandar Baharu Kedah.

Yang Berhormat Ahli dari Miri-Subis dalam ucapannya pada 12-12-73 antara lain menyatakan bahawa imej Malaysia boleh diperbaiki sekiranya pegawai-pegawai Imigresen berbudi bahasa dan tersenyum selalu. Berkenaan dengan perkara ini saya menyatakan bahawa semua pegawai-pegawai Imigresen telahpun diberi arahan supaya menjalankan tugas mereka dengan berbudi bahasa dan bersopan santun pada setiap masa. Dan juga Ahli Yang Berhormat itu telah bertanya mengapa jawatan Pengarah Gerakan di Sarawak telah diambil alih oleh Kerajaan Negeri. Ini adalah tidak benar. Yang Berhormat Menteri telahpun menerangkan dalam jawapannya kepada soalan mulut yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu pada 29-11-73 berkenaan dengan perkara ini bahawa Pengarah Gerakan di Sarawak itu telah diberi kuasa oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk menjalankan tugas di bawah Preservation of Public Security Regulations bagi kawasan RASCOM di Sarawak. Kemudian beliau telah juga

menyentuh tentang kejadian seorang awam yang telah tertembak oleh pihak Polis di masa lawatan seorang Menteri di Sarawak Yang Berhormat Menteri telahpun menerangkan kejadian ini dalam jawapan kepada satu soalan mulut oleh Yang Berhormat Ahli dari Saratok yang telah dikemukakan di Dewan ini pada 11-12-73.

Yang Berhormat Ahli dari Pulau Pinang Selatan ada menyentuh tentang "Malaysianisation" dalam sektor swasta. Beliau telah menyatakan bahawa kebanyakan jawatan-jawatan pengurusan di sektor swasta masih di sandang oleh pegawai-pegawai dagang kecuali jawatan-jawatan pegawai "personnel" dan Pegawai Perhubungan Awam. Dalam perkara ini saya suka menjawab menerangkan bahawa Kerajaan ada dasar-dasar yang tertentu selaras dengan rancangan perindustrian di bawah Rancangan Malaysia Kedua dan saya berpuas hati bahawa proses "Malaysianisation" ini adalah berjalan mengikut dasar-dasar yang telah ditetapkan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Baling, Kedah telah meminta Kerajaan supaya mengambil langkah-langkah untuk membantu bekas-bekas Polis dan Tentera memulakan hidup baru. Soal yang sama telah dibangkitkan melalui Pertanyaan Mulut oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus dan saya telahpun memberi jawapan penuh dalam Dewan ini pada 14hb Disember, 1973.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah merayu supaya rakyat bukan sahaja dilengkapi dengan senapang-patah dan peluru yang mencukupi tetapi juga dibenarkan mereka untuk menjalankan gerakan bertempur dengan tujuan mencegah dan menghapuskan pengganas Kominis.

Berkenaan dengan perkara ini, harus Ahli Yang Berhormat itu telah mendengar sudah pun beberapa lama dahulu terujud Ikatan Relawan Rakyat (RELA) yang ditugaskan dengan peranan tertentu untuk menjaga keselamatan kampung-kampung di seluruh negara. Unit-unit RELA mengandungi 10 orang pada tiap-tiap unit telah ditubuhkan di merata-rata tempat yang dianggap buruk keadaannya dari segi keselamatan dalam negeri. Ahli-ahli RELA telah dilengkapi dengan senjata dan peluru yang memadai untuk mereka menjalankan tugas. Oleh kerana perlu memelihara keselamatan, saya

tidak akan menyatakan tempat-tempat di mana RELA ditubuhkan dan bilangan-bilangan ahli yang dilantik serta senjata yang telah dikeluarkan.

Yang Berhormat dari Muar Utara mencadangkan supaya Kerajaan mengadakan perjanjian untuk menghapuskan penggunaan visa dengan negeri-negeri yang ada hubungan diplomatik dengan negara ini, saya sukalah menerangkan bahawa setakat ini Kerajaan telahpun mengadakan perjanjian penghapusan visa secara sepenuhnya (total) atau secara terhad (partial) dengan 18 buah negara. (Negeri-negeri berkenaan ialah Belgium, Denmark, Finland, France, Federal Republic of Germany, Iceland, Italy, Liechtenstein, Luxembourg, Netherlands, Norway, Philippines, San Marino, Sweden, Switzerland, Thailand, Tunisia dan U.S.A.).

Kerajaan sedia mengadakan perjanjian penghapusan visa dengan negeri-negeri lain yang ada hubungan diplomatik dengan negeri ini jika perjanjian seperti itu adalah bagi faedah dan kepentingan negeri ini. Dalam pada itu perlu ditegaskan bahawa bagi mengadakan satu perjanjian penghapusan visa, Malaysia dan negeri berkenaan mestilah bersetuju untuk mengadakan perjanjian itu.

Saya suka menarik perhatian Ahli Yang Berhormat itu bahawa bagi faedah pelancungan, Malaysia adalah sekarang memberi kebenaran kepada warganegara negeri-negeri asing yang ada hubungan diplomatik dengan Malaysia masuk untuk melancung bagi tempoh seminggu tanpa visa, sungguhpun kebanyakan negeri-negeri berkenaan tidak memberi kemudahan yang sama kepada warganegara Malaysia yang melawat negeri-negeri mereka.

Seterusnya beliau telah merayu Kerajaan supaya jangan teragak-agak menangkap sesiapa sahaja yang bekerjasama dengan kumpulan penganas-penganas. Mengenai perkara ini saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa Kerajaan tidak pernah teragak-agak menangkap sesiapa pun yang menjalankan kegiatan-kegiatan yang memudaratkan keselamatan negara dan bertentangan dengan peruntukan-peruntukan undang-undang seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri dan The Preservation of Public Security Regulations. Kerajaan juga tidak akan memandang taraf (status) seseorang itu sebelum tindakan

diambil. Perkara ini ternyata sekali apabila Gerakan "Judas" telah dilancarkan di negeri Sarawak baru-baru ini di mana beberapa orang kenamaan telah ditangkap kerana kegiatan-kegiatan mereka itu. Setelah Kerajaan berpuashati iaitu mereka yang terlibat itu telah memberi kerjasama yang penuh kepada Kerajaan dan tidak akan melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan yang bertentangan dengan keselamatan negara, maka baharulah mereka itu dibebaskan.

Ahli Yang Berhormat itu juga mencadangkan supaya gelaran Penganas Kominis ditukarkan dengan perkataan "Kumpulan Penganas". Istilah "Kumpulan Penganas" seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah sangat am maknanya dan tidak sesuai dengan maksud yang dikehendaki kerana istilah ini boleh memberi makna kumpulan penjahat, pengacau, penderhaka, penyamun, perompak dan lain-lain.

Adapun istilah "Penganas Kominis" itu adalah lebih tepat maknanya kerana istilah ini menunjukkan bahawa orang-orang yang mengganas itu menyebarkan dan memperjuangkan dakyah kominis. Oleh itu mereka dikenali dan digelar sebagai penganas-penganas kominis.

Pemerintah Malaysia tidak mengiktiraf kominis sebagai satu idiologi. Dengan demikian penggunaan istilah "Penganas Kominis" itu tidak akan menjejaskan hubungan kita dengan negara-negara Kominis (ini bukan negara-negara Penganas).

Yang Berhormat Ahli dari Ulu Kinta menyentuh mengenai penjara. Perkara ini telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan sebentar tadi.

Beliau juga telah menyatakan bahawa pihak Polis hendaklah mengadakan langkah-langkah yang lebih ketat untuk mencegah berlakunya jenayah yang kian bertambah. Beliau menyentuh Sistem Salleh yang mana katanya diadakan di setengah-setengah tempat sahaja dan bukan di seluruh negeri ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, pondok-pondok Polis yang didirikan sebagai pengkalan ronda atau "beat bases" di bawah Sistem Salleh adalah didapati di bandar-bandar di seluruh negeri. Sistem Salleh pada masa ini terus berjalan dengan memuaskan. Mengenai cadangan beliau supaya langkah-langkah yang lebih ketat

untuk mencegah jenayah dijalankan oleh pihak Polis, beberapa rancangan mengatasi masalah berlakunya jenayah-jenayah di negeri ini telahpun disusun semula untuk menentang jenayah-jenayah termasuk apa yang dikatakan jenayah-jenayah yang merbahaya. Di samping itu beberapa gerakan dilancarkan di beberapa tempat untuk memberkas samsing-samsing yang diketahui. Memang pihak Polis bertanggungjawab untuk mengawal keamanan serta juga mengambil tindakan mencegah dan mengesan jenayah di seluruh negara, tetapi di dalam tugas ini adalah sangat perlu bagi pihak tersebut mendapat kerjasama yang erat daripada orang ramai supaya bekerjasama dan memberikan maklumat dengan segera untuk menolong mereka menjaga diri, kepentingan dan harta-benda mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan teguran.

7.08 mlm.

**Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob):** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran-teguran dan pandangan-pandangan mengenai bidang pelajaran dalam masa membahaskan usul Yang Berhormat Menteri Kewangan selama lapan hari. Saya tidak bercadang hendak menjawab semua teguran-teguran dan pandangan-pandangan yang telah dikemukakan itu tetapi hanya menyentuh beberapa perkara sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bruas di antara lain-lain telah menyatakan bahawa Kerajaan hendaklah jangan memberi peluang kepada bumiputra sahaja untuk mengikuti Pelajaran Lanjutan (Further Education Classes), bahkan Kerajaan hendaklah memberikan peluang yang sama kepada bukan bumiputra. Tuan Yang di-Pertua, Further Education Classes ini adalah terbuka kepada semua bumiputra dan bukan bumiputra dan semua yang mengikuti kursus-kursus ini adalah dikenakan bayaran.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah menyebutkan tentang kesusahan ibubapa yang miskin membeli buku-buku tulis bagi anak-anak mereka dengan naiknya harga buku-buku tulis itu. Tuan Yang di-Pertua,

untuk membantu murid-murid di luarbandar terutamanya di kawasan-kawasan pendalaman, Kementerian Pelajaran akan memberi bantuan subsidy supaya buku-buku tulis dapat dibeli dengan harga jauh lebih rendah daripada harga kos pengeluarannya. Kementerian saya telah memperuntukkan sebanyak \$1 juta bagi maksud ini. Harga jualan buku-buku ini kepada kanak-kanak yang berkenaan ialah antara 10 ataupun 15 sen senaskah, mengandungi 80 muka surat. Buku-buku ini akan dapat dibeli daripada Guru Besar sekolah-sekolah berkenaan.

Ahli Yang Berhormat itu telah bertanya sejauh mana usaha-usaha telah dijalankan oleh Kementerian saya untuk melaksanakan syor-syor Lapuran Keciciran. Berkenaan dengan perkara ini, Kerajaan sedang menunggu lapuran sebuah Jawatankuasa Pegawai-pegawai yang telah ditugaskan untuk mengkaji segala syor-syor yang terdapat dalam Lapuran Keciciran itu. Adalah dianggarkan bahawa Jawatankuasa Pegawai-pegawai tersebut akan menyampaikan laporannya pada penghujung bulan ini. Langkah-langkah yang akan diambil akan dapat ditentukan selepas Kerajaan mempertimbangkan lapuran Jawatankuasa Pegawai-pegawai itu.

Ahli Yang Berhormat juga bertanyakan sejauh manakah Kementerian saya telah mengambil langkah-langkah untuk mengatasi kekurangan guru-guru terlatih di Pantai Timur terutama di Kelantan, Trengganu dan Pahang. Sukacita saya memaklumkan iaitu bilangan guru-guru terlatih yang baru tamat latihan yang telah ditempatkan di negeri-negeri berkenaan bagi tahun 1974 adalah:

		<i>Sek. Menengah</i>	<i>Sek. Rendah</i>
Kelantan	...	136	91
Trengganu	...	78	120
Pahang	...	91	219
Bilangan guru-guru	Siswazah pula—		
Kelantan	...	106	
Trengganu	...	66	
Pahang	...	68	

Ahli Yang Berhormat dari Kluang Utara telah menyuarakan pendapatnya bahawa Kerajaan hendaklah membuat rancangan

untuk menggalakkan pelajar-pelajar kita kepada "blue collared job". Maka atas kesedaran inilah Kerajaan telah menubuhkan Sekolah-sekolah Vokesyenal, Sekolah-sekolah Teknikal dan mengadakan mata-mata pelajaran vokesyenal yang lebih luas lagi dalam sekolah-sekolah akademik. Atas kesedaran ini juga kursus-kursus dalam Universiti-universiti kita telah mula dibertakkan kepada kursus-kursus sains dan teknologi.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor telah mengesyorkan supaya Universiti-universiti mengambil semua pelajar-pelajar bumiputra yang telah dihadihkan dengan dermasiswa. Yang menjadi masalah dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah kebanyakan daripada pelajar-pelajar bumiputra, pada biasanya, memohon masuk ke jurusan sastera dan bilangan mereka adalah melebihi tempat yang ada di universiti-universiti.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka dan Parit telah menyentuh soal Universiti Malaya menerima masuk ke dalam Fakulti Pendidikannya calon-calon yang memiliki ijazah-ijazah asing yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, dalam pengambilan pelajar-pelajar, universiti-universiti mempunyai kuasa untuk menentukan syarat-syarat yang diperlukan. Walaupun demikian, jika syarat-syarat itu bertentangan dengan dasar Kerajaan, maka universiti-universiti hendaklah menyelaraskan syarat-syaratnya dengan dasar Kerajaan. Oleh yang demikian, dalam soal ini, universiti-universiti tempatan tidak boleh mengambil calon-calon yang memiliki ijazah-ijazah yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan untuk membuat diploma dalam pendidikan dan pengajian-pengajian post-graduate yang lain.

Ahli Yang Berhormat dari Payang telah menyentuh beberapa perkara di antaranya ialah mutu bangunan sekolah di luarbandar yang mengikut Yang Berhormat itu adalah sangat tinggi dan soal memperkenalkan mata-mata pelajaran baru di dalam curriculum sekolah-sekolah. Pandangan-pandangan ini adalah diambil perhatian.

Di samping itu, Yang Berhormat itu juga telah mengesyorkan supaya didirikan satu cawangan rancangan dan penyelidikan pelajaran di Pejabat Pelajaran Sarawak dan juga sebuah bahagian khas untuk merangka, menyelaras dan menentukan bahawa semua

rancangan-rancangan pembangunan di sekolah-sekolah dilaksanakan dengan licin. Dan juga beliau telah mengesyorkan supaya Kementerian saya akan memulakan rancangan kilat bagi melatih guru-guru sains dan Bahasa Malaysia di Sarawak. Saya akan bincang dengan Kerajaan Negeri Sarawak berkenaan dengan perkara-perkara yang dibangkit ini dan berharap Jawatankuasa yang sedang mengkaji semula Lapuran "Inter-Governmental Committee" akan mengemukakan perakuannya dengan seberapa segera. Sebagai kita mengetahui, sistem dan pentadbiran pelajaran di Sarawak masih lagi di bawah kelolaan Kerajaan Negeri Sarawak sendiri.

Ahli Yang Berhormat dari Perlis Selatan telah mengesyorkan supaya Kerajaan menubuhkan Taman Didikan Kanak-kanak (Kindergarten) di luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kementerian Pelajaran sendiri tidak ada rancangan hendak menubuhkan Taman Didikan Kanak-kanak tetapi, sebagaimana Ahli Yang Berhormat telah maklum, Kementerian Pembangunan Desa ada menubuhkan TADIKA dan TABIKA di luarbandar.

Ahli Yang Berhormat dari Temerloh mencadangkan supaya diadakan pelajaran Teknologi Getah di Yayasan-yayasan Pelajaran Tinggi selain daripada yang ada di Universiti Sains. Cadangan ini akan dipertimbangkan.

Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan meminta diperbanyakkan sekolah-sekolah vokesyenal. Pada masa ini, Semenanjung Malaysia mempunyai sebanyak 18 buah sekolah vokesyenal. Satu lagi akan siap pada tahun 1974 dan empat buah lagi sedang dirancangkan. Keperluan menambah bilangan sekolah-sekolah vokesyenal ini adalah dikaji dari semasa ke semasa.

Ahli Yang Berhormat itu juga, dalam menyentuh masalah pelajaran melalui Radio dan Talivisyen, telah menyatakan bahawa masa pelajaran ini adalah sangat terhad. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu maklum, pelajaran melalui mass-media ini terutamanya melalui Talivisyen baru sahaja diadakan. Oleh yang demikian, eloklah diperbetul dan diperkembangkan lagi yang ada sekarang ini sebelum ianya diperluaskan. Berkenaan dengan pegawai-pegawai sementara dalam ETV, ini adalah perkara biasa bagi satu-satu perkhidmatan yang

baru diadakan. Perkara mengambil pegawai-pegawai tetap adalah sedang diuruskan.

Ahli Yang Berhormat itu juga mencadangkan supaya ditambah pemberian per capita kepada sekolah-sekolah rendah dan menengah. Perkara ini telah dikaji dan adalah diharapkan pemberian per capita ini akan dapat ditambah mulai daripada tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, teguran-teguran dan syor-syor yang lain saya akan ambil perhatian dan tindakan-tindakan yang sewajarnya akan diambil sekiranya prektikal.

Sekianlah sahaja yang hendak saya per-katakan. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran-teguran dan pandangan-pandangan mereka.

7.15 mlm.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Musa Hitam):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil kesempatan di sini untuk menjawab beberapa soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam perbincangan yang telah diadakan beberapa hari yang lepas. Sebagai permulaannya, saya suka menarik perhatian kepada cadangan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka supaya Kerajaan membuat pindahan harga punca-punca bekalan daripada negara-negara yang menjual dengan mahal kepada pembekal-pembekal yang lebih murah sebagai salah satu cara untuk mengatasi kenaikan harga. Cadangan ini bukanlah begitu senang sebagaimana yang dinyatakan memandangkan kepada sifat-sifat "brand consciousness" dan perasaan was-was pada amnya di kalangan pengguna terhadap mutu barang-barang itu. Penerimaan pengguna juga bergantung kepada adanya perkhidmatan selepas jualan. Sayugia dimaklumkan bahawa sudah ada tanda-tanda perubahan ke arah mendapatkan barang dari sumber-sumber baru dan murah hasil daripada inisiatif yang telah dijalankan oleh Kerajaan. Ini juga dapat dilihat dari perhubungan-perhubungan dagang yang baru antara Malaysia dengan negara-negara Eropah Timur dan negara-negara membangun yang lain. Seterusnya ramai di antara Ahli Yang Berhormat yang telah menyalahkan sekatan-sekatan impot menjadi punca inflasi yang ada sekarang ini. Kenyataan ini adalah tidak benar kerana

sekatan-sekatan impot yang dikenakan di atas keluaran-keluaran yang telah ada di negara ini adalah sebagai melindungi industri-industri kita daripada bahaya perlumbakan. Tambahan pula sekatan impot yang direka untuk mengawasi impot yang berlebihan adalah diulang-kaji setiap 3 bulan supaya dapat memastikan tiada berlaku kekurangan keluaran dan kenaikan harga berlebihan di dalam negeri. Patutlah disadari bahawa sekatan-sekatan impot telah digunakan sejak tahun 1964. Tetapi kadar inflasi di negara ini dari 1964 hingga 1970 adalah lebih kurang 1% purata setahun sahaja. Kadar ini telah meningkat naik pada tahun 1972 dan 1973 oleh kerana beberapa sebab yang telah dinyatakan beberapa kali di dalam Dewan ini. Oleh itu tidaklah benar bahawa sekatan impot adalah punca inflasi yang telah berlaku baru-baru ini.

Ahli Yang Berhormat dari Batu tidak begitu jelas bila ia menuduh bahawa kelewatan membuat keputusan adalah juga menyebabkan keadaan inflasi. Dari segi perindustrian, saya ingin menjelaskan di sini bahawa keputusan-keputusan yang lewat tidaklah berlaku sebab segala permohonan yang diterima oleh Kementerian ini akan diproses dalam masa sebulan sebaik saja diterima, kecuali di mana kajian-kajian mendalam adalah perlu dilakukan supaya memberi faedah kepada ekonomi. Sebelum sesebuah kilang dibenarkan penubuhannya, soal permintaan dan pengeluaran akan sentiasa dikaji lebih dahulu oleh Kementerian saya. Di masa ini terdapat 4 buah Kilang Simen dan memandangkan kepada permintaan simen semakin bertambah, Kerajaan telah meluluskan rancangan perkembangan bagi 3 buah Kilang Simen lagi iaitu satu di Perlis, satu di Johor dan satu lagi di Sarawak. Mengenai besi-waja pula, kekurangan batang-batang besi di masa ini adalah terutamanya disebabkan oleh kesukaran memperolehi bahan-bahan mentah seperti bellets dan "plate cuttings" sebagai bahan utama yang telah berkurangan di pasaran dunia. Saya suka mengambil kesempatan di sini menyatakan di sini bahawa Kementerian saya telahpun selesai membuat kajian-kajian berhubung dengan industri besi-waja di negara kita. Hasil dari kajian ini dan perakuan-perakuan akan dikemukakan kepada Kerajaan untuk dipertimbangkan dan membuat keputusan muktamad.

Mengenai kemajuan industri di Sabah seperti dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Darvel, Kerajaan tidaklah mengamalkan dasar diskriminasi kerana segala langkah dan polisi berkaitan dengan pembangunan industri adalah meliputi semua negeri yang kurang maju. Sebagai bukti, sejak tahun 1971 sehingga akhir bulan Oktober, 1973, Kerajaan telah meluluskan 28 buah projek yang akan bertempat di Sabah iaitu 6 buah projek dalam tahun 1971, 8 buah projek dalam tahun 1972 dan 14 buah projek dalam 10 bulan pertama dalam tahun ini. Projek-projek tersebut yang bermodal kira-kira \$22.5 juta dijangka akan memberikan pekerjaan kepada seramai 3,150 orang. Keluaran-keluaran projek tersebut di antaranya ialah kayu lapis, "veneer", nuts and bolts, cat, tepung gandum, makanan binatang, alat-alat perabot kayu, keluaran aluminium dan lain-lain lagi.

Menyentuh industri yang bercorak ekseptot yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bruas, memanglah Kerajaan memberi galakan lumayan kepada usaha-usaha seumpama ini. Pemberian Taraf Perintis adalah satu daripada kriteria yang penting dalam perkara ini. Pusat-pusat anjuran pelaburan telah ditubuhkan di negara ekseptot utama seperti Amerika Syarikat, Jerman Barat dan Jepun. Akhir-akhir ini Kerajaan telah menganjur dan menyertai seminar pelaburan di negara-negara Switzerland, Jepun dan Scandinavia untuk membentangkan keterangan-keterangan berkenaan dengan suasana dan kemungkinan pelaburan di Malaysia kepada pelabur-pelabur asing di sana. Dalam tahun 1974 akan datang, tiga lagi seminar pelaburan luar negeri akan diadakan iaitu di Eropah, Amerika Syarikat dan Australia/New Zealand. Sebagai hasilnya, seperti yang ternyata dalam ulangkaji pertengahan tahun Rancangan Malaysia Kedua, ekseptot keluaran perkilangan meningkat pada kadar 18.8% setahun mulai dari tahun 1971-1973 yang mana melebihi matlamat sebanyak 15% setahun. Dalam 10 bulan pertama tahun ini, Kerajaan telah meluluskan 102 projek yang telah dikenakan syarat ekseptot sekurang-kurangnya 90%. Kerajaan dalam pada itu telahpun merancang lebih banyak lagi kawasan-kawasan perusahaan dibuka untuk menampung permintaan bagi tapak-tapak perusahaan.

Akhir sekali, satu aspek yang lain telah juga dibincangkan di Dewan ini ialah mengenai Syarikat Perkapalan Antarabangsa Malaysia atau MISC yang telah menimbulkan rasa keraguan pada Ahli Yang Berhormat dari Larut Utara. Saya suka menyatakan di sini bahawa ajen MISC di Singapura ialah terdiri dari Leo Shipping Pte. Ltd. dan di Bangkok ialah Thai Intercontinental dan Coastal Shipping Co. Ltd. Tidaklah benar tuduhan beliau yang menyatakan bahawa seorang ahli dalam Lembaga MISC boleh mempengaruhi orang-orang lain. Saya suka menjelaskan di sini bahawa adalah agak luar biasa bagi orang-orang Malaysia ataupun Kerajaan Malaysia campurtangan di syarikat di negara orang-orang lain melainkan dasar negara-negara itu membenarkan.

7.25 mlm.

**Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Shariff Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Menteri Penerangan, saya ingin menjawab beberapa perkara yang menyentuh Kementerian Penerangan. Saya suka mengucapkan terima kasih kepada teguran-teguran yang membina dan pihak kami akan berusaha untuk memenuhi seberapa yang boleh kehendak-kehendak itu. Memanglah menjadi cita-cita Kementerian ini hendak menambah lagi local production, tetapi ini terpaksa dijalankan secara beransur-ansur kerana kekurangan kakitangan-kakitangan yang mahir. Pada pendapat kami tidaklah ada gunanya menambahkan air time TV jika air time itu dipenuhi dengan filem-filem dari luar negeri.

Kepada Yang Berhormat dari Batu Pahat, beliau telah membuat "research" dari 3-11-73—10-11-73 berhubung dengan program TV dan beliau berasa "air time" di TV itu tidak mencukupi untuk memberi penerangan yang cukup kepada rakyat.

Saya ucapkan terima kasih terhadap "research"nya itu tetapi cara beliau itu menjalankan tidaklah dibuat seperti demikian. Beliau hanya ambil TV sahaja dan hanya dalam satu masa yang singkat.

Cara RTM bekerja ialah seperti surat-khabar juga iaitu memberi "emphasis" kepada "event-event" yang tertentu pada satu-satu ketika seperti Hari-hari Ujama, Hari Kebesaran dan lain-lain lagi; dan RTM ada kelender bekerjanya sendiri.

Apa yang kami jalankan ialah program-program secara "integrated planning" dan bercorak "supplementary dan complementary" antara Radio dan TV.

Program-program kami dibahagi-bahagikan kepada saluran-saluran TV dan Radio mengikut "merit" program itu sendiri. Jika difikirkan program itu elok di TV maka dimasukkan ke TV dan jika elok untuk Radio maka dimasukkan ke Radio. Program TV memerlukan gambar-gambar yang tertentu. Di Radio pula maka kita bagikan kepada dua peringkat iaitu siaran "national" dan "regional" iaitu dari Kuala Lumpur; Johor Bahru, Pulau Pinang, Kuala Trengganu dan sekarang ini pula ada Siaran Radio Ibu Kota.

Program-program itu disalurkan dalam berbagai-bagai bahasa dan dialect.

Kepada Yang Berhormat dari Kota Star Utara, yang berkehendakkan supaya membanyakkan lagi rancangan Ugama di TV. Yang sebenarnya pada waktu biasa kita ada 4 program seminggu iaitu 2 di channel 1 dan 2 di channel 2. Yang di channel 2 itu ditujukan khas kepada saudara-saudara baru dan juga kepada mereka yang suka mengetahui Ugama Islam dari keturunan-keturunan lain kerana disampaikan dalam berbagai bahasa.

Dalam pada itu pula pada waktu-waktu yang tertentu seperti bulan puasa kita mengadakan lebih program-program Ugama. Suka saya hendak memaklumkan bahawa program-program Ugama di RTM itu bukanlah bercorak "sekolah di kuliah" tetapi dipadankan dengan pembangunan negara.

Dengan menyesuaikan program Ugama dengan pembangunan negara maka kita harapkan pengikut-pengikut Ugama Islam di masa akan datang bersikap lebih progressive sepertilah juga dengan pemimpin-pemimpin Islam di masa Rasulullah dahulu.

Sekarang saya beralih kepada wakil Dato' Kramat. Beliau berkata, saya dengan sewenang-wenangnya menuduh beliau membuat kenyataan secara "street talk" iaitu dalam ucapan saya semasa menjawab ucapannya dalam bahasan "mid-term review" baharu-baharu ini.

Saya suka ulang dan menegaskan bahawa Yang Berhormat itu memang membuat

ucapan-ucapannya terhadap RTM berdasarkan "cerita-cerita" di tepi jalan.

Saya akan "proofkan" kenyataan saya dengan berdasarkan kepada ucapan Yang Berhormat itu pada 12-12-1973 I quote:

"I am sure he cannot deny that the Chinese Section and Tamil Section of Broadcasting Department have been completely abolished".

Di sinilah yang saya katakan beliau itu mendengar cerita-cerita di tepi jalan sahaja. Bahagian Bahasa Cina dan Bahagian Bahasa Tamil tidak diabolished. Bahasa-bahasa itu masih berjalan seperti biasa hatta lebih di setengah-setengah bidang.

Apa yang berlaku ialah Kementerian Penerangan menukar nama bahagian-bahagian itu tetapi dari segi praktiknya tidak berubah. Dulu kita panggil "Bahagian Bahasa Tamil", "Bahagian Bahasa Cina", "Bahagian Bahasa Inggeris" dan "Bahagian Bahasa Melayu". Sekarang kita sebut secara "symbol" sahaja kerana kami seberapa yang boleh hendak mengurangkan perkataan-perkataan yang bercorak perkauman atau "compartmentalization". Ini adalah sesuai dengan konteks masyarakat kita hari ini yang berada dalam proses "integration of society".

- (i) Bahagian Tamil ini diganti dengan: Rangkaian Merah.
- (ii) Bahagian Bahasa Cina diganti dengan: Rangkaian Hijau.
- (iii) Bahagian Bahasa Inggeris diganti dengan: Rangkaian Biru.
- (iv) Bahagian Bahasa Melayu diganti dengan: Rangkaian Nasional.

Pendek kata, semuanya hilang nama lama dan digantikan dengan nama baru kerana nama lama itu "tidak serasi" dalam zaman merdeka dan dalam proses kita hendak membentuk satu "identiti Malaysia tulin."

Satu lagi dalil Yang Berhormat itu mendengar cerita di tepi jalan ialah: Perubahan ini sudah berjalan mulai Januari 1973 dan hanya baru hari ini saja Yang Berhormat itu sedar terhadap penyusunan "administrative structure" di Kementerian ini.

Saya suka hendak memberi jaminan bahawa penyusunan "administrative structure" ini tidak langsung menjejaskan kedudukan bahasa-bahasa Tamil dan Cina di Radio;

jauh sekali dari apa yang dikatakannya "destroying the cultures of Chinese and Tamil customs."

Begitu juga pada wakil dari Teluk Anson. Kepada saya Yang Berhormat itu baru sahaja bangun dari mimpi di tengahari. Seperti yang saya katakan kepada wakil dari Datuk Kramat maka "perubahan nama" di radio iaitu dari bercorak perkauman kepada "symbol" telah berjalan selama lebih kurang satu tahun dan baru hari ini sahaja Yang Berhormat itu sedar, itupun "dicedok dari ucapan Ahli Dato' Kramat. Yang Berhormat ini sendiri nampaknya tak tahu langsung dengan hakikat Rangkaian Hijau dan Rangkaian Merah itu.

Suka saya hendak memberitahu kepada wakil Teluk Anson bahawa "issue" yang bercorak perkauman seperti yang diperjuangkannya itu tidak laku lagi di Malaysia ini; dan ini telah "diproofkan" dalam beberapa pilihanraya kecil di merata-rata tempat termasuklah dalam kawasan saya sendiri dalam bulan lalu.

Jumlah undi di tiap-tiap pilihanraya kecil adalah bercakap dengan sendirinya. Parti-parti yang mempelupori "issue" perkauman lingkup. "Kerajaan Tun Razak" tidak suka menjadi ketam—suruh anaknya berjalan ke hadapan tetapi dianya berjalan mengereng. Dengan lain-lain perkataan, "Kerajaan Tun Razak" ada policy "integration"-nya dan menjalankannya seberapa yang boleh, dan policy ini mendapat sokongan "Majority of the people" in Malaysia.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang Perbekalan, 1974 dibacakan kali yang kedua.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat 66 yang telah diluluskan pada 4hb Disember, 1973, Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatan-kuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$1,894,423,905 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1974 dan bagi maksud kepada dan pecahan-pecahan-kepala perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau "(P)" dalam senarai Belanjawan Persekutuan bagi tahun 1974 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 32 tahun 1973, adalah diuntukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan-kepala itu di ruangan 6 and 7 senarai tersebut.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.40 malam.*